

PARLIMEN KESEMBILAN
Ninth Parliament
PENGKAL KETIGA
Third Session
MESYUARAT KETIGA
Third Meeting

Jilid III Bil.54 Hari Khamis 23 Oktober 1997

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN(Ruangan

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan 1998 (Ruangan)

USUL:

Anggaran Pembangunan 1998 (Ruangan)

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Dato' Mohamed Zahir bin Haji Ismail, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K. J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, D.K.I., D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S. (Kubang Pasu)

Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, Dato' Seri Anwar bin Ibrahim, D.U.P.N., S.S.A.P., S.S.S.A., D.G.S.M., S.P.N.S., S.P.D.K., D.M.P.N. (Permatang Pauh)

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, Dato' Seri Dr. Ling Liong Sik, D.G.S.M., S.P.M.P., D.P.M.S., D.P.M.P. (Labis)

“ Menteri Kerja Raya, Dato' Seri S. Samy Vellu, S.P.M.P., S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput)

“ Menteri Perusahaan Utama, Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik, S.P.M.P., D.P.C.M. (Beras)

“ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, Datuk Leo Moggie anak Irok, P.N.B.S. (Kanowit)

“ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Seri Rafidah Aziz, S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar)

“ Menteri Pertanian, Datuk Seri Amar Dr. Haji Sulaiman bin Haji Daud, S.I.M.P., D.A., D.S.S.A., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya)

“ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Megat Junid bin Megat Ayob, S.P.D.K., D.P.C.M., D.S.A.P., A.M.P., A.M.K. (Pasir Salak)

“ Menteri Pendidikan, Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak (Orang Kaya Indera Shahbandar), S.S.A.P., S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S. (Pekan)

Yang Berhormat Menteri Penerangan, Dato' Mohamed bin Rahmat, S.P.M.J., S.I.M.P., S.S.S.A., S.S.I.J., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Pulai)

- “ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato’ Sabbaruddin Chik, S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh)
- “ Menteri Sumber Manusia, Dato’ Lim Ah Lek, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.T., J.P. (Bentong)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha, D.S.A.P., P.N.B.S., D.P.T.J., J.M.N. (Kuala Rajang)
- “ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Datuk Law Hieng Ding, P.N.B.S., K.M.N., P.B.S., P.B.J. (Sarikei)
- “ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato’ Dr. Ting Chew Peh, D.P.M.P. (Gopeng)
- “ Menteri Pertahanan, Dato’ Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi)
- “ Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato’ Haji Annuar bin Haji Musa, S.I.M.P. (Peringat)
- “ Menteri Luar Negeri, Datuk Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, D.G.P.N., D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas)
- “ Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Datuk Osu bin Haji Sukam, P.G.D.K. (Papar)
- “ Menteri Belia dan Sukan, Tan Sri Dato’ Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, P.S.M., S.P.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh)
- “ Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Gombak)

Yang Berhormat Menteri Kesihatan, Datuk Chua Jui Meng, D.I.M.P., S.M.J., P.I.S. (Bakri)

- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., P.P.T. (Sik)

- “ Menteri Pembangunan Usahawan, Dato’ Mustapa bin Mohamed, D.P.M.S. (Jeli)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Tuan Ong Tee Keat, S.M.S. (Ampang Jaya)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin, P.G.D.K (Kinabatangan)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato’ Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik)
- “ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, Dato’ Hishamuddin bin Tun Hussein, D.P.M.J. (Tenggara)
- “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato’ Azmi bin Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar)
- “ Timbalan Menteri Kesihatan, Dato’ Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman, D.I.M.P. (Paya Besar)
- “ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Dato’ Loke Yuen Yow, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim)
- “ Timbalan Menteri Kerja Raya, Datuk Railey bin Haji Jaffrey, P.G.D.K., J.M.N. (Silam)
- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Dato’ Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus, D.S.N.S. (Jempol)
- “ Timbalan Menteri Luar Negeri, Datuk Dr. Leo Michael Toyad, P.G.B.K., J.B.S. (Mukah)
- “ Timbalan Menteri Pertahanan, Dato’ Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang)
- Yang Berhormat Timbalan Menteri Penerangan, Dato’ Drs. Suleiman bin Mohamed, D.P.M.S. (Titiwangsa)
- “ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato’ Teng Gaik Kwan, D.I.M.P., A.M.N., P.P.N. (Raub)
- “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tuan Peter Chin Fah Kui, P.B.S., A.B.S. (Miri)

- “ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dato’ Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu)
- “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato’ Kerk Choo Ting, D.P.M.P. (Taiping)
- “ Timbalan Menteri Pertanian, Dato’ Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor, S.P.M.T., D.P.M.T., K.M.N., P.J.C., J.P., P.J.K. (Setiu)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato’ Wong See Wah, D.S.N.S. (Rasah)
- “ Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datuk Peter Tinggom anak Kamarau, P.N.B.S., J.B.S., K.M.N., P.B.S., A.M.N., P.P.C. (Saratok)
- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk Dr. Fong Chan Onn, D.M.S.M. (Selandar)
- “ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, Dato’ Chan Kong Choy, D.S.A.P., .D.P.M.S. (Selayang)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato’ Ong Ka Ting D.P.M.P. (Pontian)
- “ Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato’ K. Kumaran, D.P.M.P., K.M.N., J.S.M., P.M.P., P.P.T., J.P. (Tapah)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato’ Dr. Affifudin bin Haji Omar, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap)
- Yang Berhormat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr. Ibrahim bin Saad, D.M.S.M. (Tasek Gelugor)
- “ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato’ Abu Bakar bin Daud, D.S.M.T., D.S.A.P., D.P.M.T., J.M.N., P.J.C., P.J.K. (Kuala Terengganu)
- “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam, D.C.S.M., D.M.S.M., D.S.M., P.B.M. (Batu Berendam)

- “ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato’ S. Subramaniam, D.S.N.S., D.P.M.J., S.M.J. (Segamat)
- “ Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Goh Cheng Teik (Nibong Tebal)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Chenderoh)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. (Kuantan)
- “ Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan, Tuan Idris bin Jusoh, P.J.K. (Besut)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Dato’ M. Mahalingam, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Subang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato’ Mohd. Noh bin Rajab, D.S.N.S. (Tampin)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Tuan Douglas Uggah Embas, A.B.S., P.B.S. (Betong)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Tuan Yong Khoon Seng (Padawan)

Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, Puan Ainon Khariyah binti Dato' Mohd. Abas, P.M.P., A.M.P. (Parit)

- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Haji Muhamad bin Abdullah, D.I.M.P., S.M.P., P.J.K. (Maran)
- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Othman bin Abdul, D.S.S.A., A.M.P., P.P.T. (Pendang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Dato’ Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh, D.S.S.A., S.M.S., S.S.A., K.M.N. (Kuala Langat)

- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan, Tuan Chor Chee Heung (Alor Setar)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tuan Ahmad Kamaruzaman bin Mohamed Baria (Jerantut)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, Dato’ Abu Bakar bin Taib, D.S.D.K., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Langkawi)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Tan Chai Ho, P.J.N., K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, P.G.D.K. (Semporna)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, Dato’ Shahrizat binti Abdul Jalil, D.I.M.P. (Lembah Pantai)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Tuan G. Palanivel, P.J.K. (Hulu Selangor)
- “ Tuan Abdol Mulok bin Haji Awang Damit (Labuan)
- “ Tuan Abdul Aziz bin Mohd. Yassin (Muar)

Yang Berhormat Tun Abdul Ghafar bin Baba, S.S.M. (Jasin)

- “ Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang (Marang)
- “ Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman (Sungai Benut)
- “ Tuan Abdul Rahin bin Dato’ Mohd. Said (Kuala Nerus)
- Tuan Abdul Rahman bin Haji Sulaiman, S.S.A., A.M.N., A.M.S., A.M.P., A.D.K. (Parit Buntar)
- “ Datuk Patinggi Tan Sri Haji Abdul Taib Mahmud, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K., S.S.A.P. (Kota Samarahan)
- “ Datuk Abu Seman bin Haji Yusof, D.M.S.M., J.P., B.K.T. (Alor Gajah)

- “ Dato’ Haji Abu Zahar bin Dato’ Nika Ujang, D.S.N.S.,
A.M.N. (Kuala Pilah)
- “ Tuan Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P.
(Tambun)
- “ Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K.
(Bagan Datok)
- “ Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman (Libaran)
- “ Tuan Amihamzah bin Ahmad (Lipis)
- “ Datu Amirkahar bin Tun Datu Haji Mustapha (Marudu)
- “ Raja Dato’ Ariffin bin Raja Sulaiman, D.S.D.K., S.M.S.
(Baling)
- “ Tuan Asmat Nungka (Beluran)
- “ Dato’ Haji Badruddin bin Amiruldin, D.S.D.K., B.K.M.,
P.J.K. (Yan)
- “ Tuan Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz, A.S.A. (Hulu
Langat)

Yang Berhormat Tuan Billy Abit Joo (Hulu Rajang)

- “ Tuan Haji Buniyamin bin Yaakob (Bachok)
- “ Tuan Chang Kon You (Ipoh Timor)
- “ Che Ibrahim bin Mustafa, P.J.K. (Sungai Petani)
- “ Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera)
- “ Tuan Chiew Chiu Sing (Bintulu)
- “ Dato’ Joseph Chong Chek Ah, D.S.P.N. (Batu)
- “ Puan Chua Soon Bui (Tawau)
- “ Tun Daim bin Haji Zainuddin, S.P.M.S., S.S.M., D.H.M.S.,
S.S.A.P. (Merbok)
- “ Tuan Fu Ah Kiow (Mentakab)

- “ Tuan Hamzah bin Ramli (Sri Gading)
- “ Dato Haji Hanafi bin Ramli, D.S.D.K., S.M.S., K.M.N., A.M.K., A.M.N., P.P.N., P.J.K., J.P. (Jerlun)
- “ Tuan Hashim bin Ismail, P.P.N., P.I.S. (Ledang)
- “ Tuan Henrynus Amin, A.D.K. (Kinabalu)
- “ Dato’ Hew See Tong, D.P.M.P., J.P., P.M.P. (Kampar)
- “ Tuan Ho Cheong Sing, A.M.N. (Ipoh Barat)
- “ Dato’ Hon Choon Kim, D.S.N.S. (Seremban)
- “ Tuan Hoo Seong Chang (Kluang)
- “ Tuan Haji Ibrahim bin Mahmood (Kuala Krai)
- “ Tuan Ibrahim bin Pateh Mohamad (Tanah Merah)

Yang Berhormat Puan Hajah Ilani binti Dato’ Haji Isahak (Kota Bharu)

- “ Tuan Jacob Dungau Sagan, P.P.B. (Baram)
- “ Dato’ Jamaluddin bin Adnan (Kuala Selangor)
- “ Dato’ Dr. Haji Jamaluddin bin Dato’ Mohd. Jarjis, D.I.M.P., S.A.P. (Rompin)
- “ Tuan James Jimbun Anak Pungga, P.B.S. (Kapit)
- “ Tuan Jawah Anak Gerang (Lubok Antu)
- “ Tuan Jimmy Lim @ Jimmy Donald (Sri Aman)
- “ Tuan Joseph Mauh Anak Ikeh (Selangau)
- “ Datuk Joseph Pairin Kitingan (Keningau)
- “ Dato’ Dr. Kamal bin Salleh, D.S.P.N., K.M.N., P.K.T., J.M.N. (Wangsa Maju)
- “ Tuan Kamarudin bin Ahmad (Arau)

- “ Tuan R. Karpal Singh (Jelutong)
- “ Dr. L. Krishnan, P.M.C., A.M.N. (Telok Kemang)
- “ Tuan Lau Ngan Siew, A.D.K. (Sandakan)
- “ Dr. Lee Chong Meng (Bukit Bintang)
- “ Dr. G. Leelavathi, A.M.N. (Kapar)
- “ Tuan Liew Ah Kim (Seputeh)
- “ Tuan Lim Guan Eng (Kota Melaka)
- “ Tuan Lim Hock Seng (Bagan)
- “ Tuan Lim Kit Siang (Tanjong)

Yang Berhormat Tuan Vincent Lim Kuo Phau (Petaling Jaya Utara)

- “ Puan Lim Lay Hoon, P.P.N., B.K.M. (Padang Serai)
- “ Datuk Lim Si Cheng, P.I.S. (Senai)
- “ Tuan Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan)
- “ Dato’ Haji Mahbud bin Haji Hashim, D.S.S.A., A.S.A., P.J.K. (Sabak Bernam)
- “ Tuan Mansor bin Masikon (Batu Pahat)
- “ Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Bandau)
- “ Tuan Md. Isa bin Sabu (Kangar)
- “ Tuan Michael Lisa Kaya, B.B.S. (Bukit Mas)
- “ Tuan Haji Mohamad bin Sabu (Kubang Kerian)
- “ Tuan Haji Mohamed bin Haji Abdullah (Pasir Puteh)
- “ Tuan Mohamed Khaled bin Nordin P.I.S. (Johor Bahru)
- “ Datuk Mohd. Salleh bin Tun Said, P.G.D.K. (Kota Belud)

- “ Dato’ Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan, D.I.M.P., P.M.P., A.M.P., J.P. (Larut)
- “ Tuan Mokhtaruddin bin Wan Yusof (Dungun)
- “ Tuan Haji Mustafa bin Muda, A.M.N., A.M.T., P.P.N., P.J.K. J.P. (Hulu Terengganu)
- “ Tuan Haji Nik Mohd. Amar bin Haji Nik Abdullah (Pengkalan Chepa)
- “ Tuan Noh bin Omar, P.J.K. (Tanjong Karang)
- “ Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi (Balik Pulau)

Yang Berhormat Datuk Nurnikman bin Abdullah (Beaufort)

- “ Tuan M. Kulasegaran a/l V. Murugeson (Teluk Intan)
- “ Dr. Patau Rubis, P.B.S. (Mas Gading)
- “ Tuan Paul Noutin, A.D.K. (Penampang)
- “ Tuan Philip Yong Chew Lip, A.D.K. (Gaya)
- “ Dato’ Haji Qamaruz Zaman bin Haji Ismail, D.P.M.P., P.C.M., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Bagan Serai)
- “ Tuan Radin Malleh (Tenom)
- “ Dr. Ramli bin Taib (Kemaman)
- “ Mulia Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang)
- “ Tuan Richard Riot Anak Jaem (Serian)
- “ Tuan Robert Lau Hoi Chew (Sibu)
- “ Puan Rohani binti Haji Abd. Karim, P.P.B. (Santubong)
- “ Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad, P.I.S. (Parit Sulong)

- “ Dato’ Salamon bin Selamat, D.P.M.S., S.S.A., A.M.S., P.J.K. (Shah Alam)
- “ Dr. Sanusi bin Daeng Mariok (Rantau Panjang)
- “ Puan Seripah Noli binti Syed Hussin (Sepang)
- “ Cik Siti Zainab binti Abu Bakar, S.M.J. (Tebrau)
- “ Datuk S’ng Chee Hua, D.S.N.S., P.G.D.K. (Julau)
- “ Datuk Song Swee Guan, P.G.D.K. (Bandar Kuching)
- “ Cik Sukinam Domo (Batang Sadong)

Yang Berhormat Dato’ Haji Sukri bin Haji Mohamed, D.J.M.K., J.P. (Machang)

- “ Dr. Tan Chong Keng (Bukit Mertajam)
- “ Dr. Tan Kee Kwong (Segambut)
- “ Tuan Tan Kok Wai (Cheras)
- “ Dr. Tan Seng Giaw (Kepong)
- “ Dr. Tan Yee Kew (Kelang)
- “ Tuan Tiong Thai King (Lanang)
- “ Tuan Tue Si @ Chang See Ten, P.I.S. (Gelang Patah)
- “ Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman, B.K.M. (Pokok Sena)
- “ Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, P.B.S. (Batang Lupar)
- “ Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood (Tumpat)
- “ Tuan Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan Baru)
- “ Dato’ Yap Pian Hon, D.M.P.S., A.M.N., P.J.K. (Serdang)
- “ Dr. Yap Yit Thong, A.M.P., A.M.N. (Lumut)

- “ Dr. Yee Moh Chai (Tanjong Aru)
- “ Tuan Yeong Chee Wah (Batu Gajah)
- “ Tuan Yunof Edward Marinking (Tuaran)
- “ Tuan Yunus bin Rahmat (Jelebu)
- “ Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob, A.D.K. (Sipitang)

Yang Berhormat Tuan Zainal Abidin bin Osman (Mersing)

- “ Tuan Haji Zainuddin bin Haji Mohamad Nor, S.M.K. (Pasir Mas)
- “ Dato' Haji Zakaria bin Mohd. Said, D.S.D.K., S.M.K., K.M.N., P.J.K. (Kuala Kedah)

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat : Datuk Haji Abdul Rahman bin Haji Ali,
D.P.M.T., A.M.N., P.J.K., A.M.S., S.M.T.,
A.S.D.K., P.S.D.

Penolong Setiausaha Kanan : Zamani bin Haji Sulaiman

Penolong Setiausaha : Haji Mustakin bin Selamat
: Puan Nor Hayatee binti Abdullah

CAWANGAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Pegawai Penerbitan: Azhari bin Hamzah
Monarita binti Mohd. Hassan

Ketua Pelapor Perbahasan Parlimen: Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop,
P.P.N.

PELAPOR PERBAHASAN PARLIMEN

Mohd Saleh bin Mohd. Yusop
Hajah Supiah binti Dewak
Mohamed bin Osman
Hajah Norishah binti Mohd. Thani
Shamsina binti Janor

BENTARA MESYUARAT

Lt. Kol (B) Haji Rahimuddin bin Abdul Mutalib
Mejar (B) Abdul Halim bin Haji Ali
Mejar (B) Zakaria bin Salleh

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Khamis, 23 Oktober 1997

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

D O A

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI
PERTANYAAN-PERTANYAAN

TANAH SAWAH TIDAK EKONOMIK - RANCANGAN KERAJAAN

1. **Tuan Abdul Rahman bin Haji Sulaiman [Parit Buntar]** minta Menteri Pertanian menyatakan rancangan jangka panjang kementerianya berhubung tanah-tanah sawah yang didapati tidak lagi ekonomik untuk diusahakan sama ada kerana saiznya terlalu kecil atau tidak mempunyai infrastruktur yang cukup untuk diusahakan secara moden. Adakah kementerian bersedia membenarkan kerajaan-kerajaan negeri menukar syarat kegunaan tanah-tanah seumpama itu yang banyak terdapat di daerah Kerian untuk dibangunkan sebagai kawasan perumahan atau industri.

Timbalan Menteri Pertanian [Dato' Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat:

- (i) Kementerian Pertanian mempunyai beberapa rancangan jangka panjang berkaitan dengan tanah-tanah sawah yang tidak lagi ekonomik untuk diusahakan sama ada kerana saiznya terlalu kecil atau tidak mempunyai infrastruktur yang mencukupi khususnya di kawasan-kawasan jelapang padi termasuk di daerah Kerian.

- (ii) Bagi menangani masalah tanah sawah yang saiznya terlalu kecil, Kementerian Pertanian menggalakkan pelaksanaan sistem ladang berkelompok atau mini estet. Melalui sistem ini, tanah-tanah sawah yang bersaiz kecil dapat digabungkan di bawah satu unit pengurusan dan lebih ekonomik untuk diusahakan oleh kumpulan petani-petani sendiri atau melalui pertubuhan peladang kawasan (PPK).

Di samping itu, tuan-tuan tanah yang tidak akan mengusahakan tanah-tanah mereka sendiri terutamanya yang berpotensi tinggi digalakkan untuk menyewakan tanah-tanah mereka kepada petani-petani lain dan juga kepada PPK atau usahawan-usahawan tani yang sudah lama wujud di kawasan tanaman padi bagi diusahakan secara berkala besar.

- (iii) Berkaitan dengan masalah tiada kemudahan infrastruktur yang mencukupi pula, saya suka menjelaskan bahawa pada keseluruhannya tanah-tanah sawah di kawasan Kerian telah disediakan dengan infrastruktur pengairan dan saliran di bawah Projek Pembangunan Pertanian Bersepadu Kerian-Sungai Manik yang mana kerja-kerja pembinaan telah siap pada tahun 1990. Kerja-kerja pembangunan pada tahun-tahun berikutnya hingga sekarang tertumpu kepada usaha-usaha meningkatkan

penggunaan jentera dan pelaksanaan jentera dan pelaksanaan sistem tanaman padi secara tabur terus.

Selain daripada itu di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh, projek drainage folder sedang dilaksanakan untuk meningkatkan keberkesanan sistem saliran dan produktiviti kawasan sawah di daerah Kerian.

Perairan setempat dan meningkatkan tahap kejenteraan ladang serta khidmat sokongan untuk memodenkan sistem persawahan di daerah Kerian.

- (iv) Memandangkan pada ketika ini tanah merupakan satu daripada masalah utama yang dihadapi dalam pembangunan sektor pertanian dan dalam usaha kementerian untuk mencapai tahap sara diri beras negara sekurang-kurangnya 60% menjelang tahun 2010 seberapa yang boleh, kementerian tidak menggalakkan kegunaan kawasan-kawasan jelapang padi ditukar syarat untuk tujuan perumahan atau industri.

Walau bagaimanapun, kementerian menyedari bahawa terdapat kawasan-kawasan jelapang padi ditukar syarat untuk tujuan perumahan atau industri.

Walau bagaimanapun, kementerian menyedari bahawa terdapat kawasan-kawasan yang telah dikenalpasti sebagai kawasan tanaman kurang berpotensi dari segi hasil

atau kurang sesuai pada masa ini untuk tanaman padi. Ini adalah disebabkan sama ada oleh jenis tanaman atau masalah saliran bagi tanah-tanah sedemikian yang terletak di kawasan jelapang padi, usaha-usaha akan terus diambil untuk membaikpulih kawasan berkenaan dengan menyediakan kemudahan infrastruktur yang sesuai.

Tuan Abdul Rahman bin Haji Sulaiman: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada kementerian kerana kepekaan terhadap keperluan mengadakan infrastruktur terutama sekali di kawasan jelapang padi Kerian. Tetapi kemusykilan saya ialah walaupun sepertimana yang disebutkan tadi, usaha sedang dibuat untuk menggalakkan penjenteraan dan pertanian secara tabur terus, masalah yang dihadapi oleh para petani di kawasan yang berkenaan ialah tiadanya jalan-jalan ladang yang membolehkan jentera digunakan untuk masuk ke kawasan-kawasan sawah dan juga masalah dan kelemahan yang dihadapi terhadap projek bersepadu Kerian-Sungai Manik yang mengakibatkan tidak keseluruhan kawasan berkenaan mendapat bekalan air yang cukup untuk membolehkan pertanian secara tabur terus ini. Jadi, apakah langkah-langkah kementerian untuk mengatasi masalah ini?

Dato' Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor: Terima kasih kepada Yang Berhormat. Sebenarnya, kementerian saya telah pun menyedari apa yang dijelaskan oleh Ahli Yang Berhormat dan sehingga ini kita telah mengarahkan kepada pegawai-pegawai kita supaya membuat penyiasatan terutama sekali tentang jalan-jalan ladang tadi dan juga ada sebahagian lebih

kurang dalam 300 hingga 400 ekar yang belum mendapat air dan kita telah mengarahkan supaya kajian dibuat dan kalau air itu mencukupi maka insya-Allah, kita akan menjalankan projek ini dalam Midterm Review ini. Itu sedang dikaji.

Dr. Yap Yit Thong: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya difahamkan buat masa kini sara diri berkenaan beras 76%, saya ingin bertanya berapa tan setiap tahun negara kita hendak mengimport beras dan amaun yang disalurkan untuk mengimport beras.

Dato' Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Lumut. Sara diri yang kita maksudkan di sini 65% adalah merupakan pengeluaran minimum kita, tetapi kalau dengan kawasan yang ada ini, kita boleh mengeluarkan sehingga 70% hingga 80%, itu lebih baik. Sehingga ini kita telah mengeluarkan lebih kurang 1.7 juta tan padi yang melibatkan 1.2 juta tan beras. Bila dia jadi beras - susut sehinggakan 1.2 juta tan. Kita terpaksa import lebih kurang 350,000 hingga 400,000 setahun untuk menampung keperluan dan sehingga kini sara diri kita lebih kurang dalam 70%, kita telah dapat mengeluarkan 70% dan saya percaya bahawa kalau kemudahan asas dapat ditingkatkan dan penggunaan pengurusan ladang secara berkelompok dapat diperluaskan, insya-Allah kita akan boleh mengeluarkan padi sampai 95%, insya-Allah.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Asmat Nungka.

[Soalan No. 2 - Y.B. Tuan Asmat Nungka [Beluran] tidak hadir]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Jacob Dungau Anak Sagan.

[Soalan No. 3 - Y.B. Tuan Jacob Dungau Anak Sagan [Baram] tidak hadir]

MAJU HOLDING SDN. BHD. - PENGAMBILALIHAN SAHAM PERWAJA

4. **Tuan Abdul Aziz bin Mohd. Yassin [Muar]** minta Menteri Kewangan menyatakan terma-terma dan syarat-syarat yang telah dikenakan kepada MAJU HOLDINGS SDN. BHD. untuk mengambil alih 51% saham PERWAJA dan apakah jaminan yang diberi oleh MAJU HOLDINGS SDN. BHD. untuk menjadikan PERWAJA satu syarikat yang boleh memberi keuntungan (viable).

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar]:

Tuan Yang di-Pertua, MAJU Holdings Sdn. Bhd. telah dikenakan terma-terma dan syarat-syarat yang biasa ditetapkan bagi pengambilalihan sesebuah syarikat kerajaan di bawah rancangan penswastan yang kini berjalan dengan lancar. Terma dan syarat tersebut terkandung dalam Perjanjian Jual-Beli yang telah ditandatangani oleh kedua-dua pihak dan meliputi jumlah balasan, bayaran deposit, tempoh bayaran, tanggungjawab kerajaan terhadap pengambilalihan hutang lama PERWAJA serta juga peruntukan bagi menjaga kepentingan kerajaan sekiranya MAJU gagal menjelaskan bayaran yang telah dipersetujui.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam apa-apa jua perniagaan terdapat risiko dan tiada jaminan yang boleh diberi bagi memastikan sesebuah syarikat tersebut memberi keuntungan.

Faktor luaran seperti kenaikan harga bahan mentah yang diimport, faedah yang meningkat ke atas pinjaman modal kerja serta juga permintaan

terhadap keluarannya yang menurun boleh menjejaskan keuntungan sesebuah perniagaan. Kerajaan berpendapat bahawa sekiranya sesebuah syarikat itu sanggup membeli perusahaan dengan satu jumlah nilai yang besar, maka untuk menjaga kepentingannya, pihaknya akan berusaha bersungguh-sungguh untuk memastikan pelaburannya memberi pulangan dan tidak tersia-sia.

Tuan Yang di-Pertua, dalam pada itu, sejak diberi mandat untuk mengurus Kumpulan PERWAJA pada bulan Julai 1996, MAJU Holdings telah berjaya mempertingkatkan prestasi syarikat, ini terbukti dengan kemampuan syarikat meningkatkan pengeluaran hasil kilang, penjimatan kos operasi dan meningkatkan lagi keyakinan pekerja.

Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Ekoran dari penjelasan Yang Berhormat bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberi penjelasan, mengapa Lion Group menarik diri dari Kumpulan PERWAJA dan memberikan Equal Concept setelah Lion Group menarik diri dan apakah bukti-bukti dan angka-angka tentang prestasi MAJU Holdings. Terima kasih.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, untuk saya memberi sebab yang sebenar mengapa Lion Group menarik diri mungkin tidak dapat saya beri kerana ini adalah rahsia mereka sendiri, mungkin oleh disebabkan oleh pemegangan ekuiti yang kecil dan mengenai dengan bukti-bukti yang dapat kita tunjukkan mengenai dengan apa yang saya katakan tadi ialah setakat bulan Mac tahun ini, pengeluaran billet telah meningkat kepada kadar 28% dibandingkan daripada sebelum diambil alih dan juga pengeluaran

bar and wire rod meningkat sebanyak 12.1% dan juga dari segi penurunan kerugian PERWAJA dalam masa di antara April 1995 kepada April 1996, pengurangan sebanyak 54% kerugian itu, iaitu kalau dahulu RM686 juta sekarang RM319 juta. Jadi, ini menunjukkan bahawa dalam setahun Equal Concept di bawah teraju MAJU Holdings telah menunjukkan kekesanannya di dalam meningkatkan produktiviti dan mengurangkan kerugian terkumpul.

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada sungguhpun PERWAJA telah diswastakan kepada MAJU Holdings adakah kerugian sebanyak yang beliau sebutkan tadi RM382 juta juga akan ditanggung oleh pihak kerajaan kerana saya perhatikan bahawa baru-baru ini kerajaan telah memberikan jaminan atau menjaminkan tiga crunch pinjaman iaitu:

- (i) Floating Rate Notes Use 2002 bertarikh 25 Julai 1997 sebanyak US\$400 juta;
- (ii) Islamic Notes Assurance Pacific Year Agreement bertarikh 25 Julai 1997 sebanyak RM1,200 juta; dan
- (iii) Notes Assurance Facility Agreement bertarikh 8 Julai 1997 sebanyak RM1,312 juta.

Tuan Yang di-Pertua, keseluruhannya RM3,832 juta pinjaman PERWAJA daripada bank-bank yang dijaminan oleh kerajaan. Adakah ini bermakna bahawa sungguhpun penswastaan tetapi kerajaan masih akan menanggung semua kerugian sepertimana yang kita lihat apabila mereka menjaminkan pinjaman RM3,832 juta ini.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, segala pinjaman dan kerugian yang ditanggung oleh PERWAJA sebelum diambil alih oleh Equal Concept adalah tanggungan kerajaan dan juga tanggungan ataupun liabiliti yang tertanggung oleh kerajaan sekarang adalah berjumlah RM5,362 juta yang mana sebelum operasi ini dijalankan oleh pihak MAJU Holdings, maka tanggungjawabnya adalah tanggungjawab kerajaan. Selepas operasi, itu tanggungjawab konsortium yang ditubuhkan.

OPERATOR TOWER CRANE - MASALAH KURSUS

5. **Tuan Lim Hock Seng [Bagan]** minta Menteri Sumber Manusia menyatakan sama ada sedar bahawa ramai operator tower crane yang ingin mengikuti kursus yang dianjurkan oleh agensi kerajaan tetapi tidak tahu membaca bahasa Malaysia dan Inggeris dan juga yuran pun sangat tinggi.

Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir]: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Sumber Manusia melalui Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negara atau National Institute for Occupational Safety and Health (NIOSH) telah memastikan penyesuaian yang tertentu dibuat kepada kursus untuk pengendali kren menara atau tower crane bagi menangani masalah komunikasi yang dihadapi oleh sebilangan kecil peserta kursus berkenaan. Di antara penyesuaian itu adalah:-

- (i) menyediakan tenaga pengajar yang boleh berkomunikasi dalam bahasa Mandarin dan Tamil;
- (ii) menyediakan nota-nota dalam bahasa-bahasa utama Malaysia;

- (iii) menggunakan kaedah pengajaran yang lebih mudah difahami seperti grafik, lukisan, model dan sebagainya; dan
- (iv) melaksanakan proses penilaian secara lisan sebanyak yang mungkin.

Kementerian ini juga berpendapat yuran yang dikenakan sebanyak RM1,400 seorang untuk kursus itu adalah munasabah dan berpatutan kerana yang diutamakan ialah industri pembinaan akan mendapat tenaga kerja lebih mahir, terlatih dan berpengetahuan yang mampu meminimumkan insiden kemalangan. Semenjak awal Ogos 1997 sehingga 16 Oktober 1997 sebanyak 15 kursus telah dijalankan membabitkan seramai 100 pengendali kren menara.

Tuan Lim Hock Seng: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kerajaan melalui NIOSH telah menetapkan bahawa semua operator tower crane perlu mendapat kelayakan iaitu menetapkan satu tempoh Ogos hingga Februari tahun depan, selepas Februari tahun depan mereka yang tidak dapat kelayakan itu akan dianggap seperti memandu kereta tanpa berlesen dan dalam tempoh enam bulan ini ramai telah berkata ini adalah satu tempoh yang sangat pendek untuk menjalankan seluruh kelayakan untuk semua operator.

Adakah kementerian bercadang supaya tempoh mendapat kelayakan boleh dipanjangkan memandangkan ramai yang masih belum mendapat kursus-kursus seperti ini.

Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Yang di-Pertua, kursus-kursus ini baru dimulakan dan kita akan mempertingkatkan lagi

kekerapan kita mengadakan kursus-kursus ini. Tetapi di samping NIOSH, pihak Construction Industry Development Board (CIDB) juga menerusi Akademi Pembinaan Malaysia juga sedang mengadakan kursus-kursus yang sama.

Oleh sebab kursus-kursus ini adalah diadakan untuk kebaikan dan kalau sampai waktunya kita perlu memanjangkan masa itu, insya-Allah, kita akan memanjangkan masanya.

Tuan Md. Isa bin Sabu: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya soalan tambahan dengan tujuan hendak membantu Ahli Yang Berhormat dari Bagan. Jadi, adakah kementerian Yang Berhormat Dato' sudi menerima bagi peserta-peserta yang tidak boleh membaca, misalnya dalam bahasa Inggeris dan bahasa Malaysia, mungkin banyak didapati dalam kawasan Bagan sepertimana yang disoalkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Bagan.

Jadi, saya minta penjelasan dari Yang Berhormat Dato' untuk mereka yang tidak erti membaca. *[Ketawa]* Jadi, hendak bantu Ahli Yang Berhormat dari Bagan.

Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Yang di-Pertua, memang ini adalah suatu kerja di mana pada ketika ini banyak yang telah boleh operate crane ini tetapi tidak dapat kelulusan kerana mereka buta huruf ataupun tidak faham bahasa Malaysia dan Inggeris. Itulah sebabnya kita telah menyediakan tenaga pengajar yang boleh berkomunikasi dalam bahasa Mandarin dan Tamil.

Di samping itu, kita juga menggunakan kaedah yang lebih mudah difahami seperti grafik, lukisan, model dan sebagainya.

KESELAMATAN JALAN RAYA - KAJIAN ASPEK TEKNIKAL

6. **Tuan Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz [Hulu Langat]** minta Menteri Pengangkutan menyatakan sudahkah kementerian menjalankan kajian dan penyelidikan menyeluruh mengenai aspek-aspek teknikal di jalan dan lebuh raya yang mungkin menjadi punca kemalangan jalan raya. Ini kerana, masih terdapat tiang-tiang lampu isyarat yang berada di tengah-tengah jalan di persimpangan tertentu dan ada pula permukaan jalan yang tidak rata atau grediannya tidak betul mengikut keperluan selekoh dan sebagainya.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya [Tuan Yong Khoon Seng]: Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab soalan ini dari Kementerian Kerja Raya bukan Kementerian Pengangkutan oleh kerana soalan ini ada menyentuh aspek-aspek teknikal jalan raya.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah.

Tuan Yong Khoon Seng: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kerja Raya telah mengkaji dan menyiasat aspek-aspek teknikal dan kejuruteraan khususnya dari segi keselamatan bagi semua jalan-jalan utama dan lebuh raya di seluruh negara.

Hasil dari penyiasatan tersebut sebanyak 307 kawasan telah dikenalpasti sebagai bahaya dan boleh menjadi punca kemalangan. Dalam Rancangan Malaysia Ketujuh, kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM62.9 juta bagi memperbaiki kawasan-kawasan tersebut. Kerja-kerja pembaikan ini dilaksanakan oleh Jabatan Kerja Raya.

PENGLONAN HAIWAN - RANCANGAN KERAJAAN

7. **Tuan Haji Buniyamin bin Yaakob [Bachok]** minta Menteri Pertanian menyatakan adakah kerajaan mempunyai rancangan dan bercadang meluluskan projek pengklonan haiwan ternakan yang didakwa boleh meningkatkan kualiti dan kuantiti pengeluaran dan seterusnya mengurangkan pergantungan negara kepada bekalan daging import; jika ya, bilakah rancangan tersebut akan dilaksanakan dan jika sebaliknya tiada cadangan, apakah sebabnya.

Timbalan Menteri Pertanian [Dato' Dr. Haji Tengku Mahmud bin

Tengku Mansor: Tuan Yang di-Pertua, bidang bioteknologi termasuk projek pengklonan merupakan satu bidang yang masih baru di Malaysia dan kebanyakan aktiviti-aktiviti berkaitan bioteknologi masih dalam peringkat penyelidikan dan pembangunan.

Pada masa kini belum ada projek pengklonan yang tertentu yang boleh dilaksanakan bagi meningkatkan pengeluaran daging. Sebelum projek-projek pengklonan boleh dipertimbangkan kerajaan hendaklah terlebih dahulu mewujudkan mekanisme-mekanisme tertentu bagi menjamin pelaksanaan projek-projek ini secara teratur dan selamat. Ke arah ini kerajaan telah pun menubuhkan dua jawatankuasa di Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar iaitu:

- (i) Jawatankuasa Keselamatan Bioteknologi yang bertujuan menentukan projek-projek bioteknologi yang dilaksanakan tidak mempunyai kesan yang negatif ke atas alam sekitar, keselamatan dan kesihatan manusia dan haiwan serta isu-isu berkaitan agama dan moral;

- (ii) Direktorat Bioteknologi Kebangsaan untuk mengawasi serta meningkatkan pembangunan bioteknologi yang memberi penekanan ke arah aplikasi komersial.

Tuan Haji Buniyamin bin Yaakob: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih, soalan tambahan. Oleh kerana pengklonan ini nampaknya lambat lagi masuk ke negara kita sedangkan keperluan makanan khususnya daging dan penggunaan daging import begitu berleluasa di negara kita sekarang ini, apakah rancangan kerajaan untuk hendak memperbanyakkan ternakan khususnya hendak membekalkan daging-daging kepada secara komersial di negara kita dan saya percaya kalau banyak padang golf yang terdapat di negara kita ini kita jadikan lapangan ataupun padang ternak boleh memberi jaminan kepada masyarakat. Adakah kerajaan hendak tukar padang golf jadi padang rumput?

Dato' Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat. Sebagaimana yang kita ketahui, bahawa kita import lebih kurang 70,000 tan daging pada setiap tahun. Dan kementerian saya memang memandang serius dan kita telah merayu bukan kepada tuan-tuan padang golf ya, tidak munasabah Yang Berhormat. Tetapi kepada tuan-tuan ladang kelapa sawit dan getah kerana kita ada lebih kurang 1.2 juta hektar tanah ladang tersebut. Jadi, kalau satu hektar boleh ternak seekor bererti seolah-olah 1.2 juta ekor boleh ditenakkan.

Di samping itu, sistem feed lock kandang juga digalakkan dan saya percaya di bawah Tabung Pemakanan (3F) Food For Fun itu insya-Allah, kita

akan dapat mengembangkan lagi industri ternakan-ternakan lembu, kambing dan biri-biri ini di negara kita.

Saya rasa dengan cara itu kita akan dapat mengurangkan import kita dari masa ke semasa.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan tentang klon. Pada mulanya saya hendak memberikan syabas kepada PAS kerana soalan yang semasa, moden tentang klon. Tetapi bila cadangkan supaya kerajaan bela lembu di padang golf itu 'command'lah itu. *[Ketawa]* Yang pertama, high class, soalan yang kedua tak ada kelas. Sebab dia selalu datang ke kawasan saya.

Soalan klon ini, kita telah mendengar banyak penggunaan alat saintifik klon ini di Eropah adalah satu isu yang besar. Saya hendak bertanya adakah kerajaan berhati-hati dengan penggunaan teknik klon ini, takut disalahgunakan, mungkin nanti wakil rakyat di sana dia akan buat 100 orang macam muka dia. *[Ketawa]* Dan kita akan menghadapi masalah. Kalau 100 orang datang ke kawasan saya masalah besar saya.

Soalan saya, adakah kita sedar bahawa kalau salah gunakan teknik klon ini, dia akan menimbulkan satu masalah besar kepada bukan negara tetapi kepada manusia. Saya minta pandangan Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Tuan Haji Buniyamin bin Yaakob: Ini yang klon ini lembu UMNO atau lembu PAS? *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat Bachok, jangan.

Seorang Ahli: Peraturan mana yang dia ikut ini?

Dato' Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor: Tuan Yang di-Pertua, saya ucap terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Rompin.

Sebagaimana yang kita ketahui bahawa pengklonan di Malaysia ini diberi perhatian kepada ternakan-ternakan haiwan. Kalau saya takrifkan pengklonan itu bolehlah dikatakan pengklonan haiwan ialah suatu kaedah untuk mengganda haiwan yang diketahui mempunyai sesuatu kualiti genetik yang tinggi pada sesuatu masa.

Jadi, saya beri jaminan bahawa kementerian tidak akan menyalahgunakan pengklonan ini khususnya untuk manusia kerana kalau ada seorang pun seperti wakil rakyat itu, kita sudah tidak larat hendak halau di kampung-kampung. *[Ketawa]* Jadi, kalau 100 lagi, saya rasa satu penyakit yang besar khususnya soal kafir mengkafir dan sebagainya. *[Ketawa]*

RUMAH KEDAI MILIK BUMIPUTERA - PERATURAN

8. **Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]** minta Menteri Pembangunan Usahawan menyatakan:-

- (a) adakah benar bahawa kaum bumiputera hanya memiliki 5% daripada rumah-rumah kedai yang terdapat di seluruh negara dan apakah langkah yang telah dan sedang diambil oleh kerajaan untuk meningkatkan lagi bilangan bumiputera untuk memiliki rumah-rumah kedai tersebut; dan
- (b) apakah kerajaan bercadang menubuhkan satu syarikat perumahan amanah untuk membeli rumah-rumah kedai yang diperuntukkan kepada bumiputera tetapi tidak mampu dibeli oleh bumiputera.

Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan [Tuan Idris bin Jusoh]:

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Mengikut kajian penglibatan usahawan bumiputera di kompleks perniagaan rumah kedai yang dijalankan oleh Perbadanan Pembangunan Bandar (UDA) pada tahun 1996, ia mendapati bahawa penyertaan peniaga bumiputera hanya di peringkat 10.38% sahaja. Kajian ini telah dibuat meliputi kawasan Lembah Kelang, Kota Bharu, Sungai Petani, Johor Bahru, Kuantan dan Seremban.

Untuk Lembah Kelang hanya 5.7% sahaja melibatkan bumiputera. Kajian tersebut juga menunjukkan bahawa hanya 16.6% daripada keseluruhan ruang niaga bumiputera dimiliki sendiri, manakala bakinya adalah disewa.

Sememangnya menjadi matlamat kerajaan untuk melihat seberapa ramai usahawan bumiputera memperolehi ruang niaga yang terdapat di tempat-tempat strategik untuk perniagaan mereka.

Kerajaan melalui agensi-agensi pelaksana seperti UDA, Majlis Amanah Rakyat (MARA) dan Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri (PKEN) akan terus meningkatkan pembinaan kompleks perniagaan dan

rumah-rumah kedai terutamanya di kawasan-kawasan pertumbuhan baru untuk menempatkan usahawan bumiputera di pusat-pusat perdagangan.

Misalnya UDA Holdings Sdn. Berhad akan terus memperuntukkan lot-lot yang strategik dan memberi diskaun kepada penyewa dan juga pembeli bumiputera. Setakat ini UDA telah menjual 75.6% daripada keseluruhan ruang niaga yang dibina kepada bumiputera.

MARA pula setakat ini telah melaksanakan 267 projek rumah ataupun kedai, premis perniagaan yang terdiri daripada 4,142 lot ruang niaga yang telah disewakan kepada bumiputera. Dalam Rancangan Malaysia Ketujuh, MARA akan melaksanakan 65 projek melibatkan pembangunan, 1,600 lot rumah kedai ataupun premis perniagaan. Selain dari itu, di peringkat negeri beberapa kaedah dan pendekatan juga dilaksanakan untuk mempertingkatkan lagi pemilikan rumah-rumah kedai oleh bumiputera.

Sehubungan dengan ini, Kerajaan Negeri Pahang telah mewujudkan satu dana bagi tujuan membeli harta-harta komersial yang strategik untuk usahawan bumiputera menjalankan perniagaan mereka. Manakala Kerajaan Negeri Selangor telah memperuntukkan sebanyak RM10

juta sebagai permulaan untuk membeli premis-premis kuota bumiputera yang tidak terjual.

Kerajaan Negeri Perak pula menyediakan ruang-ruang niaga bagi bidang-bidang perniagaan yang khusus dalam bentuk francais dan change marketing.

- (b) Untuk soalan yang kedua pula, kerajaan setakat ini belum bercadang untuk menubuhkan syarikat perumahan amanah bagi tujuan membeli rumah-rumah kedai yang diperuntukkan kepada bumiputera. Sebaliknya usaha-usaha yang sedang giat dijalankan oleh UDA, MARA dan Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri dalam membina dan membeli ruang-ruang niaga untuk manfaat bumiputera akan dipertingkatkan.

Di samping itu, tindakan-tindakan juga diambil termasuk mempertingkatkan lagi pertukaran dan penyebaran maklumat antara agensi-agensi kerajaan dengan pemilik-pemilik kompleks, mengadakan program-program latihan yang tersusun dan terancang dalam bidang peruncitan dengan kerjasama agensi-agensi yang terlibat dan mengkaji kemungkinan mewujudkan dana untuk membeli ruang-ruang niaga dengan tujuan untuk dijual dan disewa kepada bumiputera.

Tuan Yunus bin Rahmat: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kalau kita melihat peratusan pemilikan bumiputera ke atas rumah-rumah kedai ini sebagaimana yang disebutkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri amat mengecewakan.

Saya ingin bertanya apakah langkah yang akan dilaksanakan oleh pihak kementerian bersama dengan pihak kerajaan negeri, apakah sebab yang menjadikan pencapaian ini begitu rendah, adakah oleh kerana bilangan usahawan bumiputera itu sememangnya sedikit ataupun terlalu banyak birokrasi yang berlaku di kalangan pihak yang membina bangunan-bangunan ataupun pemilik-pemilik bangunan yang berkenaan.

Tuan Idris bin Jusoh: Terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Jelebu. Sebenarnya, ada beberapa fakta yang menyebabkan mengapa penyertaan bumiputera di kompleks-kompleks perniagaan itu rendah. Di antara sebab-sebabnya ialah kesulitan pemilik-pemilik kompleks untuk mendapat peniaga bumiputera dalam 'trade mixs' ataupun 'products mixs' yang sesuai yang dijalankan di pusat-pusat perniagaan, terutamanya kerana kebanyakan peniaga bumiputera banyak berniaga dalam sektor bidang makanan, pakaian dan juga kedai runcit. Dan juga ada banyak lagi 'product mixs' yang lain ataupun bidang-bidang yang lain yang perlu dipenuhi di kompleks-kompleks perniagaan tersebut.

Sebahagian besar daripada pusat-pusat perniagaan ini biasanya dikuasai oleh anchor tenants yang memegang 30% hingga 50% ruang niaga kompleks-kompleks tersebut yang membuat baki ruang-ruang niaga yang lebih itu tidak

mencukupi. Antara lainnya juga ialah masalah pengetahuan tentang teknikal, pengetahuan pemasaran, pengetahuan kewangan untuk melibatkan diri dalam bidang runcit dan juga masa yang begitu lama yang diperlui untuk peniaga-peniaga di kompleks-kompleks tersebut.

Walau bagaimanapun, kementerian dengan kerjasama dewan perniagaan dan juga Dewan Bandaraya Kuala Lumpur telah mengadakan perjumpaan dengan pengusaha-pengusaha untuk memastikan latihan-latihan yang secukupnya dan melalui proses membangunkan golongan bumiputera kelas menengah ini kita harap perkara-perkara ini akan dapat diatasi.

Tuan Abdul Rahman bin Haji Sulaiman: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Salah satu sebab mengapa pemilikan rumah-rumah kedai di kalangan bumiputera begitu rendah saya kira ialah faktor harga yang begitu tinggi. Setengah-setengah rumah kedai di kawasan kecil pun dijual pada kadar sampai RM300 ribu hingga RM400 ribu seunit dan sudah tentu harga ini adalah terlalu sukar untuk menarik pembeli-pembeli bumiputera.

Salah satu cara yang telah dikenalkan di negeri Perak ialah untuk membolehkan agensi-agensi kerajaan membina rumah-rumah kedai yang harganya pada kadar kemampuan bumiputera, misalnya rumah kedai satu tingkat atau dua tingkat yang boleh dijual dalam sekitar RM100 ribu atau RM200 ribu satu unit.

Soalan saya ialah sama ada kementerian dalam usaha untuk membanyakkan pemilikan rumah kedai ini di kalangan bumiputera akan menggalakkan kerajaan-kerajaan negeri supaya mencontohi langkah tersebut di

samping meminta pemaju-pemaju swasta supaya membina rumah-rumah kedai yang mampu dibeli oleh bumiputera bukan yang berharga setengah juta dan sebagainya.

Tuan Idris bin Jusoh: Tuan Yang di-Pertua, Terima kasih Yang Berhormat. Memang itu juga di antara strategi-strategi yang telah dikemukakan oleh kementerian supaya premis-premis ataupun rumah-rumah kedai yang dibina akan mampu dibeli oleh peniaga-peniaga bumiputera.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dr. Tan Chong Keng.

[Soalan No. 9 - Y.B. Dr. Tan Chong Keng [Bukit Mertajam] tidak hadir]

MENTOR-MENTEE - PENCAPAIAN

10. Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman [Sungai Benut] minta Menteri Pembangunan Usahawan menyatakan:-

- (a) bilangan 'Mentor' yang dikenalpasti mengikut bidang masing-masing; dan
- (b) bilangan 'Mentee' yang telah mendapatkan khidmat nasihat dari 'Mentor' dan adakah kerajaan berpuashati dengan khidmat nasihat yang diberikan oleh 'Mentor' yang berdaftar dengan kementerian.

Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan [Tuan Idris bin Jusoh]: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Sejak program Mentor dilaksanakan pada penghujung tahun 1995 sehingga September 1997 sejumlah 28 buah syarikat besar telah menyertai program ini sebagai mentor. Dari jumlah tersebut, tujuh buah syarikat terlibat dalam

bidang pemaju hartanah, enam di dalam bidang pembuatan, empat di bidang kejuruteraan, tiga di bidang kontraktor binaan dan selebihnya di bidang teknologi maklumat, perladangan dan perkhidmatan yang merangkumi perkapalan, pengangkutan dan perhotelan.;

- (ii) Setakat ini sejumlah 155 mentee telah mendapat bimbingan, khidmat nasihat dan bantuan daripada mentor masing-masing. Kementerian belum lagi berpuas hati dengan pencapaian program ini dan berpendapat khidmat bimbingan yang diberikan oleh mentor mestilah boleh dipertingkatkan lagi. Kesungguhan mentor memberi khidmat bimbingan kepada mentee secara sukarela tanpa mengharapkan sebarang ganjaran ataupun insentif dari kerajaan akan dapat membantu kementerian untuk melahirkan dan membangunkan lebih ramai usahawan lagi.

Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, apabila program pembangunan usahawan yang mana terdiri vendor, mentor dan sebagainya dipindahkan atau dikeluarkan daripada MITI kepada Kementerian Pembangunan Usahawan, saya dapati program pembangunan usahawan ini nampaknya kurang berkesan dan termasuk Yang Berhormat sendiri kata tadi pun kurang berpuas hati.

Jadi, saya ingin tahu, apakah selain daripada tidak dapat memberi insentif kepada mentor-mentor apakah punca-punca lain, yang mana kita dapati sewaktu MOU ataupun sewaktu untuk menandatangani MOU, kita nampak banyak syarikat-syarikat yang telah maju ke depan, dapat siaran akhbar, dapat TV, kemudian adakah terdapat di kalangan syarikat-syarikat ini yang telah menandatangani program ini menarik diri selepas daripada minta dibuat program kemudian menarik diri begitu sahaja.

Jadi, kalau ada angka-angkanya, sila Yang Berhormat beritahu.

Tuan Idris bin Jusoh: Tuan Yang di-Pertua, untuk yang mengatakan tidak baik, baiklah saya katakan yang lebih positif dahulu. Kerana ada mentor-mentor yang baik, ada mentor yang bukan hanya membimbing tetapi ada mentor yang memberi projek kepada mentee mereka, memberi latihan sambil kerja, memberi bantuan kewangan dan ada mentee-mentee yang segar megar sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, di samping itu juga ada juga mentor-mentor yang datang ke kementerian untuk berdamping dekat dengan menteri, untuk dapat menandatangani MOU di depan khalayak ramai dan masuk dalam surat khabar besar-besar, itu pun ada dan sehingga kini tidak ada yang menarik diri kerana setelah pelancaran itu ada mereka yang hanya mendiamkan diri dan tidak ada yang menarik diri.

11. **Dr. G. Leelavathi [Kapar]** minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan adakah delegasi sukan yang ke luar negara sama ada menyertai acara sukan ataupun seminar serta kursus, turut sama membantu negara dalam mempromosikan Sukan Komanwel (Sukom'98).

Timbalan Menteri Belia dan Sukan [Dato' Loke Yuen Yow]: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Belia dan Sukan memang mengambil peluang untuk mempromosikan Kuala Lumpur '98 semasa acara-acara sukan ataupun seminar-seminar di luar negara dengan mengadakan pameran Kuala Lumpur '98 dan juga mengedarkan pelbagai barangan keluaran Sukom Ninety Eight Berhad seperti maskot, risalah, poster dan sebagainya. Ini dilakukan semasa Kejohanan Olahraga Dunia di Athens dari 1 hingga 10 Ogos 1997 yang dianjurkan oleh Persekutuan Olahraga Amatur Antarabangsa dan juga semasa Sukan SEA di Jakarta yang lepas.

Selain daripada promosi-promosi yang dikendalikan sendiri oleh SUKOM Ninety Eight Berhad semasa acara-acara sukan di luar negara, syarikat tersebut ada juga membekal maklumat-maklumat, risalah, poster dan sebagainya kepada atlet-atlet Malaysia yang mengambil bahagian dalam pertandingan-pertandingan luar negara seperti: _

- (i) Kejohanan World Police and Fire Games pada bulan Mei 1997;
- (ii) Pertandingan Badminton iaitu Piala Sudirman dan Kejohanan Perseorangan Sedunia (World International Championship) di Glasgow dalam bulan Julai 1997;
- (iii) Kejohanan Bola Jaring ASEAN Ke IV di Singapura dalam bulan Ogos 1997; dan

- (iv) Pertandingan Olahraga Veteran di Afrika Selatan dalam bulan Julai 1997.

Sukom Ninety Eight Berhad juga bercadang mengadakan promosi semasa Sukan Olimpik Musim Sejuk di Nagano, Jepun yang akan diadakan dalam bulan Februari tahun hadapan.

Pegawai-pegawai teknikal yang dihantar untuk berkursus di luar negara juga mengambil peluang mempromosikan Kuala Lumpur '98 dengan membawa bersama matlamat-matlamat dan risalah-risalah yang dibekalkan oleh Sukom Ninety Eight Berhad.

Tuan Zainal Abidin bin Haji Osman: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kementerian Belia dan Sukan telah mewujudkan homepagenya sendiri. Jadi, saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri, adakah kementerian bercadang untuk menggunakan homepage ini sepenuhnya sebagai salah satu strategi mempromosikan Sukom ke seluruh dunia khususnya negara-negara Komanwel dan jika ya apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh kementerian setakat ini.

Dato' Loke Yuen Yow: Tuan Yang di-Pertua, tentulah Kementerian Belia dan Sukan akan menggunakan homepage dengan sepenuhnya untuk mempromosikan bukan sahaja Sukan Kuala Lumpur '98 dan juga sukan-sukan lain yang akan dianjurkan oleh negara kita ini. Jadi, dengan mempunyai homepage dan juga menggunakan langkah-langkah yang lain, kita dapat mempromosikan acara-acara sukan yang ada dalam negara kita ini.

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada beliau bercadang untuk mengadakan satu arrangement atau urusan khas dengan siaran-siaran cable news network seperti CNN kerana kalau apa-apa promosi yang dijalankan oleh pihak kerajaan akan gagal selagi ada berita yang tidak baik yang dipaparkan dalam news service contohnya jerebu dan juga krisis ekonomi yang melanda negara.

Dan bolehkan Yang Berhormat menyatakan sama ada negara-negara seperti Nigeria dan Myanmar akan turut dibenarkan menyertai Sukan Komanwel.

Dato' Loke Yuen Yow: Tuan Yang di-Pertua, seperti apa saya katakan, untuk mempromosikan Sukan Kuala Lumpur '98, kerajaan khususnya Kementerian Belia dan Sukan akan menggunakan semua langkah untuk mempromosikannya ini termasuk urusan-urusan khas apa-apa sahaja yang akan memberi keberkesanan yang positif untuk mencapai tujuan kita.

Jadi, berkenaan dengan negara-negara yang mana akan dibenarkan atau tidak mengambil bahagian dalam Sukan Kuala Lumpur '98, ini terpulang kepada International Commonwealth Committee untuk membuat keputusan, itu bukan keputusan negara kita sahaja.

KEBERSIHAN BANDAR - PENGUATKUASAAN UNDANG-UNDANG

12. **Tuan Zainal Abidin bin Haji Osman [Mersing]** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan ekoran dari rasa kesal Perdana Menteri dengan sikap masyarakat yang tidak menjaga kebersihan sehingga

menjejaskan imej negara terutama di bandar-bandar besar yang menjadi tumpuan orang ramai, adakah kementerian merasakan perlu dipertingkatkan penguatkuasaan undang-undang kerana nampaknya cara mendidik kurang berkesan. Apakah bentuk tindakan yang akan diambil sekiranya sikap buruk ini berterusan.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Dato'

Azmi bin Khalid]: Tuan Yang di-Pertua, kedua-dua aspek penguatkuasaan dan pendidikan adalah amat penting dalam memberi kesedaran kepada orang ramai terhadap penjagaan kebersihan persekitaran khususnya di bandar-bandar besar.

Dalam hal ini, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah memperingatkan semua pihak berkuasa tempatan supaya meningkatkan penguatkuasaan undang-undang berkaitan di kawasan pentadbiran masing-masing.

Sebagai pendekatan jangka panjang, kerajaan telah mengarahkan semua pihak berkuasa tempatan supaya berusaha untuk menjuruskan pentadbiran dan perkhidmatan mereka ke arah penganugerahan piawaian ISO 9000 agar setiap urusan kerja dan tugas dapat diperincikan dan supaya pengurusan pihak berkuasa tempatan akan lebih telus dalam semua bidang. Kini sudah ada sebuah pihak berkuasa tempatan yang telah mendapat anugerah ISO 9000 ini dan didapati pada amnya kebersihan dan perkhidmatan bandar berkenaan adalah jauh lebih baik dan lebih bersih dari bandar-bandar lain.

Tuan Zainal Abidin bin Haji Osman: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya pihak Yang Berhormat Timbalan Menteri

apakah perkembangan terakhir berkaitan dengan kempen kebersihan tandas awam yang dilancarkan oleh pihak kementerian.

Dato' Azmi bin Khalid: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih atas soalan ini. Sebenarnya, kempen kebersihan tandas belum lagi bermula secara rasmi. Kertas kerja yang terperinci telah pun siap diuruskan dan pihak kementerian akan mengemukakannya kepada Kabinet untuk pertimbangan selanjutnya, oleh kerana banyak perkara yang perlu dipertimbangkan khasnya dari segi peralatan-peralatan. Banyak tandas awam pada hari ini yang bermasalah adalah disebabkan (antaranya adalah) peralatan-peralatan yang terlalu senang rosak, tidak tahan lasak, maka ini adalah satu perkara yang perlu ditangani terlebih dahulu.

Di samping itu, kita akan mencadangkan satu program jangka pendek dan program jangka panjang untuk mendidik masyarakat ke arah mencapai kebersihan tandas awam.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat kata ada majlis daerah yang mendapat kejayaan dari segi mempertingkatkan kebersihan. Tetapi adakah Yang Berhormat sedar juga bahawa dari segi kita hendak mendidik masyarakat ataupun memberi amaran kepada masyarakat supaya bersikap bersih, adakah Yang Berhormat sedar juga bahawa tempat-tempat kemudahan untuk membuang sampah itu sendiri tidak mencukupi di dalam kawasan-kawasan yang perlu diadakan tempat-tempat membuang sampah.

Di samping itu juga, kita dapati bahawa skim penswastaaan kebersihan yang dianjurkan oleh majlis-majlis daerah ini tidak mendatangkan perubahan seperti yang dijalankan oleh majlis kerajaan tempatan yang dahulu bermaknanya kebersihan kawasan-kawasan bandar tidak begitu baik dan teratur.

Jadi, adakah pihak kementerian akan mengkaji semula skim ini dan memastikan bahawa pihak kementerian juga meletakkan tempat-tempat membuang sampah dengan mencukupi dan mendidik anak-anak sekolah juga dari segi kebersihan.

Dato' Azmi bin Khalid: Tuan Yang di-Pertua, sememangnya kerajaan sedar bahawa tempat-tempat pembuangan sampah masih ada pihak berkuasa tempatan yang kurang memuaskan. Arahan telah pun diberi supaya mereka mengkaji dengan terperinci supaya ahli masyarakat dapat menggunakan, dapat membuang sampah di tempat-tempat yang senang iaitu 'user friendly' bukan sahaja dari segi tempat bahkan rekabentuknya juga telah pun dicadangkan sebagai 'user friendly' reka bentuk.

Dari segi penswastaaan, kerajaan tidak bercadang untuk menarik balik oleh kerana didapati, dengan penswastaaan, perkhidmatan adalah lebih baik daripada tidak diswastakan. Cuma kalau hendak dipertingkatkan dari segi khidmat, kerajaan akan meneliti agar segala usaha penswastaaan ini kerja-kerjanya dapat dipertingkatkan dari segi kebersihan. Pada akhirnya, bagaimana kita swastakan pun, kita tidak akan dapat mencapai kejayaan melainkan dengan kerjasama ahli individu masyarakat itu sendiri yang perlu datangnya daripada

rumah, bermakna anak-anak dari kecil perlu dipupuk dengan nilai-nilai kebersihan dan inilah menjadi masalah dan inilah yang menjadi sasaran jangka panjang pihak kerajaan.

PEMBANGUNAN KUALA LUMPUR - NASIB SETINGGAN

13. **Tuan Liew Ah Kim [Seputeh]** minta Perdana Menteri menyatakan dengan pelaksanaan projek mega untuk pembangunan Kuala Lumpur telah menyebabkan setinggan dan pemilik kilang (diistilahkan sebagai kilang haram oleh DBKL) menghadapi tindakan diusir keluar. Sila nyatakan:-

- (a) sama ada kerajaan bersetuju mengadakan penempatan semula kepada setinggan dan pemilik kilang yang terbabit; dan
- (b) sama ada bayaran sagu hati diberikan kepada mereka memandangkan projek-projek mega ini menyebabkan mereka kehilangan tempat tinggal, harta benda dan mata pencarian.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Haji

Muhamad bin Abdullah]: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Setinggan-setinggan dan pemilik-pemilik kilang haram di atas tanah kerajaan dan di atas rizab jalan dan sungai perlu dipindahkan apabila terlibat dengan pembangunan infrastruktur di Kuala Lumpur. Bagi projek-projek yang dijalankan secara penswastaaan, pihak pemaju perlu menyediakan kediaman alternatif kepada setinggan-setinggan berkenaan melalui projek pembangunan mereka sendiri. Peraturan ini adalah selaras dengan dasar yang telah dipersetujui supaya semua setinggan kediaman yang

terlibat dengan pembangunan diberikan kediaman alternatif apabila sesuatu projek dijalankan.

Sehubungan dengan itu, kerajaan hanya bersetuju supaya penempatan semula setinggan kediaman disediakan oleh pemaju berkaitan melalui pembinaan rumah kos rendah atau penempatan kekal yang lain. Manakala, pemilik-pemilik kilang haram yang terbabit tidak perlu diberikan tapak alternatif dan mereka yang terlibat perlu berusaha sendiri mencari tempat perniagaan yang baru.

- (b) Bayaran pampasan tidak akan diberikan kepada setinggan-setinggan sekiranya pemaju projek berkenaan menyediakan tapak kediaman alternatif. Walau bagaimanapun, bayaran sagu hati perpindahan boleh dipertimbangkan atas dasar kemanusiaan sahaja. Namun begitu, pemilik-pemilik kilang haram terbabit tidak akan diberi apa-apa sagu hati atau ganti rugi.

Tuan Liew Ah Kim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Memandangkan pihak berkuasa ataupun DBKL tidak mempunyai satu wawasan, maka setinggan komersial - saya hanya sentuh setinggan komersial bukan setinggan kediaman sekarang, setinggan komersial tidak ada harapan langsung apabila mereka menghadapi masalah kekosongan tanah bagi pihak pemaju untuk menjalankan projek mega ataupun thega mereka kerana DBKL

tidak mempunyai apa wawasan itu, long term, short term ataupun midterm tidak ada langsung untuk pusat industri kecil.

Adakah DBKL mempunyai pusat-pusat industri kecil apabila setingan komersial ini diminta pindah keluar daripada kawasan masing-masing, mereka terpaksa memberhentikan perniagaan yang selama sepuluh tahun atau dua puluh tahun ataupun lebih mereka menjalankan perniagaan mereka.

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah itu Yang Berhormat.

Tuan Liew Ah Kim: Soalan tambahan ialah adakah pihak berkuasa ataupun DBKL menimbang ataupun menguruskan dari dasarnya mempunyai atau memperuntukkan tempat ataupun pusat industri kecil supaya mereka dapat menempatkan semula apabila mereka menghadapi masalah ini.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Dato' Haji Muhamad bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, sepatutnya setingan komersial berterima kasih kepada kerajaan kerana telah membenarkan mereka berapa lama duduk di tanah-tanah kerajaan berniaga. Kadangkala mereka berniaga ini mendapat keuntungan, sepatutnya mereka berpindah dan membeli kedai-kedai yang disediakan oleh kerajaan. Jadi, kalaulah kita sudahlah dia mendapat keuntungan berniaga tanpa membayar cukai pintu, cukai pendapatan, kemudian diberikan pula keistimewaan untuk berpindah ke tempat-tempat tertentu, seolah-olah kita melayan dan menggalakkan mereka supaya melakukan perkara begini.

Jadi, di atas dasar inilah maka kerajaan tidak ada memberi apa-apa keutamaan, hanya mereka kalau hendak membeli tempat berniaga serupa orang biasa, mereka adalah dipertimbangkan sebagaimana orang biasa. Terima kasih.

Tuan Yunus bin Rahmat: Tuan Yang di-Pertua, kita merakamkan ucapan terima kasih kepada kerajaan, hanya orang yang tidak bersyukur sahaja yang tidak tahu berterima kasih, macam DAP. Sudahlah duduk free tidak ada cukai tetapi tempelak kerajaan pula.

Soalan tambahan. Kalau boleh Yang Berhormat Dato' Setiausaha Parlimen menyatakan dalam jangkaan agaknya berapa ekarlah keluasan tanah yang diduduki oleh setinggan perumahan dan kilang ini yang ada di Lembah Kelang dan jumlah kilang yang dikatakan setinggan komersial tadi, yang dikenalpasti terutamanya di kawasan Seputeh, Sungai Besi dan sebagainya, dan saya ingin bertanya adakah setakat hari ini kilang-kilang yang sedemikian yang telah mengaut keuntungan secara percuma dikenakan tindakan di bawah Kanun Tanah Negara atau sebagainya.

Dato' Haji Muhamad bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, luasnya saya tidak dapat hendak menentukan, tetapi banyaklah.

Yang kedua, tidak kurang daripada 5,000 unit kilang dan bengkel haram yang ada di Wilayah Persekutuan. Jadi, yang lain itu saya tidak dapat menjawab secara tepat sebab tidak ada angka kepada saya. Terima kasih.

PROGRAM MENGGANTIKAN PEKERJA ASING DENGAN PEKERJA TEMPATAN

14. **Dr. Sanusi bin Daeng Mariok (Rantau Panjang)** minta Menteri Sumber Manusia menyatakan sama ada beliau mempunyai program dan

perancangan yang menyeluruh bagi menggantikan sebahagian besar pekerja asing di negara kita dengan memberi peluang kepada pekerja tempatan mendapat haknya semula dalam tempoh satu dua dekad akan datang.

Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dato' Abdul Kadir bin Haji

Sheikh Fadzir]: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan sememangnya mempunyai dasar mengutamakan pengambilan pekerja tempatan untuk mengisi jawatan-jawatan yang banyak terdapat di negara ini sebelum membenarkan mana-mana majikan mengambil pekerja rakyat asing. Justeru itu banyak bergantung kepada pekerja tempatan untuk merebut peluang-peluang pekerjaan yang ada tanpa merasa digugat saingan daripada pekerja asing.

Namun begitu, kerajaan tetap mempunyai program dan perancangan untuk menggantikan pekerja-pekerja asing dengan pekerja tempatan, di antaranya ialah:

- (i) meningkatkan kadar penyertaan aktif tenaga kerja tempatan di dalam pasaran buruh terutamanya tenaga buruh wanita, pesara-pesara, penagih-penagih dadah yang telah dipulihkan dan orang-orang yang kurang upaya;
- (ii) meminda Akta Kerja 1955 supaya majikan berminat untuk menggaji pekerja bekerja secara separa masa (part-time) atau melaksanakan waktu kerja anjal (flexi-time);
- (iii) memperhebatkan galakan kepada majikan-majikan yang berkecukupan supaya menggunakan kemudahan-kemudahan

Kumpulan Wang Pembangunan Sumber Manusia untuk menghantar pekerja-pekerja mereka mengikuti latihan semula dan peningkatan kemahiran selaras dengan dasar perindustrian negara yang mengutamakan industri berteknologi tinggi dan menjimatkan penggunaan buruh; dan

(iv) menggalakkan industri-industri berintensifkan buruh berpindah ke negara-negara lain yang tidak mempunyai masalah kekurangan buruh dan tidak menggalakkan kemasukan industri yang berintensifkan buruh kecuali ke Sabah dan Sarawak dan koridor timur Semenanjung Malaysia. Tetapi yang paling penting, Tuan Yang di-Pertua, adalah dengan keputusan kerajaan untuk membekukan pengambilan pekerja-pekerja asing.

Dengan terlaksananya program dan perancangan yang disebutkan di atas, adalah diharapkan sebahagian besar pekerja asing di negara ini akan digantikan dengan pekerja tempatan dalam tempoh yang terdekat ini.

Dr. Tan Seng Giaw: Saya ingin bertanya soalan tambahan. Nampaknya Yang Berhormat lebih yakinkan diri dengan tiada saman ke atasnya sekarang.

Seorang Ahli: Mr. Bean!

Dr. Tan Seng Giaw: Bukan dia buat salah, dia buat betul. Cuma MAS sahaja yang tak betul. Saya sokong dia.

Tuan Yang di-Pertua: Kepong, sila teruskan pertanyaan.

Seorang Ahli: Mr. Bean!

Dr. Tan Seng Giaw: Soalan tambahan. Saya harap dia boleh buat dengan tindakan yang sama ke atas pekerja-pekerja asing ini, Tuan Yang di-Pertua, adakah dia sedar bahawa setiap tahun pekerja-pekerja asing menghantar balik ke negara masing-masing lebih RM4 bilion ataupun RM5 bilion - RM3 bilion sahaja itu adalah hitungan Yang Berhormat dari Padang Terap, sentiasa diterapkan. Ini lebih RM4 bilion ataupun RM5 bilion mungkin dia hantar balik. Adakah Yang Berhormat hendak berusaha untuk memberi insentif-insentif yang lebih kepada program-program untuk mechanisation, automation untuk mechanisation supaya kita tidak payahlah adakan pekerja-pekerja asing pada masa hadapan. Tuan Yang di-Pertua.....

Tuan Yang di-Pertua: Sudah cukuplah itu. Dia pun faham ya.

Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya soalan ini saya telahpun jawab tadi iaitu memang kita.....

Dr. Tan Seng Giaw: *[Bangun]*

Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Saya sudah jawab tadi.

Dr. Tan Seng Giaw: Tidak ada insentif-insentif, memang kita adakan satu insentif atau beberapa insentif. Tidak ada insentif!

Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Kita ada menerusi Tabung Pembangunan Sumber Manusia, kita menggalakkan dan kursus-kursus

latihan kita pun semua sekarang telah package kepada latihan hi-tech dan kita telah tidak lagi memberi lesen kepada industri yang berintensifkan buruh. Ini secara tak langsung kita menggalakkan.

Tuan Chia Kwang Chye: Tuan Yang di-Pertua, saya tak faham DAP, minggu lepas memuji MAS, hari ini mengkritik MAS. Jadi, apakah pendirian mereka? Saya ingin bertanya Timbalan Menteri, sektor mana sama ada sektor industri atau sektor perkhidmatan yang akan diberi keutamaan di mana kerajaan akan menggantikan pekerja asing dengan pekerja tempatan? Dalam lain-lain perkataan, apakah strategi jangka panjang atau jangka pendek di mana akan digunakan oleh kerajaan untuk menggantikan pekerja asing ini?

Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Saya rasa dari segi jangka panjang kita mengharapkan semua kerja yang memberi pendapatan yang lumayan patutlah diisi oleh rakyat kita dan pekerjaan yang tidak memerlukan kelayakan (unskilled) seperti di plantation dan sebagainya, itu kalau perlu, hendaklah diisikan oleh pekerja asing. Jadi, ini satu perkara yang kompleks, kita terpaksa ubah suai dasar kita dari masa ke semasa.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Mulut sudah cukup.

[Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No.2, 3, 9 dan 15 hingga 34 akan dijilid dalam buku berasingan]

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 1998

Bacaan Kali Yang Kedua

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN 1998

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah “Bahawa Rang Undang-undang Perbekalan 1998 dibacakan kali yang kedua sekarang” dan “Bahawa Usul yang berikut ini dirujuk kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis:”

“Bahawa Dewan ini, mengikut seksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966, membuat ketetapan iaitu satu jumlah wang sebanyak tidak lebih daripada RM18,491,268,800 (Ringgit Malaysia lapan belas bilion, empat ratus sembilan puluh satu juta, dua ratus enam puluh lapan ribu, lapan ratus) dibelanjakan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun 1998 dan bagi tujuan-tujuan dan butiran-butiran perbelanjaan pembangunan yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau (“P”) dalam senarai Belanjawan Persekutuan 1998 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 12 Tahun 1997, adalah diuntukkan di bawah Maksud-maksud yang berkenaan jumlah-jumlah yang bersetentangan dengan butiran-butiran itu di ruangan lapan dan sembilan senarai tersebut.” *[Hari Isnin, 22 Oktober 1997]*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Seremban, sila sambung ucapan.

3.36 ptg.

Dato' Hon Choon Kim [Seremban]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua kerana membenarkan saya menyambung perbahasan. Semalam saya mencadangkan supaya mengadakan satu kempen menggalakkan rakyat Malaysia membeli barang yang diperbuat atau dikeluarkan oleh syarikat-syarikat tempatan. Saya rasa kempen ini perlu kerana dengan kempen ini rakyat Malaysia akan mempunyai kesedaran tentang kualiti, tentang mutu barang-barang yang dikeluarkan oleh syarikat-syarikat tempatan adalah tinggi dan harganya pun sederhana.

Sebenarnya kita telah banyak menerima pengiktirafan tentang mutu barang yang dibuat oleh syarikat tempatan. Dalam Pentadbiran Penerbangan Persekutuan (FAA) Amerika Syarikat telah memberikan pengiktirafan yang pertama sekali di Asia kepada sebuah syarikat tempatan iaitu SME Aviation Sdn. Berhad untuk menghasilkan pesawat dengan 9 tempat duduk. Mereka juga dibenarkan mengeluarkan sebanyak 129 peralatan dan kelengkapan pesawat. Saya ucapkan tahniah dan syabas kepada Jabatan Penerbangan Malaysia (DCA) dan SME Aviation Sdn. Berhad. Ini telah menunjukkan bahawa kualiti barang yang dihasilkan oleh syarikat-syarikat tempatan sudah sampai kepada tahap yang cukup baik sampai persatuan Amerika Syarikat juga memberikan pengiktirafan.

Oleh kerana itu saya rasa kualiti kereta Proton dan barang-barang elektrik yang dihasilkan oleh NEC adalah sama standard dengan barang yang diimport. Jadi, saya berharap kempen ini dapat dijalankan supaya

menggalakkan rakyat Malaysia membeli barang-barang yang dikeluarkan oleh syarikat tempatan. Bahan-bahan seperti bahan-bahan binaan, jubin, perabot dan sebagainya memang kita boleh perolehi daripada syarikat-syarikat tempatan.

Di samping itu saya juga lihat bahawa satu kempen telah dilancarkan oleh sebuah syarikat, sebuah akhbar tempatan iaitu *Nan Yang Siang Pau* untuk melaksanakan satu kempen “Mencintai Negara”. Jadi, saya rasa ini pun patut digalakkan kerana melalui kempen ini rakyat akan merasakan cinta sayang kepada pucuk pimpinan Malaysia dan juga negara khususnya pada masa sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, kerana kejatuhan nilai mata wang Ringgit berbanding dengan mata wang negara perbankan, harga bagi banyak barang akan naik. Kerajaan perlu mengambil langkah untuk mengawal khususnya bahan-bahan makanan dan keperluan harian.

Dalam hal ini saya ingin sentuh sedikit tentang kenaikan tol. Saya memang tidak setuju sekarang untuk dibenarkan syarikat PLUS menaikkan kadar tol ini. Saya rasa semua Ahli Yang Berhormat akan setuju dan ramai rakyat pun telah melafazkan ketidakpuasan hati tentang cadangan untuk menaikkan kadar tol pada tahun yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa semua projek penswastan perlu kita kaji semula khususnya dari segi kawalseliaan tentang kadar caj dan mutu perkhidmatan dan juga kecekapan serta hal ehwal kebajikan kakitangan. Semalam saya baca surat khabar *The Star* ada satu laporan mengenai Kesatuan

Pekerja MAS Semenanjung Malaysia (Malaysian Airlines System Employees Union). Mereka telah bangkitkan bahawa hak-hak dan faedah-faedah pekerja tidak dapat dilindungi apabila mereka diserapkan oleh anak syarikat MAS. Ini telah berlaku. Hak-hak atau faedah-faedah ditawarkan oleh anak-anak syarikat itu memang banyak berbeza daripada apa yang patut diberikan seperti yang terkandung dalam surat perjanjian asal dengan MAS. Saya juga difahamkan bahawa banyak kes tentang masalah kebajikan pekerja MAS atau kakitangan MAS yang masih belum selesai. Mereka hendak jumpa majikan pun susah.

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap Timbalan Menteri Sumber Manusia akan membuat satu siasatan terhadap perkara ini. Kita tidak boleh biarkan pekerja MAS itu diabaikan dengan cara-cara yang dialami sekarang. Jadi saya menyeru pihak kerajaan akan mengambil satu tindakan yang tegas atau mencari satu penyelesaian untuk menyelesaikan masalah ini.

Tuan Yang di-Pertua, beberapa hari kebelakang ini kita lihat banyak masalah bekalan air. Mungkin itu pun ada hubung kait dengan projek penswastan yang kelak diluluskan oleh pihak kerajaan. Saya berharap kajilah sedalam-dalamnya, fikirilah semasak-masaknya kalau penswastan akan diperluaskan lagi kepada negeri-negeri lain. Kita tengok surat khabar *Malay Mail* hari ini, masalah bekalan air telah menjadi satu masalah cukup besar, cukup rumit. Saya tengok gambar Ahli Parlimen dari Serdang berunding dengan syarikat penswastan tentang masalah bekalan air.

Sebanyak 160 kawasan yang terlibat. Happy Garden, Jalan Kelang Lama enam hari tiada bekalan air. Mereka tidak happy lagi, sudah tentu mereka yang tinggal di Happy Garden tidak happy kerana tidak ada bekalan air. Dan mereka yang tinggal di rumah-rumah panjang cuba bayangkan keadaan ini. Ramai rakyat menggunakan Sungai Bukit Belachan, dilaporkan dalam surat khabar hari ini, untuk mandi, membasuh dan sebagainya. Juga dalam *Malay Mail*. Ada yang menggunakan pili bomba untuk mendapatkan air. Kita boleh tahan mereka curi air tetapi mereka tetap berbuat demikian. Jadi, saya berharap kerajaan mengambil satu langkah yang agak positif. Ekoran daripada masalah bekalan air ini, jutaan ringgit kerugian telah dialami oleh kilang-kilang yang terdapat di Klang Valley ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap Kementerian Kerja Raya berserta JBA Negeri Selangor akan mengambil satu langkah yang agak positif dan saya ingin menyoal mengapa tidak punya satu Contingency Plan, dengan izin, terhadap bekalan air ini, sampai susah rakyat terlibat. Dan mengapa pihak berkuasa membenarkan kuari beroperasi di tadahan air, tadahan air sebenarnya mesti dapat dikawal dan tidak benarkan sebarang perkilangan diadakan di dalam kawasan tadahan air. Ini soalan-soalan yang rakyat tanya dan kita berharap pihak-pihak yang bertanggungjawab akan memberikan satu jawapan.

Di kawasan saya masalah yang sama juga. Di Nilai, di bandar Seremban, rakyat juga menghadapi kekurangan bekalan air. Masalah ini berlaku pada musim banjir. Saya pun tidak dapat menjelaskan, saya pun tidak

dapat menenangkan rakyat menghadapi masalah. Di situ banjir, di situ juga tidak ada bekalan air. Jadi saya berharap kerajaan akan buat satu kajian yang menyeluruh, overall study tentang bekalan air di negara kita ini. Janganlah sampai satu hari paip-paip yang kita buka itu tidak ada air. Jadi itu satu masalah besar.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengalu-alukan penubuhan satu dana baru bernilai RM1 bilion untuk meningkatkan kegiatan IKS. Syarikat-syarikat Malaysia harus bersedia juga untuk menggunakan dana ini supaya membuat persediaan untuk menghadapi masalah kekurangan tenaga manusia atau pekerja. Tuan Yang di-Pertua, bilangan pekerja asing sudah berjumlah 1.7 juta orang. Kalau kita bandingkan dengan jumlah guna tenaga bagi tahun 1996 hanya cuma ada 8.1 juta orang sahaja. Saya rasa ini tidak sihat. Total labour cost, dengan izin, 1.7 million tetapi pekerja asing sudah sampai 1.7 juta. Angka-angka ini kita dapat daripada rekod yang disediakan oleh kerajaan, iaitu angka ini lebih besar.

Tuan Yang di-Pertua, berbagai masalah telah kita hadapi oleh kerana kedatangan pekerja-pekerja asing yang begitu ramai dan saya berharap kerajaan akan mempercepatkan meminda Akta Guna Tenaga 1955 dapat kita pindahkan supaya membenarkan lebih ramai tenaga kerja separa masa dapat digunakan.

Tuan Yang di-Pertua, pada tahun 1996 levi sebanyak RM100,000 telah dikenakan kepada rakyat asing yang ingin membeli harta di negara ini. Levi ini

telah dibatalkan sama sekali pada 28 Ogos 1997. Kini kerajaan kita bercadang untuk melonggarkan lagi bagi rakyat asing membeli harta. Saya memang menyokong cadangan ini tetapi saya cuma ingin mencadangkan bahawa undang-undang, peraturan-peraturan atau law dan sebagainya sepatutnya tidak boleh selalu kita pindahkan. Kalau kita menguatkuasakan satu undang-undang awal tahun selepas itu kita pindahkan pada hujung tahun. Ini akan memberi satu gambaran bahawa apabila kerajaan melaksanakan sesuatu peraturan, fikiran tidak cukup, tidak menyeluruh oleh kerana perlu pinda selalu. Jadi itulah satu masalah. Ini sedang berlaku di Thailand.

Tuan Yang di-Pertua: Sila gulung, Yang Berhormat.

Dato' Hon Choon Kim: Sedikit sahaja. Tuan Yang di-Pertua, pada keseluruhannya Belanjawan adalah menunjukkan bahawa kerajaan adalah bijaksana, berakhlak dan berani. Kerajaan bijaksana kerana dalam keadaan yang seperti ini kerajaan tidak keliru. Kerajaan bertenang dan matang dalam fikirannya dapat merangka satu Belanjawan yang rasional. Kerajaan berakhlak kerana dalam usaha berjimat-cermat, tidak mengabaikan tanggungjawab untuk membantu rakyat yang miskin dan rakyat petani yang tertinggal di desa. Kerajaan berani kerana mengambil langkah untuk menahan diri dari serangan oleh orang kaya dari negara maju untuk menjaga keberjatan ekonomi kita.

Tuan Yang di-Pertua, 'berat sama dipikul, ringan sama dijinjing' seperti disebut oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri. Saya rasa jika kita boleh bersatu padu, kita bukan sahaja boleh berjaya menangani masalah

ekonomi kita ini tetapi juga boleh mengambil peluang ini memperkukuhkan lagi ekonomi kita untuk semua. Saya menyokong dan banyak terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Kota Melaka.

3.52 ptg.

Tuan Lim Guan Eng [Kota Melaka]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, Belanjawan 1998 bukan sahaja tidak adil kepada golongan miskin tetapi telah gagal menangani “Fenomena El Nino” dalam krisis ekonomi negara kerana tidak dapat mengekalkan stabiliti kewangan dan memulihkan keyakinan pelabur baik dalam ataupun luar negeri. Sekali lagi Belanjawan 1998, dengan izin, ‘long on rhetoric but short on action’ sehingga reaksi pertama Bursa Saham Kuala Lumpur dan nilai mata wang ringgit adalah kejatuhan berterusan sejak semalam Indeks BSKL sebanyak 65 mata dan nilai mata wang ringgit turun kepada RM3.40 daripada RM3.22 untuk setiap US\$1.

Belanjawan 1998 yang penuh dengan ‘rhetorical flourish’ ini boleh dilihat dengan dakwaan Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan bahawa hanya golongan kaya yang perlu menanggung beban kenaikan cukai manakala golongan miskin pula dilepaskan langsung. Ini adalah tidak benar sama sekali. Mengikut Laporan Anggaran-anggaran Hasil Persekutuan Malaysia bagi tahun 1998, Belanjawan 1998 sebenarnya mengenakan beban yang lebih berat ke atas golongan menengah dan rendah dengan kenaikan bayaran sebanyak RM280 juta berbanding dengan RM251.6 juta ke atas golongan kaya.

Laporan ini yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan menganggarkan kerajaan pada tahun depan akan mengalami kekurangan hasil bersih sebanyak RM1,251 juta dan ini disebabkan oleh penurunan cukai pendapatan syarikat sebanyak RM1,196 juta, penurunan kadar cukai pendapatan petroleum sebanyak RM110 juta dan juga penurunan duti eksport minyak mentah sebanyak RM498.1 juta.

Adalah jelas Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan mengharapkan penurunan cukai pendapatan syarikat sudah mencukupi untuk menyekat kenaikan inflasi yang menjadi prihatin umum selepas penurunan nilai mata wang Ringgit sebanyak 21% dalam masa 3 bulan ini. Akan tetapi tidak ada jaminan langkah ini akan berjaya selagi langkah yang lebih konkrit menyekat inflasi diambil, seperti mengurangkan harga petrol ataupun menaikkan kadar faedah.

Saya tidak faham mengapa harga petroleum tidak diturunkan selepas penurunan cukai pendapatan petroleum dan duti eksport minyak mentah yang membolehkan Petronas dan syarikat-syarikat petroleum menikmati “durian runtuh” atau windfall gain sebanyak RM608.3 juta. Sepatutnya syarikat petroleum patut memulangkan faedah RM608.3 juta ini kepada rakyat dengan mengurangkan harga petroleum yang tidak diturunkan sejak Perang Teluk pada 1991-1992. Kegagalan menurunkan harga petroleum memberikan gambaran kerajaan lebih memihak kepada kepentingan syarikat petroleum daripada kepentingan pengguna.

Beban kewangan yang lebih kepada golongan menengah dan miskin boleh dilihat dengan golongan kaya hanya perlu membayar kenaikan sebanyak RM251.6 juta dari kenaikan duti import ke atas kereta dan motosikal mewah sebanyak RM231.6 juta dan kenaikan cukai jalan untuk kereta mewah sebanyak RM20 juta. Golongan miskin pula kena membayar RM280 juta seperti kenaikan bayaran lesen memandu sebanyak RM150 juta dan kenaikan bayaran pasport sebanyak RM130 juta.

Perlu ditegaskan bahawa lesen memandu dan pasport adalah satu keperluan hidup dalam masyarakat moden kita. Macam mana rakyat biasa boleh pergi bekerja tanpa lesen memandu bila mereka juga tidak boleh bergantung dengan sistem pengangkutan awam? Golongan kaya tidak akan terjejas langsung kerana bukan mereka yang memandu kereta bila mereka mampu menggaji seorang drebar. Lagipun apa sebabnya kerajaan menggalakkan pembuatan kereta nasional sendiri seperti Proton dan Kancil kalau kerajaan tidak mahu keluarga memiliki kereta sendiri. Tidak ada justifikasi langsung bayaran lesen memandu dinaikkan dengan mendadak sebanyak 150% bila ia boleh dinaikkan secara peringkat-peringkat setiap tahun.

Pasport juga adalah satu keperluan khasnya kepada mereka daripada Malaysia Timur yang bekerja di Brunei dan mereka di Johor Bahru yang bekerja di Singapura. Kerajaan perlu ingat bahawa bukan semua rakyat Malaysia menggunakan pasport mereka untuk makan angin di Eropah. Kebanyakan rakyat Malaysia hanya gunakannya sekali dalam lima tahun untuk

pergi ke negara jiran dan biasanya bukan menaiki kapal terbang tetapi menerusi air dan darat. Dengan mengenakan kadar kenaikan pasport yang begitu tinggi, adalah tidak adil dan munasabah ke atas rakyat miskin kerana impak negatif bukanlah begitu besar kepada golongan kaya.

Jelas sekali golongan miskin dan menengah perlu membayar RM280 juta berbanding dengan RM251.6 juta ke atas golongan kaya, berlawanan dengan pendirian kerajaan dan asas Belanjawan 1998 melindungi golongan miskin daripada kesan ribut dan gelora krisis ekonomi. Oleh itu, macam mana kerajaan boleh mendakwa Belanjawan 1998 tidak menyakiti golongan miskin tetapi hanya golongan kaya bila keadaan sebenar adalah sebaliknya.

Itulah sebabnya saya menganggap Belanjawan 1998 adalah lebih tidak adil kepada golongan menengah dan miskin daripada pihak kaya. Saya ingin mendesak kenaikan bayaran lesen memandu dan pasport dibatalkan demi memastikan golongan menengah dan miskin tidak menderita lebih daripada golongan kaya. Dan juga harga petrol sepatutnya diturunkan bukan sahaja kerana durian runtuh sebanyak RM608 juta yang dinikmati oleh syarikat petroleum tetapi untuk mencerminkan penurunan harga minyak mentah sedunia kepada US\$19 setong yang kurang sebanyak 40% sejak Perang Teluk.

Tuan Yang di-Pertua, kebanyakan pelabur asing masih tidak yakin ke atas matlamat kerajaan mengekalkan stabiliti ekonomi dan menyekat inflasi dengan mengawal perbelanjaan kerana menganggap kerajaan tidak serius melaksanakan disiplin ekonomi. Prinsip Kepimpinan Melalui Teladan tidak

diikuti baik dalam aspek menukar kereta mewah dengan kereta Proton Perdana ataupun sikap double-standard para Menteri dan Timbalan Menteri. Contohnya, keengganan beberapa menteri-menteri, timbalan menteri dan juga ahli Parlimen menghormati tanda melarang merokok di lobi Parlimen yang merupakan satu kawasan larangan merokok adalah contoh simbolik penggubal undang-undang melanggari undang-undang yang mereka luluskan. Macam mana pelabur-pelabur asing yakin ke atas disiplin pemimpin negara yang tidak mengikuti prinsip ‘Kepimpinan Melalui Teladan’.

Fenomena cuaca El Nino juga melandai ekonomi negara Malaysia di mana tanpa diduga langsung nilai mata wang Ringgit boleh jatuh menjunam 30%, nilai pasaran BSKL boleh hangus lebih daripada RM260 bilion dalam masa yang amat pendek sahaja. Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, semua ini hanya angka-angka sahaja. Kalau kita lihat kesan negatif dalam aspek kehidupan rakyat dan peniaga biasa, saya rasa ia adalah lebih teruk.

Saya telah menerima panggilan peniaga tentang kesusahan mereka mendapat bayaran untuk penjualan kredit mereka. Bayaran yang biasanya dibuat dalam seminggu akan dibuat 3 bulan kemudian dan itu pun bukannya 100%. Malah ada peniaga yang dipaksa memberikan stok dengan kredit untuk mendapat bayaran untuk stok lama yang dibekalkan.

Kekurangan dana wang atau ‘liquidity crunch’ sudah menjadi runcing sehingga peniaga yang mendapat keuntungan besar dalam penyata kewangan menghadapi kemungkinan bankrapsi kerana tidak solven dan tidak cukup wang

untuk membayar gaji atau kos pengurusan mereka. Malah setengah peniaga menganggap krisis ekonomi adalah lebih serius dengan kelembapan ekonomi tahun 1985-1987 kerana tidak mempunyai masa yang mencukupi untuk membuat persiapan.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin)

mempengerusikan Mesyuarat]

Sepuluh tahun yang lepas mereka boleh melihat keadaan ekonomi akan merosot dan membuat persiapan yang sewajarnya dengan menyediakan payung. Sekarang tanpa diduga langsung dengan sekelip mata sahaja, “hujan” sudah turun dengan begitu cepat sehingga tidak sempat mencari payung. Adakah kerajaan simpati dengan masalah utama mereka khususnya peniaga kecil dan berusaha untuk menolong mereka?

Tentu sekali kerajaan akan mendakwa ‘ya’ dengan penurunan kadar cukai syarikat sebanyak 2%. Tetapi apakah gunanya penurunan cukai bila masalah yang paling utama iaitu liquidity tidak diatasi. Dalam aspek ini, kerajaan tidak peka ke atas masalah mereka dengan mengurangkan pertumbuhan kredit daripada 29% kepada 20%.

Sungguhpun kadar faedah tidak dinaikkan, tetapi pengurangan pertumbuhan kredit ini akan menyusahkan masalah liquidity mereka dan mungkin mencetuskan bankrapsi yang akan menjejaskan pertumbuhan ekonomi. Ini dilakukan oleh Gabenor Federal Reserve Bank Amerika Syarikat, Alan Greenspan selepas peristiwa Black Monday di mana Dow Jones turun 508

mata dalam sehari pada 20 Oktober 1997, malah saya percaya mereka bersedia membayar kadar faedah yang lebih tinggi asalkan boleh dapat liquidity.

Oleh itu, saya ingin mencadangkan kepada kerajaan untuk mencari jalan melepaskan liquidity untuk membantu peniaga-peniaga kecil ini, mungkin dengan melonggarkan 'statutory reserve requirements'. Kalau kerajaan sedia berbuat demikian, ia boleh menyekat risiko inflasi dengan menaikkan kadar faedah. Saya percaya kenaikan kadar faedah tidak boleh dielakkan kerana ia lebih berkesan menyekat inflasi daripada menghadkan pertumbuhan kredit dan adalah lebih baik dilakukan sekarang daripada tiga atau enam bulan kemudian. Lagi pun, sungguhpun kadar faedah dinaikkan dengan liquidity yang lebih, pertumbuhan ekonomi mungkin dapat dihalang daripada menjadi lembap. Potongan cukai untuk bayaran faedah harus diberikan kepada peminjam rumah yang kurang daripada RM150,000 di luar bandar dan kurang daripada RM250,000 di bandar untuk mengurangkan kesan kenaikan faedah.

Saya ingin meminta Bank Negara menjelaskan macam mana rizab asing Bank Negara masih kekal dalam lingkungan RM61.8 bilion dalam tempoh masa 30 Julai hingga 30 September 1997 bila Ringgit sudah turun sebanyak 20%? Pada 30 Julai 1997, nilai mata wang Ringgit adalah jauh lebih tinggi daripada nilai mata wang Ringgit pada 30 September 1997. Sungguhpun begitu, nilai rizab asing tidak berubah langsung. Memandangkan bahawa rizab asing negara adalah dalam Dolar Amerika Syarikat, adakah ini bermakna bahawa nilai rizab sebenarnya telah jatuh? Kejatuhan nilai rizab dalam Dolar

US ini tidak ketara kerana ia sudah di 'offset', dengan izin, oleh kenaikan nilai Dolar berbanding dengan Ringgit.

Kalau nilai rizab masih kekal, ia harus naik bila ditukarkan kepada Ringgit kerana kenaikan nilai Dolar berbanding dengan Ringgit. Kejatuhan nilai rizab yang besar merupakan penjelasan logik yang tunggal mengapa rizab asing negara pada 30 September 1997 tidak berubah langsung. Perbezaan ini menjadi lebih jelas bila nilai rizab asing turun sebanyak 9 bilion di antara 30 Jun dan 15 Julai 1997 sungguhpun nilai mata wang Ringgit agak stabil pada masa itu.

Saya ingin bertanyakan jumlah nilai rizab asing dalam Dolar US untuk 30 Julai dan 30 September 1997 dan apakah sebab kejatuhannya. Adakah benar bahawa Bank Negara menyuntik RM20 bilion ke dalam sistem bank dan kewangan? Rakyat berhak mengetahui peranan yang dimainkan oleh Bank Negara selepas MIB MIA (Men In Bank Negara Missing In Action), dengan izin, menghadapi krisis kewangan selama ini.

Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun Ketua Pembangkang dan Ahli Parlimen dari Tanjong telah menyatakan akan menyokong Perdana Menteri daripada ancaman luar negara kerana berpegang kepada prinsip bahawa pemimpin negara ditentukan oleh rakyat Malaysia, maka sokongan ini bukanlah tanpa bersyarat. Apa yang penting ialah kita tidak mahu Perdana Menteri mengaburi mata rakyat Malaysia menghadapi krisis ekonomi dengan

menimbulkan isu ancaman luar negara dan isu nasionalis palsu tidak mahu tunduk kepada media massa asing.

Oleh itu, sokongan kepada Perdana Menteri adalah bersyarat ke atas perhatian dan tumpuan penuh beliau mengatasi krisis ekonomi negara. Saya difahamkan dana kewangan Amerika Syarikat enggan melabur ke Malaysia selepas ucapan ‘Angkara Yahudi’ beliau. Malah Pengerusi Microsoft, Bill Gates dikatakan telah beralih kepada Singapura dan akan menarik keluar dari Malaysia kalau Perdana Menteri menyerang sekali lagi isu “Angkara Yahudi”. Kalau Perdana Menteri terus menjejaskan ekonomi negara dengan ucapan-ucapan bersifat ekstrimis, saya rasa sokongan rakyat ke atasnya akan pudar sampai ke tahap ditarik balik dan digantikan dengan desakan satu pimpinan yang baru.

Pada masa yang sama, Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan dan Gabenor Bank Negara tidak boleh lari daripada krisis ekonomi ini. Demi prinsip akauntabiliti, sekurang-kurangnya Gabenor Bank Negara perlu meletakkan jawatan untuk bertanggungjawab ke atas malapetaka krisis kewangan dan pasaran tukaran wang asing ini.

Selain daripada mengurangkan ucapan bersifat ekstrimis, Perdana Menteri harus menjadikan ekonomi negara lebih kompetitif dan berdaya saing di peringkat antarabangsa dengan memperkenalkan satu Dasar Ekonomi Adil yang berteraskan merit dan keperluan. Bukan sesuatu seperti sekarang

berdasarkan kuota kaum sahaja yang tidak adil kepada kaum lain yang miskin dan tidak bernasib baik tetapi juga anti-kompetitif.

Adalah perlu juga masalah rasuah dihapuskan supaya negara kita boleh menarik pelaburan yang lebih. Saya tidak tahu mengapa kes-kes rasuah seperti Perwaja dan Tan Sri Eric Chia masih belum siap disiasat.

Tuan Yang di-Pertua, apakah rasional penswastan jika kerajaan masih perlu menanggung perbelanjaan pembangunan dan operasi serta risiko kewangan? Ini dilihat dalam dua kes penswastan yang melibatkan Perwaja oleh Maju Holdings dan KTMB oleh konsortium Marak Unggul Sdn. Berhad. Pihak kerajaan pernah menyatakan bahawa kerajaan tidak perlu menanggung beban kewangan atau risiko kewangan selepas penswastan. Akan tetapi baru-baru ini kerajaan masih menjadi penjamin kepada tiga pinjaman besar yang diperolehi oleh Perwaja sebanyak RM3,832 juta.

Apakah maknanya kerajaan menjaminkan wang begitu besar ini bila Perwaja sudah diswastakan iaitu pada tarikh 25 Julai dan 8 Julai tahun ini. Kalau begitu, siapa pun boleh mendapat penswastan kalau tidak perlu menanggung risiko dan menikmati faedah dengan menyerapi keuntungan dan kerugian. Biasanya dalam penswastan, semua aset dan liabiliti diambil alih, akan tetapi nampaknya satu keistimewaan diberikan kepada Maju Holdings di mana hanya aset diambil alih tetapi liabilitinya tetap di bawah tangan kerajaan.

Menurut jawapan Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan, kedudukan kewangan Perwaja adalah seperti berikut:

Kerugian terkumpul - RM2.9 bilion;

Liabiliti jangka panjang - RM6,013 juta;

Liabiliti semasa - RM926 juta.

Dengan kata lain, Perwaja mempunyai hutang sebanyak RM6,929 juta, dan sungguhpun begitu kerajaan masih menjaminkan pinjaman baru ini sebanyak RM3,832 juta ini yang dibuat oleh Perwaja. Sebelum ini kerajaan telah kerugian RM2,072 juta yang merangkumi pelaburan sebanyak RM853 juta dan pendahuluan kepada Perwaja sebanyak RM1,219 juta. Adalah juga mengejutkan bahawa pengurusan lama di bawah Tan Sri Eric Chia telah pun membenarkan kerugian besar sebanyak RM40 juta sebulan. Ini dilaporkan pada surat khabar bertarikh 21 Mei 1997 yang menyatakan kejayaan Maju ialah mengurangkan kerugian daripada RM40 juta sebulan kepada RM10 juta sebulan sahaja.

Ini menimbulkan dua isu. Satu, macam mana pengurusan lama boleh begitu tidak efisien sehingga membenarkan kerugian yang begitu besar sebanyak RM40 juta sebulan. Kedua, adakah Perwaja masih viable kalau ia terpaksa menanggung kerugian RM10 juta sebulan dan adakah keyakinan kerajaan tersalah letak dengan menjaminkan pinjaman baru RM3,832 juta ini.

Tuan Yang di-Pertua, DAP menentang sekeras-kerasnya keputusan kerajaan masih menanggung perbelanjaan kos pembangunan KTMB. Contohnya meluluskan RM45 juta untuk membeli 44 set tren komuter 'Electric Multiple Unit' (EMU) bagi pihak Keretapi Tanah Melayu. Adalah salah untuk

kerajaan menswastakan KTMB tetapi masih juga meminta Parlimen meluluskan RM45 juta wang rakyat bila wang ini sepatutnya ditanggung oleh konsortium Marak Unggul. Mana ada penswastaan di dunia di mana kerajaan masih perlu mengeluarkan wang?

Konsortium Marak Unggul diberikan penswastaan KTMB dan Perbadanan Aset Keretapi tanpa tender terbuka dan mengandungi Renong Berhad 51%, DRB 25%, Bolton 19% dan Jasa Meta Sdn. Berhad sebanyak 5%. Siapakah syarikat-syarikat ini...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:

Yang Berhormat, sila gulung ya.

Tuan Lim Guan Eng: Adalah jelas penswastaan tanpa tender terbuka ini telah menimbulkan banyak masalah sehingga kerajaan bukan sahaja tidak dapat harga penjualan yang paling tinggi sebaliknya terpaksa mengeluarkan wang untuk membiayai perbelanjaan pembangunan dan pengurusan KTMB.

Tuan Yang di-Pertua, ada empat syarat penswastaan KTMB dan PAK iaitu:

- (i) pengambilan semua aset sebanyak RM1,233 juta dan liabiliti sebanyak RM1,459;
- (ii) kerajaan tidak dibebani dengan sebarang tanggungjawab dari segi kewangan;

- (iii) pihak konsortium bertanggungjawab untuk mengambil alih semua laluan termasuk yang tidak ekonomik sebagai tanggungjawab sosial; dan
- (iv) 30,500 ekar tanah rizab kereta api dimiliki oleh konsortium, termasuk 2,400 ekar tanah yang bernilai RM500 juta.

Adalah jelas bahawa keempat-empat syarat penswastaaan ini tidak diikuti bila saya difahamkan bahawa kerajaan masih perlu menanggung kos infrastruktur sebanyak RM4,150 juta bagi pembangunan infrastruktur untuk sistem keretapi pendula diesel selepas penswastaaan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:

Masa cukup, Yang Berhormat.

Tuan Lim Guan Eng: Bolehkah saya tambah sedikit sahaja lagi kerana ini mungkin ucapan Belanjawan terakhir saya. Saya harap boleh diberikan sedikit kelonggaran, Tuan Yang di-Pertua, kerana saya rasa ini adalah satu perkara yang amat penting. Kalau selepas penswastaaan mengapakah wang yang begitu besar perlu dibiayai.

Satu lagi ialah tentang PLUS di mana tol dinaikkan sungguhpun RM3.2 bilion telah dikutip dari rakyat, mengapakah kerajaan masih perlukan kenaikan tol. Saya rasa gejala atau skandal kegagalan bekalan air di Wilayah Persekutuan dan Selangor sejak hari Ahad adalah sesuatu yang amat memalukan kepada kerajaan. Sungguhpun penswastaaan telah dilakukan tetapi

untuk dua buah negeri yang begitu penting, saya rasa akan menakutkan para pelabur kalau kita tidak boleh menjamin bekalan air yang bersih sehingga bekalan air boleh putus sejak Ahad lalu. Saya rasa ini menunjukkan kegagalan dasar penswastaaan negara kerana tidak mengikuti prinsip tender terbuka, ketelusan dan akauntabiliti. Saya harap bahawa pihak kerajaan bolehlah mengambil tindakan ke atas mereka yang bertanggungjawab termasuk syarikat yang mengambil alih perkhidmatan ini, kalau boleh pecatkan mereka.

Dua perkara singkat sahaja, satu ialah tentang perumahan kos rendah di mana Laporan Ketua Audit Negara telah menyatakan bahawa pihak kerajaan gagal dalam program membina rumah kos rendah di mana prestasi pencapaian mereka adalah 25.64% sahaja iaitu daripada 35,034 buah rumah yang disasarkan, hanya 9,052 unit yang dibina. Apa yang lebih menyedihkan ialah daripada 9,052 buah rumah ini telah memakan perbelanjaan 80% peruntukan asal iaitu sebanyak RM332.78 juta tetapi mereka telah membelanjakan RM265.73 juta untuk membina rumah 25%; peruntukan 80% tetapi bina rumah 25%. Saya harap bahawa pihak kerajaan boleh ambil tindakan. Kalau boleh keluarkan satu kertas putih mengapakah pihak kerajaan gagal dalam projek membina rumah kos rendah yang membawa kerugian yang begitu besar kepada rakyat Malaysia.

Apa yang lebih teruk lagi ialah penemuan oleh pihak Ketua Audit Negara bahawa daripada 9,000 unit rumah ini 25% diberikan kepada pihak yang tidak layak menerimanya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:

Yang Berhormat, masa sudah lebih.

Tuan Lim Guan Eng: Sedikit sahaja. Yang tidak layak menerimanya iaitu kepada mereka yang ada rumah, mereka yang kaya dan mereka yang tidak layak langsung. Saya ingin bertanya adakah ini kerana faktor-faktor politik, kerana mereka dari MCA ataupun UMNO, mereka dapat rumah kos rendah sungguhpun mereka tidak layak menerima. Saya harap perkara ini diambil tindakan tegas oleh pihak kerajaan, kalau perlu, saya rasa itu satu amalan rasuah, penyalahgunaan kuasa yang harus diambil tindakan dengan laporan kepada BPR dan menarik balik rumah-rumah yang diberikan kepada pihak yang tidak bertanggungjawab.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya ialah tentang bangunan simpanan peluru di Masjid Tanah, di negeri saya, di mana sungguhpun RM30.5 juta telah dibelanjakan untuk bangunan simpanan peluru tetapi sehingga sekarang ia masih tidak boleh digunakan. Apakah gunanya kalau kita belanjakan wang tetapi ia tidak boleh simpan peluru dan saya kluatir dengan keselamatan askar-askar dan anggota-anggota keselamatan kita.

Saya ingin ucapkan terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:

Kelang.

4.15 ptg.

Dr. Tan Yee Kew [Kelang]: Tuan Yang di-Pertua, Menteri Kewangan telah mengingatkan kita akan kata-kata Nabi Isa mengenai tujuh tahun subur yang diikuti oleh tujuh tahun kemarau. Belanjawan 1998 adalah merupakan belanjawan bagi satu tahun kemarau. Belanjawan kali ini terang-terang melangkah ke arah memperbaiki keadaan strategik sebagai langkah mengimbangi kejatuhan nilai mata wang Ringgit dan kejatuhan bursa saham Malaysia.

Menangguhkan pelaksanaan projek-projek besar yang kebanyakannya masih belum bermula adalah suatu langkah yang bijak dan tepat pada masanya tetapi ini tidak bermakna kita telah menolak ke tepi wawasan kita untuk membina Malaysia menjadi sebuah negara maju dalam bidang teknologi dan ekonomi. Kita masih kekal dengan wawasan kita. Kita hanya menyesuaikan jarak langkah kita sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, kenaikan cukai bagi barang-barang mewah, kereta mewah, jentera berat dan bahan binaan adalah perlu untuk mengurangkan pengaliran pertukaran asing. Di sebaliknya kenaikan cukai bagi barang-barang yang melibatkan keperluan berpendapatan rendah dan sederhana adalah secocok. Hasrat kerajaan untuk terus memperbaiki perkhidmatan sosial adalah ternyata dengan bertambahnya peruntukan bagi bidang-bidang pendidikan, kesihatan, perumahan dan kemudahan awam yang kebanyakannya akan memanfaatkan kumpulan berpendapatan rendah secara langsung.

Apabila diteliti akaun semasa kita, adalah ternyata bahawa akaun perdagangan adalah kukuh dengan jangkaan lebih sebanyak RM9.7 bilion bagi tahun 1997. Di sebaliknya, akaun perkhidmatan menunjukkan positif dengan jangkaan positif sebanyak RM19 bilion bagi tahun ini.

Pelancongan merupakan suatu komponen besar dalam sektor perkhidmatan dan penting dalam menentukan kedudukan akaun semasa kita. Umpamanya, tahun lepas seramai 23 juta rakyat Malaysia telah melancong ke luar negara mengakibatkan wang keluar sebanyak RM6.5 bilion. Walau bagaimanapun, pelancongan dalam negeri telah membawa masuk sebanyak RM11.3 bilion pertukaran asing pada tahun yang sama. Ini bererti potensi untuk memperkembangkan sektor pelancongan adalah luas. Oleh itu penurunan duti import ke atas barang-barang kulit dan barangan lain yang menjadi kegemaran pelancong adalah dialu-alukan kerana langkah ini diharapkan dapat menggalakkan lagi perindustrian tersebut.

Selain daripada meraih keuntungan apabila Malaysia menjadi sebuah pusat membeli-belah yang popular di kalangan pelancong, kita tidak harus lupa akan revenue yang boleh diperolehi daripada tambang kapal terbang yang dibawa oleh para pelancong. Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, di antara 9.5 juta pelancong yang berkunjung ke Malaysia, berapa ramaikah yang menaiki pesawat MAS.

Sebagai rakyat Malaysia yang taat setia, kita telah pun sentiasa memberikan sokongan padu kepada MAS, sentiasa bersabar walaupun

perkhidmatan yang diberi selalu tidak memuaskan. Sistem komputernya selalu mengalami gangguan dan harga yang ditawarkan tidak kompetitif. Ini dilakukan semata-mata kerana ia adalah sistem penerbangan kebangsaan kita.

Sungguh malang sekali, semenjak MAS diswastakan, pihak pengurusannya telah tidak berjaya untuk memperbaiki perkhidmatannya kerana mereka enggan melayan dengan serius aduan-aduan yang dibuat oleh orang awam. Mungkin kerana tidak ada sebarang persaingan dan seronok dengan status monopoli yang dimiliki dalam negeri, ia telah menjadi begitu sombong sehingga tidak sanggup menerima sebarang kritikan atau nasihat yang berguna, walaupun ianya datang daripada Menteri Pengangkutan ataupun daripada Timbalan Menteri Sumber Manusia.

Dua minggu yang lalu pekerja-pekerja MAS dengan didorong oleh pihak pengurusan telah mengadakan satu piket kerana membantah kenyataan yang dibuat oleh Menteri Pengangkutan bahawa pihak MAS harus lebih menunjukkan sikap timbang rasa tatkala menguruskan masalah gangguan penerbangan akibat daripada keadaan berjerebu. Dan seminggu yang lalu MAS telah menyaman ke mahkamah Timbalan Menteri Sumber Manusia ke atas kenyataan yang didakwa telah dibuatnya mengenai perkhidmatan MAS yang semakin merosot.

Walaupun MAS telah membatalkan tindakan undang-undang terhadap Timbalan Menteri Sumber Manusia dan menarik balik suratnya kepada Menteri Pengangkutan, saya menggesa pihak kerajaan supaya memandang berat akan

buruk laku MAS dalam kejadian-kejadian yang disebutkan sebab ia telah menjejaskan kebolehpercayaan dan kemuliaan kerajaan dan saya juga ingin tahu sama ada MAS akan memperbaiki perkhidmatannya seperti yang dinasihatkan oleh kedua-dua Menteri dan Timbalan Menteri tersebut dan apakah tindakan MAS akan ambil terhadap aduan yang dibuat oleh orang ramai.

Tuan Yang di-Pertua, pada 4 Julai sedang saya dalam perjalanan untuk menaiki pesawat penerbangan MAS ke Terengganu, saya telah ditahan di pintu masuk dan telah diberitahu bahawa tidak ada tempat duduk untuk saya walaupun tiket dan Boarding Pass ada pada tangan saya. Tidak ada seorang pegawai MAS pun yang boleh memberi penjelasan yang memuaskan kepada saya dan kakitangan yang ada pula tidak begitu berminat untuk membantu. Ramai penumpang sedang beratur di kaunter check-in dan keadaan pada masa itu terlalu kelam-kabut. Saya telah diberitahu bahawa sistem komputernya mengalami gangguan.

Tuan Yang di-Pertua, kejadian ini telah berlaku sebelum Malaysia mengalami keadaan berjerebu. Saya telah menulis sepucuk surat aduan dialamatkan kepada Pegawai Perhubungan Awam dengan salinan kepada Timbalan Presiden Group Communications dan Pengerusi MAS, Tan Sri Datuk Tajuddin. Malangnya sehingga hari ini, tiga bulan selepas kejadian, saya masih menunggu jawapan daripada MAS. Setiausaha Parlimen kepada Kementerian

Pengangkutan telah juga memohon sebanyak dua kali kepada pihak pengurusan MAS agar aduan saya diberi layanan, tetapi usaha ini juga gagal.

Tan Sri Datuk Tajuddin telah menafikan kenyataan kedua-dua Menteri dan Timbalan Menteri berkenaan perkhidmatan MAS. Dalam surat pekeliling yang ditulis oleh Tan Sri Datuk Tajuddin kepada staffnya, beliau telah berkata, dengan izin, *“Uphold your integrity, honour and dignity in discharging the duties. Should anyone among us fail to do so, and as a result let the team down, I will have no choice but to take firm action against the individual.”*

Tuan Yang di-Pertua, selagi saya tidak dapat jawapan yang memuaskan daripada pihak MAS ke atas aduan yang saya buat, selagi saya tidak dapat kembali wang saya dan sehingga MAS memohon maaf secara teratur, pada saya kata-kata Tan Sri Datuk Tajuddin ini hanya rhetoric semata-mata.

Tuan Yang di-Pertua, bukan saya seorang sahaja Ahli Parlimen yang menyuarakan rasa tidak puas hati terhadap MAS. Rakan sejawat saya, Yang Berhormat dari Petaling Jaya Utara pernah juga menimbulkan aduan yang serupa dalam Dewan yang mulia ini. Apabila aduan yang dibuat oleh Ahli-ahli Parlimen ditolak tepi, apakah agaknya layanan yang diterima oleh penumpang-penumpang lain? Apabila seorang Timbalan Menteri yang berani bersuara untuk kepentingan orang-orangnya dikenakan tindakan guaman, siapakah pula agaknya yang akan berani membuat aduan mengenai MAS di masa yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, untuk memastikan hak dan kepentingan orang ramai terpelihara, untuk mengekalkan nama baik syarikat penerbangan kebangsaan kita dan untuk menjaga kemuliaan Kerajaan Malaysia, saya menggesa pihak kerajaan supaya merombak semula pengurusan MAS ataupun tukar kepada yang baru sekiranya MAS tidak dapat memenuhi harapan kita.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang menyebabkan sistem ekonomi pasaran bebas itu boleh berfungsi ialah kerana adanya persaingan. Pada pendapat saya tidak ada sebab mengapa MAS harus terus menikmati faedah yang diperolehi daripada monopoli perkhidmatan penerbangan negara. Dengan kian bertambahnya penumpang-penumpang perkhidmatan udara telah tiba masanya kita membuka perkhidmatan udara di dalam dan di luar negeri kepada syarikat penerbangan Malaysia yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, Belanjawan 1998 boleh dikatakan bermurah hati terhadap golongan miskin tetapi golongan yang makan gaji kemungkinan tidak akan menghadapi masa yang selesa kerana terpaksa berhadapan dengan masalah inflasi. Kita menghargai tindakan kerajaan kerana tidak mengenakan sebarang cukai import ke atas barang makanan. Walau bagaimanapun, ini tidak akan menahan sepenuhnya kenaikan harga barang-barang kerana kos pengangkutan terus meningkat.

Kita terlalu kecewa dengan pihak PLUS pemegang konsesi lebuhraya yang terbesar kerana PLUS tidak mengendahkan seruan antiinflasi kerajaan, di sebaliknya telah meneruskan cadangan mereka untuk menaikkan bayaran tol.

Kenaikan bayaran tol membawa kesan yang amat luas kerana ia akan secara langsung melibatkan kenaikan kos pengangkutan dan seterusnya kita tidak akan dapat mengelakkan kenaikan harga barangan di sektor-sektor yang lain. Kita diberitahu bahawa PLUS mempunyai hak untuk menaikkan bayaran tol kerana hak ini telah pun termaktub dalam perjanjian di antara PLUS dengan kerajaan. Tetapi di sebaliknya tidakkah ini juga bermakna PLUS mempunyai kuasa untuk tidak menaikkan bayaran tol, tambahan pula memandangkan Belanjawan 1998 telah mengurangkan cukai pendapatan syarikat daripada 30% ke-28%, maka pihak PLUS tidak mempunyai sebab mengapa ia harus menaikkan kadar bayaran tol.

Kerajaan telah pun menyuarakan hasratnya untuk mengkaji semula perjanjiannya dengan PLUS dan saya ingin tahu bilakah ini akan dilakukan. PLUS telah diberi konsesi yang begitu istimewa oleh pihak kerajaan untuk membina lebuhraya dan mengenakan bayaran tol dan hasilnya PLUS telah meraih begitu banyak keuntungan sejak ia mula beroperasi. Telah tibalah masanya PLUS menunjukkan penghargaannya kepada pihak kerajaan apabila kerajaan memerlukan sokongannya semasa negara menghadapi krisis ekonomi ini.

Kita tidak harus lupa bahawa objektif akhir penswastan adalah untuk membantu kerajaan meringankan tanggungan kewangannya dalam pelaksanaan projek-projek besar dan untuk membekalkan perkhidmatan yang lebih cekap kepada rakyat. Sekiranya PLUS masih berdegil hendak menaikkan bayaran tol

sedangkan seluruh negara berusaha untuk melawan inflasi dan terus meletakkan keuntungan syarikat lebih tinggi daripada kepentingan negara semasa negara menghadapi krisis ekonomi, maka kerajaan tidak hanya harus mengkaji semula kontraknya dengan PLUS, bahkan harus juga mengatur langkah untuk menarik balik konsesi yang diberikan kepada PLUS.

Tuan Yang di-Pertua, selepas lapan tahun berturut-turut menikmati pembangunan dan kemakmuran, rakyat kita telah menjadi terbiasa dengan kehidupan mewah hingga hampir lupa akan nilai hidup berjimat cermat. Keadaan ekonomi pada hari ini mungkin mempunyai hikmahnya kerana ia memberi peluang kepada kita untuk menjalani hidup berjimat cermat semula yang pastinya lambat laun akan membawa kesan yang positif kepada ekonomi kita. Kita mengalu-alukan langkah berani kerajaan dalam menurunkan perbelanjaan kerajaan. Pembaziran ke atas penggunaan wang kerajaan mesti dihindari oleh semua peringkat.

Dalam perhatian saya, menganjurkan seminar dan kursus telah menjadi ikut-ikutan oleh setengah jabatan kerajaan. Seminar dan kursus memanglah cara yang berkesan untuk menyampaikan pengetahuan dan maklumat, tetapi ianya harus diadakan hanya jika betul-betul perlu dan pelaksanaannya perlu dirancang dan dijalankan dengan baik.

Sebagai contoh, tiga bulan lepas Pejabat Penerangan Kelang telah menganjurkan sebuah seminar di sebuah hotel terkemuka di Kelang. Daripada 500 orang peserta yang dijangka mengambil bahagian, hanya kurang daripada 40 telah hadir. Ini adalah satu contoh pembaziran wang kerajaan.

Kadangkala wang kerajaan juga digunakan untuk mengadakan majlis persendirian. Pada bulan Mac, Pejabat Penerangan Kelang telah mengadakan majlis jamuan makan tengah hari di sebuah kelab ternama di Kelang di atas nama “Pemimpin Bersama Rakyat”. Daripada 40 orang yang hadir pada majlis itu, lebih daripada separuh adalah terdiri daripada kakitangan Pejabat Penerangan Daerah dan Negeri. Mengikut kata mereka yang hadir, majlis ini sebenarnya adalah untuk meraikan seorang ahli Dewan Undangan Negeri dari kawasan lain yang akan berangkat untuk menunaikan umrah. Saya harap apa yang diberitahu kepada saya adalah tidak benar kerana sudah pasti duit yang dibelanjakan itu lebih mendatangkan faedah jika digunakan untuk projek pembangunan bagi rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, krisis ekonomi yang dialami negara baru-baru ini merupakan cabaran getir bagi menguji perpaduan rakyat dan kebijaksanaan pemimpin negara. Tatkala seluruh negara termasuk parti-parti pembangkang memberikan sokongan padu kepada kepimpinan Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri kita dan tidak terdapat sebarang tanda yang rakyat kita hilang keyakinan terhadap kerajaan, saya sungguh terperanjat apabila editorial *Bangkok Post* meminta supaya Perdana Menteri kita meletak jawatan. Untuk makluman, terlebih awal dari ini, *Bangkok Post* juga telah meminta Perdana Menteri sendiri meletak jawatan. Saya musykil berapa ramaikah Perdana Menteri Thai sebelum ini yang telah diminta meletak jawatan oleh *Bangkok Post*?

Ternyata *Bangkok Post* telah ketandusan calon dari negaranya sendiri untuk diminta meletakkan jawatan sehinggakan ia harus mencari mangsanya dari kalangan pemimpin-pemimpin asing.

Semasa Thailand menghadapi puncak krisis mata wang Bahtnya, Malaysia, pembela tulen perpaduan ASEAN, telah menyumbang US\$1 bilion untuk menyelamatkan mata wang Thai. Saya tidak sangsi bahawa rakyat Thai menghargai bantuan ikhlas daripada kerajaan Malaysia ini. Apabila *Bangkok Post* memilih untuk bersuara bagi pihak musuh dan bukan kawan, ia telah mengkhianati rakyat Thailand dan rakan-rakan dari ASEAN.

Bangkok Post tidak dapat lari daripada hakikat bahawa ia bertanggungjawab ke atas keadaan yang tidak stabil di Thailand. Tetapi kita harus memberi amaran kepadanya agar jangan melakukan perkara yang sama di negara orang. Malaysia tidak menghadapi sebarang krisis keyakinan akan pemimpin-pemimpin kami, kami hanya mempunyai krisis keyakinan akan akhbar luar.

Akhirnya, saya mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi saya peluang mengambil bahagian dalam perbincangan Belanjawan 1998 ini dan saya memohon menyokong. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:

Lumut.

4.35 ptg.

Dr. Yap Yit Thong [Lumut]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mengucap syabas dan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan yang telah

memperkenalkan beberapa cara dalam Belanjawan 1998 untuk memulihkan ekonomi negara kita.

Saya yakin dan percaya bahawa dengan langkah-langkah yang telah diambil dalam Belanjawan 1998 masalah kejatuhan nilai wang Ringgit dan nilai saham di BSKL boleh diatasi. Untuk memastikan kejayaan strategi yang telah diperkenalkan, semua warganegara harus bekerjasama dan memberi sokongan yang sepenuhnya kepada pemimpin-pemimpin negara kita, terutama kepada Perdana Menteri yang telah menyatakan bahawa kita tidak perlu panik, sebaliknya kita harus berdisiplin dan bersikap positif serta mengamalkan nilai-nilai murni orang Timur yang telah membantu beberapa negara di Asia menjadi naga ekonomi, dengan izin, economic dragon pada masa tidak lama dahulu.

Saya yakin nilai-nilai yang sama akan menolong kita mengatasi masalah-masalah ekonomi yang sedang dihadapi oleh negara kita. Sifat murni yang pertama ialah sikap rajin serta bekerja bersungguh-sungguh supaya negara kita boleh terus berkembang. Yang kedua, kita mesti berjimat dan membeli barangan keperluan sahaja. Warganegara kita digalakkan membeli buatan Malaysia dan melancong dalam negeri yang akan mengurangkan pengaliran keluar Ringgit kita. Yang ketiga, walaupun Malaysia telah menikmati kemakmuran untuk beberapa tahun, kita jangan rasa sombong terutama pada masa kesukaran ini. Pada setiap masa kita mesti selalu merendah diri dan sudi belajar daripada pihak lain supaya dapat memajukan lagi diri sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan defisit akaun semasa, saya rasa gembira kerana kerajaan telah berhasrat untuk mengurangkan defisit akaun semasa

kepada 5% GDP. Seperti yang sedia maklum, defisit akaun semasa telah menjadi kebimbangan pihak pelabur asing dan boleh dinyatakan sebagai alasan utama yang menyebabkan kejatuhan dan kelemahan Ringgit serta bursa saham kita. Saya cadangkan bahawa import barangan mewah yang tidak akan menyumbang kepada perkembangan dan pembangunan negara kita dikurangkan dan tidak digalakkan. Sehubungan dengan ini, saya rasa sedih dan kecewa kerana tidak ada cukai tambahan diperkenalkan untuk kapal layar dan kapal terbang eksekutif persendirian, dengan izin, luxury yacht and private jet plane yang tidak memberi untung kepada perkembangan negara kita. Malaysia adalah sebuah negara yang kecil dengan sistem pengangkutan yang baik, maka saya rasa kita tidak perlu meniru negara yang besar seperti Amerika Syarikat di mana kapal terbang persendirian digunakan boleh bergerak dari satu tempat ke satu tempat lain.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi - pemuliharaan tanah atau tebusan semula (land reclamation). Dewasa ini terdapat banyak program pemuliharaan tanah dijalankan di seluruh negara kita. Perkara ini timbul mungkin kerana kesukaran mendapat tapak tanah utama yang semakin berkurangan atau kerana kos pemuliharaan tanah adalah lebih murah daripada membeli atau mengambil tanah secara wajib. Walaupun beratus ribu hektar tanah telah ditebus semula di negara kita, dukacita dimaklumkan bahawa kita belum mempunyai satu polisi nasional atau satu garis panduan berkenaan pemuliharaan tanah. Tidak boleh dinafikan bahawa pemuliharaan tanah akan menambah tanah yang boleh digunakan untuk pembangunan serta mencegah

erosi atau hakisan tanah, tetapi kita mesti juga mengkaji dengan teliti kesan sosial, ekonomi dan alam sekitar yang boleh berbangkit.

Saya mencadangkan bahawa satu akta diperkenalkan di Parlimen supaya satu garis panduan yang sewajarnya dapat diwujudkan untuk menangani perkara-perkara berikut:

- (i) satu laporan EIA yang tidak menyebelahi mana-mana pihak, dengan izin, unbiased EIA report, dibuat bukan sahaja oleh pemaju atau pemegang konsesi tetapi juga oleh pihak yang bebas;
- (ii) pembayaran pampasan kepada pemilik tanah di pesisiran pantai yang telah menjadi dana di dalam selepas pemulihan tanah;
- (iii) bayaran pampasan kepada nelayan yang kehidupannya akan terjejas semasa pemulihan tanah dijalankan;
- (iv) pampasan kepada nelayan yang akan tetap hilang peluang menangkap ikan kerana sumber pembiakan ikan telah dimusnahkan oleh pemulihan tanah;
- (v) punca pasir dan bahan mentah lain yang digunakan untuk pemulihan tanah;
- (vi) kesan pemulihan tanah atas alam sekitar kita, termasuk flora dan fauna;
- (vii) perubahan kepada alam sekitar selepas pemulihan tanah dan pembangunannya;

(viii) kesan pemulihan tanah terhadap kedudukan sosial dan ekonomi penduduk-penduduk di tempat pedalaman.

Di kawasan saya, kawasan Lumut, sebanyak tiga projek pemulihan tanah yang besar telah diluluskan. Ia adalah di Lekir 20,000 ekar, Teluk Batek 700 ekar dan di Naval Dockyard 400 ekar. Saya difahamkan ada lagi satu rancangan di Pulau Pangkor untuk memulihkan tanah di kampung-kampung nelayan tradisi yang merangkumi orang Melayu, orang Cina dan meliputi 250 ekar. Projek pemulihan tanah di Lekir atau Lekir Island Project, dengan izin, adalah untuk mendirikan satu coal fire power station yang berkuasa 2,000 megawatt yang memerlukan tanah seluas 1,000 ekar sahaja. Difahamkan tanah baki akan digunakan untuk lain jenis pembangunan. Untuk makluman semua Yang Berhormat, kawasan di Lekir adalah pengeluar kerang yang paling besar di negara kita dan pemulihan tanah seperti ini akan menjejaskan serta memusnahkan sumber pembiakan kerang yang paling sesuai dan kaya.

Saya difahamkan juga, pemaju Lekir Island Project mempunyai rancangan untuk mengambil beribu-ribu tan pasir daripada kawasan yang ada lebih kurang 300 meter daripada pantai Pulau Pangkor yang mana terdapat banyak kampung nelayan tradisi untuk memulih tanah di Lekir. Pada masa yang akan datang kalau proses ini dibenarkan, ia akan menyebabkan hakisan tanah di pesisiran Pulau Pangkor dan keruntuhan pelantar. Oleh sebab itu, saya berharap pihak berkuasa tidak akan membenarkan pemindahan pasir dari Pulau Pangkor.

Selain daripada itu, difahamkan juga ada rancangan untuk memulih tanah di Teluk Cempedak, Teluk Gedung dan Pekan Pangkor di Pulau Pangkor, rancangan ini telah ditentang oleh penduduk-penduduk di Pulau Pangkor kerana mereka rasa kehidupan mereka yang bergantung kepada industri perikanan akan terjejas. Selain daripada itu, kita perlu melindungi kampung-kampung nelayan tradisi yang terletak di tempat tersebut sebagai daya penarik pelancongan. Jika pemuliharaan tanah dibenarkan, kampung-kampung tradisi tersebut mungkin akan terkorban.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak sentuh lagi satu perkara berkenaan pekerja asing. Dewasa ini kita mempunyai sebanyak 1.7 juta pekerja asing yang tidak boleh dinafikan menyumbang juga secara sederhana kepada pembangunan negara kita. Oleh sebab kebanyakan daripada mereka datang daripada negeri-negeri yang miskin, mereka telah membawa pelbagai penyakit seperti T.B., malaria, hepatitis B, typhoid, leprosy dan lain-lain jenis penyakit kulit ke negara kita. Ada di antara mereka juga yang menanggung penyakit seperti kala-azar dan sistosomiasis yang sebelum ini tidak terdapat di Malaysia. Baru-baru ini terdapat tambahan dalam bilangan kes jangkitan T.B. dan malaria ini mungkin disebabkan oleh kedatangan pekerja-pekerja asing.

Pada hemat saya, pekerja-pekerja asing yang dibenarkan masuk ke negara kita mesti mempunyai kesihatan yang baik dan ini boleh dijamin jika prosedur pemeriksaan perubatan adalah ketat. Malangnya pada masa lalu prosedur pemeriksaan adalah kurang ketat dan kadang-kadang disalahgunakan oleh beberapa pihak yang terlibat dan akibatnya laporan pemeriksaan perubatan

yang palsu selalu didapati. Oleh sebab itu, satu pertubuhan dinamakan Fomema telah dilantik oleh kerajaan untuk menguji, mengawal, menyelaraskan serta mengawasi prosedur pemeriksaan perubatan pekerja asing. Walaupun saya mengalu-alukan perlantikan Fomema, saya ingin menegaskan bahawa organisasi ini tidak menyalahgunakan kuasanya serta mengeksploitasikan pekerja asing.

Sehubungan dengan bayaran perubatan yang dikenakan oleh Fomema, saya difahamkan RM205 adalah untuk pekerja lelaki dan RM220 untuk pekerja perempuan. Pada hemat saya, bayaran ini adalah paling tinggi kerana kos bayaran yang sedang dikenakan oleh klinik swasta adalah di antara RM120 dan RM150 sahaja. Satu analysis cost yang dikenakan oleh Fomema menunjukkan bahawa RM75 adalah untuk ujian makmal yang difahamkan tinggi kerana ujian yang sama boleh dibuat oleh makmal lain untuk RM50 sahaja. Mengikut analisis tersebut, jika yuran perkhidmatan Fomema untuk setiap pemeriksaan ialah RM25 dan jika diandaikan bahawa 1.7 juta pekerja asing kena diperiksa, Fomema akan mendapat pendapatan sebanyak RM42.5 juta. Pada pendapat saya, amaun ini memang sangat tinggi, tambahan pula saya berpendapat pekerja asing tidak perlu dikenakan bayaran insurans sebanyak RM15 kerana mereka telah dilindungi oleh skim pampasan pekerja (workman compensation) di bawah London & Pacific Insurance.

Seperti kita sedia maklum, doktor-doktor yang hendak menawar perkhidmatan mereka dalam skim pemeriksaan pekerja asing perlu membayar yuran pendaftaran sebanyak RM350 kepada Fomema. Saya rasa yuran tersebut

tidak perlu dibayar kerana semua doktor dalam negara kita telah membayar dan mempunyai APC, iaitu annual practising certificate, dengan izin. Buat masa ini negara kita mula mengalami masalah ekonomi dan kesukaran. Oleh sebab itu, kita mesti memastikan bahawa majikan tidak perlu dibebankan dengan kos perubatan tambahan dan jika yuran pemeriksaan ditanggung oleh pekerja-pekerja asing, mereka patut dilindungi daripada dieksploitasikan.

Sehubungan dengan ini, saya berharap pihak berkuasa yang berkenaan agar mengkaji semula struktur organisasi serta yuran bayaran Fomema. Untuk memastikan persaingan yang adil dan kecekapan dalam perkhidmatan yang ditawarkan, saya berpendapat bahawa lagi satu pemegang konsesi, selain daripada Fomema, dilantik untuk projek penswastaan ini.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya mohon menyokong. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:

Tambun.

4.52 ptg.

Tuan Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah [Tambun]: Tuan Yang di-Pertua, antara strategi yang dikemukakan dalam Belanjawan 1998 adalah untuk memperkukuhkan asas ekonomi melalui meningkatkan daya saing negara. Daya saing berkaitan dengan kapasiti negara untuk mencapai tingkat produktiviti yang tinggi dan produktiviti terus meningkat.

Malaysia sekarang berada pada tahap produktiviti relatif. Dalam industri automobil umpamanya, industri automobil Malaysia adalah antara yang

mempunyai produktiviti tertinggi di dalam negara, tetapi tidak dapat bersaing dengan produktiviti bagi industri automobil di Jepun dan Jerman, kerana Jepun dan Jerman telah mencapai tahap produktiviti mutlak. Dengan yang demikian, target negara kita adalah untuk meningkatkan produktiviti negara ke tahap produktiviti mutlak. Saya tidak percaya bahawa kita boleh mencapainya dalam tempoh yang dekat, dalam satu dekad ataupun dalam satu atau dua business cycle kerana ia memerlukan beribu kali bersaing dengan dunia luar untuk kita menguasai industri dan segmen industri melalui mencipta produk dan proses yang efisien, dan dalam masa yang sama, melakukan proses upgrading ekonomi negara secara berterusan.

Sepertimana kita sedia maklum, sebagaimana negara-negara maju yang lain, Malaysia terperangkap kepada produktiviti orde bawahan yang bergantung kepada faktor kos dan harga yang rendah untuk mencapai competitive advantage. Ini adalah akibat daripada negara-negara maju yang sekarang berada pada produktiviti orde atasan yang bergantung kepada aspek kualiti produk, teknologi, inovasi, R&D dan sebagainya, memindahkan aktiviti-aktiviti produktif rendah ke negara-negara membangun.

Justeru itu, Tuan Yang di-Pertua, kita perlu upgrade produktiviti negara kita. Pertama, dengan meningkatkan teknologi supaya menambahkan efisiensi dan inovasi, di mana kata orang Jepun, dengan izin, giving wisdom to the machines. Kehebatan mesin bukan pada fizikalnya, tetapi kemahirannya terdapat dalam mesin untuk meningkatkan kualiti produk, memperkenalkan

ciri-ciri baru dalam produk (product differentiated) dan meningkatkan efisiensi pengeluaran.

Pada tahun 50-an dan 60-an, kita masih ingat bahawa rakyat Malaysia begitu berbangga apabila memiliki jam Timex yang menggunakan cara mekanikal. Tetapi melalui penggunaan teknologi dan product differentiated, orang Jepun mencipta jam automatik melalui jenama Citizens dan Casio, dan sekarang apabila ada rakyat kita yang menggunakan jam mekanikal seperti Timex, ia akan merasa malu. Saya rasa adalah relevan untuk saya bertanya kepada kerajaan, sejauh manakah arahan-arahan kerajaan supaya swasta menggunakan automasi dilaksanakan, oleh kerana isu menggunakan automasi adalah kritikal untuk meningkatkan produktiviti negara.

Saya berpendapat melalui partnership antara kerajaan dan swasta, kita patut mengadakan pelan pembangunan jangka pertengahan dan jangka panjang ke arah transformasi sektor perkilangan kita dengan meningkatkan penggunaan automasi.

Saya juga berpendapat kita harus upgrade faktor pengeluaran, daripada generalise factor kepada specialise dan advance factor. Kita ambil contoh, negara Denmark menguasai industri perabot dunia adalah hasil daripada di negara tersebut terdapat research institute dalam bidang furniture, lahir ramai profesor dalam bidang furniture designing. Jerman menguasai industri automobil kerana mereka mempunyai banyak “specialised research institute in automobile”. Dalam bidang chemical, Jerman mempunyai Max Plank Institute, “world renown chemical research centre”. Dan kita dapati macam U.K. kerana

masih berpegang kepada sistem generalise factor, U.K. tidak menjadi sebuah negara yang mempunyai competitive advantage. Malahan oleh kerana pentingnya “specialise dan advance factor”, kita dapati di negara-negara maju banyak pusat penyelidikan yang terletak di tengah-tengah kawasan industri di mana empat “automobile research institute” terletak di selatan Jerman. Institute of California yang “world renown” dalam membuat research tentang wine, terletak dalam “the heart of wine country”.

Saya berpendapat bahawa kita perlu mengadakan dasar-dasar untuk meningkatkan peranan R&D.

Pertama, melalui penglibatan kerajaan dalam R&D bagi industri terpilih. Saya mengatakan ‘terpilih’ kerana kita tidak boleh menjadi competitive advantage dalam semua bidang. Jepun mempunyai competitive advantage dalam bidang automobil, bidang elektronik dan sebagainya, tetapi bukan dalam semua bidang.

Kedua, pembiayaan daripada bank dan kerajaan untuk kerja-kerja R&D. Di Jerman umpamanya, kerajaan memberi sebahagian sumbangan untuk R&D yang dilakukan oleh syarikat-syarikat, manakala di Amerika Syarikat bagi setengah-setengah bidang, kerajaan memberi pembiayaan yang sepenuhnya.

Ketiga, untuk meningkatkan aplikasi R&D dalam industri.

Keempat, untuk mengadakan R&D dalam bidang keperluan industri. Denmark yang terkenal dalam bidang furniture, tidak perlu mempunyai research dalam bidang computing, begitu juga di negara kita. Saya dapati pada masa dahulu kita mempunyai competitive advantage dalam bidang industri bijih

timah dan juga industri getah dan ini dikalahkan oleh research negara-negara maju. Kalau dahulu kita mempunyai specialise dan advance factor, saya percaya penggunaan getah dan bijih timah akan berterusan dapat digunakan sehingga ke hari ini.

Kelima, saya berpendapat mesti ada hubungan erat antara pusat penyelidikan dan industri.

Kita juga harus meningkatkan kualiti sumber manusia.

Pertama, dengan mengadakan program-program khas di pusat-pusat pendidikan dan latihan. Di Jerman, mereka mempunyai specialise programme dalam bentuk apprenticeship programme di mana dicantumkan antara kerja dan bilik darjah selama tiga tahun. Kemudian, mengadakan industry specific training. Di Amerika Syarikat umpamanya, ada School To Work Opportunities Act 1994, dengan izin, yang memperkenalkan work base component dalam sistem pendidikan untuk meningkatkan kualiti sumber manusia.

Kedua, untuk meningkatkan standard pendidikan dan latihan yang lebih tinggi di negara kita di mana negara Jepun, Korea, Switzerland dan Jerman, kerana standard pendidikan dan latihan yang tinggi telah melahirkan sumber manusia yang berkualiti tinggi.

Ketiga, saya juga berpendapat bahawa kita patut mengadakan satu National Skills Standard Board, sepertimana di Amerika Syarikat, untuk meningkatkan standard skills industri kita dan mempunyai kuasa untuk menentukan content dan orientasi latihan serta menetapkan industry skills

standard. Dengan adanya ini, kita boleh tetapkan minimum skill dan kita harus meningkatkan skill semua industri lebih daripada itu.

Keempat, saya berpendapat dasar imigresen kita mesti memberi peluang kepada specialise dan advance individuals untuk menetap di negara kita, sepertimana di Amerika Syarikat dan juga di Jerman. Saya bercakap dengan duta di Moscow, dia kata di Russia ada ribuan saintis yang tidak ada kerja, setengah itu Muslim yang naik basikal dan orang-orang ini boleh kita guna dan kita pakai dengan.....

Dr. Tan Seng Giaw: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:

Kepong bangun, Yang Berhormat.

Tuan Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Saya tidak ada masa, Tuan Yang di-Pertua. Saya minta maaf, saya ada banyak lagi hendak cakap.

Kelima, kita tingkatkan peranan sektor swasta dalam melatih meningkatkan skill. Syarikat-syarikat dalam industri yang sama boleh bergabung untuk mendirikan pusat latihan.

Saya juga berpendapat kita mesti memperkukuhkan sistem pasaran negara kita supaya dapat meningkatkan pertumbuhan ekonomi dan persaingan. Saya dapati bahawa negara-negara yang mempunyai competitive advantage, persaingan dalam negeri begitu hebat. Saya ambil contoh macam Jepun, dalam bidang automobil ada 9 syarikat yang bersaing di dalam negara, air-condition 13, audio 25, ship-building 33. Hasil daripada persaingan yang begitu hebat telah melahirkan syarikat yang sentiasa membuat improvement daripada masa

ke semasa sehingga standardnya begitu tinggi dapat memenuhi permintaan dan kriteria yang dikehendaki di peringkat antarabangsa.

Di samping itu juga, ia dapat memberi pressure kepada syarikat-syarikat untuk mencari pasaran luar. Kita tengok macam industri pensil di Jerman, masa itu dikuasai oleh Faber Castel, kemudian masuk Staedtler. Kerana persaingan yang begitu hebat, Staedtler terpaksa mencari pasaran luar, dan kemudian diikuti oleh Faber Castel untuk memperluaskan lagi pasaran. Begitu juga coca-cola, seven up, pepsi-cola, mereka bersaing begitu hebat di dalam negara mereka, baru dapat melahirkan produk yang berkualiti tinggi.

Saya berpendapat bahawa dasar kerajaan mesti mengelakkan daripada wujudnya monopoli dalam sistem pasaran kita. Dari segi pemberian tender dan penswastan, mesti mengelakkan daripada wujudnya monopoli. Saya berpendapat bahawa masalah seperti lebuh raya dan sebagainya, ia berpunca daripada sistem monopoli. Penswastan sepatutnya melahirkan syarikat-syarikat yang dapat menjalankan kerja dengan efisien, dengan itu mengurangkan kos. Tetapi oleh kerana wujudnya monopoli, ia tidak efisien, segala kos yang ditanggung kemudian dipindahkan kepada pengguna.

Oleh kerana peranan untuk mencapai competitive advantage adalah dimainkan oleh pihak swasta, bukan negara yang bersaing di pasaran antarabangsa, saya berpendapat bahawa kerajaan mesti melihat bagaimana peranan sektor swasta, umpamanya dalam sektor pengeluaran, adakah mereka respond kepada kehendak kerajaan? Bagaimanakah kadar perubahan yang mereka lakukan terhadap keperluan-keperluan kerajaan sehingga ini supaya

kita dapat ramalkan pada masa akan datang apabila kita memperkenalkan sesuatu peruntukan, sama ada ia akan berjaya mencapai perubahan-perubahan yang dikehendaki dan mengangkat negara kita menjadi sebuah negara yang berproduktiviti tinggi. Sektor swasta penting dalam mewujudkan rangkaian-rangkaian industri, sistem perbekalan sokongan dan sebagainya. Kita tahu kejayaan Itali dalam industri batu permata (jewellery), kerana dua pertiga daripada mesin untuk memproses batu permata dibuat oleh negara tersebut sendiri, dengan itu juga dia mempunyai advantage, cost-benefit dan sebagainya sehingga dapat menguasai sektor antarabangsa.

Berkaitan dengan itu, ada satu isu yang saya hendak bangkitkan. Pertama, masalah sektor perkilangan kita, saya dapati telah mencapai kepada 85% kapasiti. Bermakna untuk respond kepada usaha meningkatkan ekonomi kita, mereka perlu membuat pelaburan baru.

Kedua, adakah sistem perbankan kita mempunyai kecairan untuk menyediakan modal kepada syarikat swasta ini di mana dalam belanjawan lalu, Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri mengatakan susut nilai dalam pasaran saham sebanyak RM160 bilion. Saya membuat analisis dengan rakan-rakan saya, berasaskan kepada faktor itu saya jangka lebih kurang RM200 bilion yang masih tersangkut dalam sektor banking kita. Apakah langkah-langkah yang hendak kita ambil, kerana jikalau sektor banking kita tidak mempunyai kecairan (liquidity), maka modal/dana-dana baru tidak akan dapat diperolehi oleh sektor swasta dan sektor swasta tidak dapat berkembang.

Pembangunan dan peningkatan produktiviti negara bergantung kepada sektor swasta dan bank mesti rancang memberi pinjaman.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh mengenai dengan peranan kerajaan. Pada pandangan saya, dunia telah berkembang begitu laju dan cepat. Ada ahli fikir kata kalau kita tidak bergerak cepat, kita akan mati dalam perubahan yang begitu pesat, begitu rancak dan begitu cepat. Saya berpendapat, untuk menghadapi masa kini dan masa akan datang, efisiensi sektor kerajaan ini perlu dipertingkatkan. Saya berpendapat bahawa prinsip pentadbiran kerajaan mesti berasas kepada orientasi yang baru. Mungkin saya silap, mungkin telah diadakan oleh kerajaan tetapi ini pandangan yang saya ingin kemukakan berdasarkan analisis saya.

Pertama, ia mesti berasas kepada prinsip result oriented. Secara tradisi, tugas kerajaan adalah untuk mengatasi masalah itu secara tradisi. Maksud saya, result oriented government, kita mesti membentuk satu set untuk mengukur dan menilai prestasi agensi kerajaan. Di bawah sistem sekarang ini, kita membuat penilaian berdasarkan kepada funding dan pembiayaan. Maknanya, kalau ada belanjawan RM100 juta untuk jabatan berkenaan, dia belanja RM100 juta, dia sudah dikatakan perfect. Ini mengakibatkan kita tidak dapat menilai sejauh mana prestasi (performance) jabatan yang berkenaan.

Jikalau kita mempunyai satu set pengukur, kita boleh mengukur pencapaian, kita ada benchmark. Umpamanya, Jabatan Kerja Raya, kita tidak mengukur dari segi banyak mana kos dia membina jalan raya, kita mesti mengukur sejauh mana ketahanan jalan raya tersebut. Jabatan Perdana Menteri

dari segi mahkamah, kita mengukur bukan dari segi kos perbelanjaan tetapi dari segi berapa banyak kes yang diselesaikan. Kementerian Pembangunan Usahawan dan Kementerian Sumber Manusia, bukan dari segi kos kita mengadakan latihan ataupun bilangan yang mengadakan latihan, ia mesti berdasarkan berapa orang yang mengikuti latihan yang telah mendapat pekerjaan dan mencapai kedudukan taraf hidup yang lebih tinggi. Kementerian Pendidikan - pertama di dunia dari segi matematik dan sains. Ini adalah pengukur-pengukur kepada kejayaan kita. Jikalau kita mempunyai pengukur-pengukur ini, kita tahu jabatan mana yang berfungsi dengan baik, ia dapat meningkatkan produktiviti. Di samping itu, kita boleh kenal pasti jabatan-jabatan dan program-program yang berjaya atau gagal. Kita boleh potong budget, kita boleh potong program jikalau ia tidak berjaya.

Saya ambil contoh macam Rakan Muda. Saya bertanya kepada seorang Pegawai Belia dan Sukan di peringkat daerah, berapa jumlah peruntukan untuk Rakan Muda tahun hadapan? Dia kata, 'RM1.3 juta. Macam mana pencapaian masa lalu? Dia kata, "Saya belanja banyak ini untuk kursus". Saya tanya, "macam mana pencapaiannya?" "Tak tahu." Tetapi kalau kita tahu macam mana pencapaian, umpamanya adakah orang-orang yang hadir dalam kursus-kursus tersebut telah mencapai satu perubahan dan menjadi orang lebih berkualiti tinggi. Kalau tidak berkualiti tinggi, kita tidak perlu mengadakan program Rakan Muda dan kita pindahkan RM1.3 juta untuk program yang boleh memberi manfaat yang lebih kepada kita.

Saya juga berpendapat bahawa kerajaan mesti melaksanakan pentadbiran berdasarkan anticipatory government. Kita anticipate masa akan datang. Tradisinya kerajaan bekerja untuk mengatasi masalah sehingga kadangkala kita tunggu masalah menjadi krisis, baru kita ambil tindakan. Kita mewujudkan sikap tunnel vision. Macam kes jerebu umpamanya, ini telah berlaku empat tahun lalu dan kali ini ialah kali ketiga. Kita tahu daripada segi industri kelapa sawit, dia akan membakar pada masa cuaca panas, memang macam itu logiknya. Kalau sudah berlaku tahun satu, tahun dua dan tahun ketiga, tidakkah boleh kita anticipate bahawa ini akan berlaku dan kita adakan rundingan awal supaya kita adakan prevention daripada cure, kerana cure akan mengakibatkan kos yang banyak dan juga di samping itu akan mendatangkan banyak kesulitan kepada masyarakat.

Saya berpendapat bahawa kita mesti anticipate masa hadapan kita, sepertimana kata Earnest Shumacher, dengan izin, the smart person solves problems, the genius avoids them.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan mesti mengambil sikap untuk mengkaji trend mengadakan alternatif senario untuk masa hadapan serta memberi rekomendasi. Saya ambil contoh, Tokyo Metropolitan telah membuat perancangan sehingga tahun 2020 dari segi input menyeluruh bagaimanakah perkembangannya akan datang sampai tahun 2020. Kemungkinan ramalannya tidak tepat, tetapi dengan adanya sistem-sistem ini kerajaan boleh berhati-hati dan dapat berbelanja dengan baik dan dapat memberi perkhidmatan yang cukup baik.

Akhir sekali, saya hendak sentuh sedikit tentang usahawan bumiputera. Kita sekarang ada program mewujudkan usahawan kelas menengah. Saya hendak bercakap dari segi konsep dan prinsip. Saya membuat perbandingan dari segi tamadun. Tamadun Cina, saya ingat ini bukan sensitif saya sebut 'Cina', wujud 2500 sebelum Masihi, maknanya sudah wujud selama hampir 5000 tahun. Tamadun India wujud pada 2000 tahun sebelum Masihi, lebih kurang hampir juga 5000 tahun telah wujud. Dalam tamadun ini telah wujud budaya niaga selama ribuan tahun. Sepertimana saya katakan tadi, sesuatu skill bukan boleh kita perolehi dalam masa satu generasi atau dua generasi, atau satu business cycle. Satu business cycle negara kita lebih kurang 12 tahun, sekarang tahun 1997, tahun 1985 ekonomi kita jatuh. Kawan saya beli saham API, naik harga sampai lebih RM20, dia boleh jadi multi millionaire, dia kata tunggu dahulu, besok naik lagi, kemudian jatuh sampai 80 sen, dan dia hampir gila. Jadi kita akan hadapi, bukan melalui satu business cycle, tetapi melalui satu proses yang lama untuk membentuk skill.

Saya pergi ke Ksygyz, saya hendak pergi tukar duit, semua money changer di sana terdiri daripada orang India. Ini tidak logik, kalau kita tengok dari segi masyarakat di Krygyz tidak ada masyarakat India, tetapi skill ini telah berpindah daripada satu generasi ke satu generasi, dia menjadi satu skill budaya niaga yang wujud dalam masyarakat tersebut.

Saya umpamakan kedudukan bumiputera.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:

Masa cukup, Yang Berhormat.

Tuan Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Sedikit lagi, Tuan Yang di-Pertua, saya pun hendak balik. *[Ketawa]*

Saya membuat perbandingan dalam cerita arnab dan kura-kura berlumba. Kemudian kura-kura menang kerana arnab tidur. Saya kata itu dongeng. Dalam hakikatnya arnab berlari makin lama makin jauh. Kura-kura ini kerajaan kata, kita letak enjin turbo, lajukan, tetapi arnab lagi jauh. Bermakna, untuk budaya niaga dalam masyarakat bumiputera yang wujud bermula pada tahun 1970, sehingga sekarang baru 27 tahun, hendak mengatasi satu budaya niaga yang telah wujud dalam masyarakat lain selama ribuan tahun, bukan mudah. Bermakna pada pandangan saya, Kementerian Pembangunan Usahawan mesti mencari satu formula yang betul-betul terperinci kajiannya, menghasilkan usahawan bumiputera bukannya daripada kajian dalam sektor industri perniagaan semata-mata tetapi berdasarkan satu kajian menyeluruh tentang bangsa itu sendiri. Keusahawanan adalah by-product bangsa itu. Jadi, kita perlu mengkaji secara detail dan baru kita dapat mencari formula-formula yang baik untuk memberi kita keselesaan pada tahun 2020 ramai usahawan bumiputera kelas menengah yang wujud.

Saya mengucapkan terima kasih dan saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:

Pengkalan Chepa.

5.16 ptg.

Tuan Haji Nik Mohd. Amar bin Haji Nik Abdullah [Pengkalan Chepa]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberikan peluang kepada saya untuk membahaskan belanjawan ini.

Tuan Yang di-Pertua, Belanjawan 1998 ini dibentangkan dalam keadaan ekonomi negara yang kalut dan udara yang berjerebu. Sekali imbas kelihatan seolah-olah ada kerjasama tindakan antara bumi dan langit untuk menyedarkan pemimpin-pemimpin negara akan hakikat kekerdilan insan apabila berhadapan dengan kudrat dan iradat Allah Subhanahu Wata'ala. Kerana itu musibah ataupun bencana yang menimpa negara ini patut dijadikan pengajaran atau iktibar dalam merangka dasar dan mentadbir urusan pemerintahan. Sekarang merupakan saat yang paling baik untuk kita melakukan muhasabah ataupun self correction dan tidak hanya pandai menuding jari mencari kambing hitam untuk melampiasikan rasa kecewa yang terbuku di hati.

Sebagai orang biasa (man on the street), saya berpandangan bahawa kejatuhan nilai Ringgit yang berlaku sekarang ini bukan kerana angkara manipulator semata-mata. Saya percaya ada banyak faktor lain, sama ada yang lahir ataupun tersembunyi yang menjadi sebab tercetusnya fenomena ini. Pihak kerajaan sering mendakwa bahawa asas ekonomi negara kuat. Soalannya, adakah asas ekonomi kita benar-benar kuat atau kita yang mengaku kuat sedangkan pada hakikatnya masih banyak kelemahan yang menjadi asas serangan manipulator-manipulator luar dan dalam negara.

Apakah soal-soal seperti simpanan ataupun rizab negara yang rendah, tabungan dalam negeri yang kecil, mabuk dengan projek-projek raksasa, boros

dalam berbelanja, besar diri dan angkuh, celupar mulut sama ada pada peringkat antarabangsa ataupun peringkat nasional terutama terhadap ulama dan agama, tidak menjadi faktor utama yang menyumbang kepada krisis ekonomi sekarang. Saya berpendapat inilah sebab-sebab yang menjadi mangkin kepada kejatuhan nilai Ringgit yang kita hadapi.

[Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat] *mempengerusikan Mesyuarat*]

Tuan Yang di-Pertua, pada dekad ini kita melihat keghairahan rancangan dasar ekonomi kerajaan yang terlalu menumpu ke arah mencapai pertumbuhan ekonomi yang tinggi. Keghairahan ini menyebabkan kita melupakan aspek pengagihan pendapatan yang adil dan saksama. Oleh sebab itulah kebelakangan ini apabila berlakunya pertumbuhan ekonomi yang pesat telah menyebabkan wujudnya jurang yang lebar antara kumpulan-kumpulan yang tertentu di dalam masyarakat.

Rancangan Malaysia Ketujuh telah menonjolkan kepada kita betapa jurang antara kaum bumiputera dengan kaum Cina telah meningkat daripada 1:1.74 dalam tahun 1990 kepada 1:1.81 dalam tahun 1995. Jurang antara kaum bumiputera dengan kaum India juga telah meningkat daripada 1:1.29 dalam tahun 1990 kepada 1:1.35 dalam tahun 1995. Begitu juga jurang antara isi rumah desa berbanding dengan isi rumah bandar meningkat daripada 1:1.7 dalam tahun 1990 kepada 1:2.0 dalam tahun 1995. Manakala dari segi pendapatan pula, angka tahun 1995 menunjukkan bahawa 'min' pendapatan isi rumah bagi sektor pembuatan ialah RM2,264 dan bagi sektor perkhidmatan

ialah RM2,462 berbanding dengan sektor pertanian hanya RM1,060. Peningkatan jurang ini sekiranya tidak diperbaiki, akan membawa masalah pada masa akan datang. Ini juga membuktikan kepada kita betapa liberalisasi ekonomi yang dilaksanakan bermula pertengahan tahun 1980-an telah menimbulkan kesan sampingan negatif meskipun terdapat beberapa kebaikan dalam usaha menjana pertumbuhan negara.

Selain daripada itu, kita melihat penumpuan kepada aspek pertumbuhan ekonomi ini menjadikan dasar negara kita makin hari semakin liberal. Liberalisasi ini mendedahkan negara kepada kesan-kesan negatif dalam aspek politik, ekonomi, sosial dan budaya. Bagi mencapai pertumbuhan ekonomi, kerajaan telah membuka pintu yang luas kepada modal asing dan menyediakan pelbagai insentif kepada mereka. Sebagai contoh, beberapa bulan yang lepas atas perhitungan ekonomi, Menteri Kewangan telah membatalkan levi RM100,000 kepada warga asing yang membeli rumah kediaman yang berharga melebihi RM250,000. Tidak cukup dengan insentif tadi, Belanjawan 1998 ini mencadangkan kuota 50% bagi jualan kondominium yang serupa, di samping kebenaran kepada warga asing untuk memperolehi dua unit kondominium yang berkenaan.

Dalam keadaan Ringgit kita menurun, kita memberikan ruang yang begitu besar kepada warganegara asing untuk memiliki hartanah dan juga rumah di dalam tanah air kita. Dalam masa 5 ataupun 10 tahun lagi boleh jadi kita akan melihat kebanjiran warga-warga asing di dalam tanah air kita. Hari ini pun kalau kita pergi ke Johor Bahru, kita sudah melihat bagaimana

warganegara Singapura membanjiri kawasan-kawasan perumahan di Johor Bahru, terutamanya pada hari-hari minggu. Saya percaya dasar ini kalau tidak dibendung, akan mengundang risiko sosio politik yang amat parah pada masa yang akan datang.

Keghairahan kita membuka pintu yang luas kepada pelabur asing dan sifat ketergantungan kita kepada modal asing ini yang akan memberikan natijah yang buruk suatu masa nanti, kerana sikap dependent kita yang begitu sekali, boleh jadi suatu masa nanti dasar-dasar di dalam negara kita akan ditentukan oleh pelabur-pelabur asing yang datang ke tanah air kita. Kerana hendak menjaga kepentingan mereka, kita terpaksa menggubal dasar-dasar yang boleh memenuhi kehendak dan selera mereka. Kalau keadaan ini berlaku, penjajahan dalam bentuk yang halus akan berlaku dan mungkin inilah penjajahan yang baru di dalam era globalisasi ini.

Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, melihat kepada keadaan-keadaan inilah maka saya merasakan sudah sampai masanya kepada kita untuk membetulkan diri kita ini. Kalau kita melihat masalah-masalah ekonomi yang kita hadapi ini ialah lahir daripada sistem yang mana kita berada di dalam sistem tersebut. Selagi kita tidak keluar daripada sistem ini dan kita berada di dalam sistem ini, kita akan berdepan dengan masalah-masalah yang sama apabila kita alpa pada suatu ketika. Kita menari di dalam gelanggang orang lain dan kita akan diikat oleh sistem itu sendiri sehingga kita tidak boleh keluar. Bila kita terdesak, baru kita akan mengkritik sistem itu sedangkan pada waktu yang lain kita boleh menerima dan kita mengamalkan.

Sebagai contohnya, sikap kita terhadap pasaran wang asing. Hari ini kita marah kepada pasaran wang asing, kita mengkritik, kita marah kepada George Soros sedangkan dua, tiga tahun yang lepas Bank Negara sendiri terlibat di dalam permainan yang sama sehingga kerugian berpuluh-puluh bilion ringgit.

Jadi, kerana itu pada pandangan saya adalah penting kepada kita bagi kerajaan menggunakan kepakaran-kepakaran yang ada. Kita merangka satu sistem ekonomi kita yang tersendiri, jangan kita terlalu terikut dengan Barat. Kemudian, kita membentuk satu sistem ekonomi yang lebih baik, yang daripada sudut pandangan Islamnya mestilah berasaskan kepada dasar dan falsafah tauhid. Satu sistem ekonomi yang lebih adil dan manusiawi, satu sistem yang mengimbangi antara tuntutan jasmani dan rohani, satu sistem yang telus dan berakhlak.

Selain daripada itu, kita lihat juga sekarang ini kecenderungan di kalangan masyarakat, sama ada di peringkat bawahan ataupun peringkat atasan, kecenderungan untuk hidup mewah dan menikmati kehidupan ini secara lepas dan bebas. Ini adalah natijah daripada pertumbuhan ekonomi yang kita capai. Trend seperti ini mesti dibendung. Kerajaan mesti menggunakan kuasa yang ada mencari langkah dan cara untuk menyedarkan masyarakat kita supaya kita tidak hidup mewah, bukan sahaja waktu kita menghadapi krisis ekonomi seperti sekarang tetapi juga pada waktu-waktu yang lain. Bukan hanya waktu kita susah sahaja kita hendak berjimat cermat, tetapi sikap jimat cermat ini mestilah diamalkan pada setiap masa dan ketika, bukan hanya sewaktu negara

menghadapi krisis ekonomi. Apabila kita kaya sedikit, maka kita membelanjakan harta benda kita tanpa mengambil kira aspek-aspek baik dan buruk, aspek halal dan haram. Kita bimbang dengan keghairahan bermewah ini menyebabkan bencana.....

Tuan Hamzah bin Ramli: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, Sri Gading bangun.

Tuan Haji Nik Mohd. Amar bin Haji Nik Abdullah: Saya minta maaf, masa saya pendek. Yang Berhormat ada masa yang lain.

Keghairahan ini boleh menyebabkan kita diturunkan bencana oleh Allah Subhanahu Wata'ala kerana kalau kita baca di dalam al-Quran sendiri dan kita mengkaji sejarah tamadun manusia, antara faktor-faktor keruntuhan satu-satu tamadun ialah berpunca daripada kemewahan hidup dan amalan-amalan yang bercanggah dengan nilai-nilai kemanusiaan.

Kita ambil sebagai contohnya, Tamadun Roman purba ataupun Tamadun Romawi purba. Pada saat-saat kejatuhan Rom purba itu, antara sukan yang paling diminati dan digilai oleh orang Rom ialah sukan perlawanan antara manusia dengan singa di mana seorang pesalah dilepaskan di dalam gelanggang untuk bertarung dengan singa yang tidak diberi makan selama beberapa hari. Apabila pesalah itu berjaya menewaskan singa, maka dia boleh bebas daripada penjara. Ini ada di dalam filem, kita tengok filem spartacus sebagai contohnya, menggambarkan perkara ini. Ini antara punca dan hasil itu jatuh kerajaan Rom purba ini.

Dan begitulah juga di dalam tamadun-tamadun Islam sendiri pun kita melihat kejatuhan kerajaan Umayyah, kejatuhan kerajaan Abbassiyah, kejatuhan kerajaan Turki Usmaniyah, kerajaan Umayyah II di Sepanyol, kerajaan Moghul di India, kejatuhan kerajaan Melayu Melaka sendiri pun adalah antaranya berpunca daripada sikap hidup dan akhlak yang runtuh di kalangan pemimpin dan rakyat yang ada di dalam negara tersebut.

Kerana itu rasanya elok kita merenungi perkara ini dan merujuk kembali kepada firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam surah Al-Isra', Ayat 16 yang berbunyi [*membaca ayat al-Quran*] maksudnya:

“Apabila Kami ingin menghancurkan sebuah desa, Kami biarkan golongan kaya dan mewah di dalam masyarakat melakukan kerosakan, maka tetaplah hukuman Kami ke atas mereka, lalu Kami musnahkan mereka seluruhnya.”

Tuan Yang di-Pertua, kita mengalu-alukan peruntukan RM164 juta bagi pembinaan rumah awam kos rendah dan kita berharap program ini akan dilaksanakan dalam tempoh yang segera bagi memenuhi keperluan golongan yang berpendapatan rendah. Tetapi dalam masa yang sama juga, saya ingin mengulangi seruan dan pandangan-pandangan yang pernah dibuat oleh beberapa orang ahli Dewan Rakyat sebelum daripada ini, supaya pelaksanaan ini berlaku dengan sepenuhnya dan apa yang diucapkan oleh Yang Berhormat dari Kota Melaka itu tidak berulang lagi di dalam tanah air kita kerana kita melihat perkara ini dalam kepesatan pembangunan, golongan yang berpendapatan rendahlah yang selalunya ketinggalan. Rumah yang diperlukan

oleh mereka tidak dibina dan apabila dibina, tidak mencukupi dan sering kali berlaku rumah-rumah kos rendah diberikan kepada orang yang tidak layak kerana mereka baik dengan individu-individu tertentu, maka mereka memperolehi rumah kos rendah tersebut.

Selain daripada itu, berkait dengan masalah perumahan ini juga, saya ingin mencadangkan kepada kerajaan supaya merancang satu usaha untuk menempatkan semula orang-orang Melayu di dalam bandar-bandar utama, kerana kita lihat natijah daripada pembangunan pesat yang berlaku dalam tanah air pada hari ini, orang-orang Melayu tersisih di dalam arus pembangunan tersebut. Tanah yang asalnya milik mereka yang berada di bandar-bandar, diambil atas nama pembangunan dan orang-orang Melayu ini dihalau secara halus untuk keluar daripada tanah mereka. Walaupun mereka diberikan pampasan, tetapi pampasan itu selalunya tidak cukup untuk mengganti apa yang telah hilang. Mereka terpaksa tinggalkan bandar ini, meneroka satu kawasan yang baru, setelah kawasan itu tumbuh, wujud kemudahan-kemudahan, datang pula pemaju dan kerajaan untuk membangunkan semula kawasan itu. Jadi, setiap masa orang-orang Melayu ini kerja dia hanya untuk meneroka kawasan sahaja. Apabila kawasan itu sudah diteroka, orang lain yang memperolehi natijah ataupun hasil daripada perkara tersebut.

Jadi, perkara ini perlu diberikan perhatian, dan kerajaan dengan kuasa yang ada pada mereka mesti merancang bagaimana cara untuk menempatkan semula orang Melayu di dalam bandar-bandar utama bagi mewujudkanimbangan penduduk antara kaum bumiputera dan bukan bumiputera di bandar-

bandar yang utama. Kerana kita bimbang kalau keadaan ini tidak dibaiki, suatu masa nanti akan timbul masalah rasa tidak puas hati dan boleh mencetuskan suasana yang tidak baik di dalam masyarakat.

Selain daripada itu, kita juga ingin mencadangkan supaya kerajaan setelah pindaan kepada Akta Pengambilan Tanah dibuat baru-baru ini supaya lebih teliti di dalam merangka dan merancang pembangunan supaya orang Melayu terutamanya tidak menjadi mangsa daripada pembangunan tersebut. Ini saya tujukan terutamanya kepada kerajaan-kerajaan negeri, kerana saya tengok di Pulau Pinang sebagai contohnya, saya pergi ke beberapa buah negeri yang lain saya melihat keadaan ini berlaku. Sebab itu mesti ada usaha-usaha yang bersungguh-sungguh daripada pihak kerajaan untuk membetulkan keadaan ini, mengembalikan orang Melayu pada tempatnya supaya mereka boleh bersama-sama dengan kaum yang lain membangunkan negara ini dan mereka boleh hidup seiring dengan cara damai dan supaya mereka tidak menjadi seperti pak kaduk yang menang sorak tetapi kampungnya tergadai. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Balik Pulau.

5.32 ptg.

Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi [Balik Pulau]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Mengikut sejarah kita dapat melihat bahawa manusia sememangnya mempunyai ingatan yang pendek. Disebabkan manusia mempunyai sifat yang sedemikian, maka kita dihukum dari masa ke semasa untuk mengulangi kesalahan-kesalahan yang telah dilakukan di masa-masa yang lepas. Oleh yang demikian, di dalam sejarah manusia kita lihat ada

kitaran yang kadang-kadangnya pendek dan kadang-kadang panjang, di mana kita mengalami perkembangan dan juga penguncupan. Kita boleh lihat kitaran kehairahan, perkembangan dan juga sengsara penguncupan ini berlaku di dalam banyak perkara. Kalau kita hendak tengok di dalam sejarah ekonomi kita boleh lihat bagaimana spekulasi berlaku dan spekulasi menimbulkan pertumbuhan dan kerancakan kenaikan harga dan kemudiannya fenomena tersebut diikuti oleh satu kadar penguncupan yang laju.

Dalam sejarah kita dapat lihat macam-macam. Saya pernah berkata di dalam Dewan ini beberapa contoh di mana manusia telah melakukan spekulasi dengan bunga tulip, saham, logam-logam tertentu, harta tanah dan sebagainya. Sekarang ini negara menghadapi satu keadaan ujian yang sungguh getir. Kita menghadapi saya rasa satu krisis ataupun keadaan ekonomi yang mencabar. Tetapi ini merupakan satu lagi daripada kitaran di dalam sejarah manusia. Dalam sejarah ekonomi negara kita dalam 12 tahun yang lalu kita menghadapi penguncupan. Terdahulu dari itu mungkin pada tahun 1967 kita ada sedikit masalah, dan kalau kita tengok pada sudut yang lebih global kita selalu menghadapi kitaran sedemikian.

Dalam keadaan kita menghadapi kitaran ini, kita boleh mengambil beberapa pendekatan ataupun sikap untuk berdepan dengannya. Kita boleh mengambil sikap seperti yang telah ditunjukkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa yang mengambil reaksi untuk masuk dalam tempurung dan tutup diri sendiri. Dia pun cakap hebat tetapi sebagai seorang ahli PAS, kedatangan dia dalam Dewan ini tidak pun sampai 50%, tetapi dia boleh dalam

keadaan tengah teruk ini boleh datang dan hentam dan mencadangkan pendekatan-pendekatan untuk berdepan dengan masalah yang kita hadapi ini dengan cara withdrawal, masuk dalam cocoon ataupun shell kita sendiri.

Saya ingin mengajak seluruh rakyat Malaysia dan kita semua berfikir bahawa kita tidak boleh terlalu kelam-kabut dalam keadaan ini kerana ini adalah satu kitaran yang sememangnya pun kita akan hadapi. Apabila kita keluar daripada kitaran ini, akan tiba pada satu ketika di mana kita akan memasuki dalam satu kitaran yang teruk, kerana kita adalah manusia. Manusia ini tidak sempurna sifatnya dan kita terhukum untuk mengulangi kesalahan-kesalahan kita dari masa ke semasa. Tetapi apa yang penting ialah kita hendaklah melihat daripada gambar yang besar dan tidak boleh kita gelabah dan kelam-kabut. Kita hendaklah berfikir bagaimana dalam keadaan kita sekarang ini untuk kita melakukan perkara-perkara untuk kita memperbaiki kedudukan kita supaya apabila yang tiba untuk kita naik kembali, kita akan naik dengan kedudukan yang lebih cekap dan lebih cekal yang berkemungkinan untuk melanjutkan tempoh kitaran atas dan melengahkan kitaran jatuh satu lagi yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, hendaklah kita tumpukan usaha ini kepada pembangunan manusia itu sendiri. Saya telah melahirkan rasa kluatir saya dari segi pembangunan sumber manusia sebagai penjana peningkatan kecekapan dalam pasaran, sebagai penjana untuk kita tingkatkan total factor productivity kita, sebagai penjana untuk kita tingkatkan kecekapan ekonomi kita. Kita agak bimbang bahawa TFP kita sebenarnya menunjukkan dalam beberapa tahun

yang kebelakangan ini satu trend yang menurun. Ini adalah membimbangkan kita, kerana keadaan ini terjadi dalam pada suasana di mana kita memberi penumpuan kepada usaha untuk meningkatkan produktiviti. Jadi, ini satu yang perlu diberi perhatian yang cukup banyak, kerana dalam pada kita menumpukan pada soal untuk meningkatkan produktiviti, TFP kita menunjukkan trend yang menurun.

Jadi, usaha hendaklah diberikan untuk benar-benar kita kaji kenapa terjadinya perkara ini dan di mana terdapatnya kelemahan-kelemahan yang menyebabkan terjadinya fenomena ini. Saya pernah mengatakan bahawa saya tidak percaya bahawa untuk Malaysia pergi ke satu tahap yang lebih tinggi kita boleh bergantung kepada sektor perkilangan, kepada sektor pembuatan. Saya percaya bahawa hanya dengan kita pergi kepada sektor perkhidmatan yang lebih khusus, yang lebih memberi pulangan yang tinggi, barulah kita boleh membawa ekonomi negara ini ke satu tahap yang lebih tinggi.

Kita tidak mungkin boleh pergi ke satu tahap yang lebih tinggi daripada yang sekarang ini kalau kita hendak bergantung semata-mata kepada sektor pembuatan. Sektor perkhidmatan ini memerlukan kita mempunyai kepakaran-kepakaran yang cukup tinggi dan latihan semula dan peningkatan kemahiran yang pelbagai, yang menjurus kepada kita untuk membolehkan kita mempunyai satu kelebihan persaingan dalam dunia ini untuk kita terlibat dalam sektor perkhidmatan ini. Pada masa yang sama peningkatan kemampuan kita dalam sektor perkhidmatan ini juga akan secara langsung menyumbang kepada pengurangan defisit akaun semasa negara kita. Kita tahu selama ini

penyumbang kepada defisit akaun semasa itu adalah defisit daripada imbangan perkhidmatan di dalam negara kita ini. Kita juga harus menerima bahawa di masa akan datang kita terpaksa meliberalisasikan sektor perkhidmatan ini termasuk sektor perkhidmatan kewangan.

Dalam sektor ini kita adalah lemah dan kita perlu memberi perhatian yang secukupnya dalam hal ini. Kita juga perlu memberi satu fikiran yang cukup jelas tentang bagaimanakah Malaysia sebuah negara yang hendak saya katakan tadi pergi ke satu tahap yang lebih tinggi yang hendak kita janakan dengan penglibatan kita yang lebih tinggi dalam sektor perkhidmatan kewangan, banking, insurans, brokarage, shipping dan sebagainya. Kita hendak tanya, saya tidak tahu kementerian mana hendak jawab, tetapi kita kena fikir dalam dunia ini sekarang kalau kita fikir financial services, accounting services, the big aid accounting firm menjadi satu kumpulan financial services yang dominant. Kita juga melihat insurans kompeni yang besar-besar dalam dunia ini. Kita juga lihat sekarang ini di dalam merchant bank investment dan merchant bank, brokage firm yang begitu besar dalam dunia ini.

Dalam kita berdepan dengan senario yang mana jika kita liberalisekan financial services sector ini, kita akan berdepan dengan gergasi-gergasi daripada Amerika Syarikat dan negara maju lain. Kalau kita tidak jaga, maka kita akan tenggelam terus. Tetapi pada masa yang sama jika kita tidak memperkenalkan sedikit kompetitif competition dalam sektor perkhidmatan di dalam negara kita ini, sampai bila-bila pun kita tidak akan dapat merasai peningkatan dalam kecekapan financial institution kita. Kita tahu bahawa oleh

sebab adanya kemasukan firma asing di dalam bidang pembuatan, maka ianya telah memberi sedikit competition yang membolehkan kita mempunyai sedikit kepakaran dalam setengah-setengah bidang di dalam pembuatan sekarang ini.

Untuk kita menikmati peningkatan kemahiran dalam sektor perkhidmatan ini juga, kita perlu liberalisekan financial services sector. Tetapi kita kena fikir bagaimana dalam pada kita hendak melakukannya, kita kena berdepan dengan satu pasaran dunia yang sekarang ini dikuasai oleh hanya segelintir firma-firma yang gergasi yang begitu besar. Sekarang ini terdapat fenomena di mana terdapat mergers di antara bank-bank yang besar di Amerika Syarikat dan juga di Jepun dan juga terdapat mergers di kalangan firma perakaunan “Big Eight” dalam dunia ini. Jadi, kita takut dan kita perlu fikir bagaimana kita hendak berdepan dengan perkara ini. Sekarang ini kita dapati ada dua syarikat, Standard and Poors dan Moody’s misalnya, yang diterima dalam dunia ini untuk membuat rating bukan sahaja ke atas syarikat-syarikat, tetapi ke atas negara. Ini memberi mereka kuasa yang cukup tinggi. Tetapi kita tidak mahu mengaku kalah di dalam hal ini, kerana kita percaya kita boleh. Dan keduanya, kita terpaksa melakukannya, kerana hanya dengan kita pergi kepada sektor perkhidmatan ini dengan betul-betul, dengan kita fikirkan market niche kita di dalam sektor ini barulah kita boleh membawa negara ini pada satu tahap yang lebih tinggi daripada yang sekarang ini. Kita tidak boleh terus bergantung kepada sektor pembuatan semata-mata.

Kita juga perlu mengambil kesempatan yang ada hari ini untuk kita melihat semula struktur industri, organisasi industri ekonomi negara kita ini.

Saya pun bersetuju bahawa satu daripada kelemahan yang ada dalam struktur industri ekonomi negara kita hari ini ialah terdapat pada banyak sektor concentration yang terlalu tinggi. Concentration ini menyebabkan firma yang beroperasi di dalam sektor-sektor ini mempunyai kuasa pasaran yang cukup tinggi dan ini tidak menyebabkan mereka menjadi efisien. Mereka juga oleh sebab itu tidak menjadi kompetitif di luar negara. Mereka tidak boleh menjadi firma-firma dari negara ini yang boleh menjadi berjaya di luar negara kerana mereka boleh mendapat keuntungan yang besar di dalam negara kita ini.

Dalam konteks itu, saya bersetuju dengan rakan saya dari Tambun yang bercakap tadi bahawa satu daripada cara yang mana kerajaan boleh menentukan pembentukan struktur ekonomi ini ialah menerusi dasar penswastaaan. Saya rasa kalau kita ikut model Jepun, model Korea yang saya ingat kita terikut sedikit model-model itu, maka kita mempercayai bahawa untuk mewujudkan kemampuan bersaing di peringkat antarabangsa kita hendaklah menubuhkan gergasi besar-besarnya ataupun syarikat gergasi di dalam negara, dan oleh kerana mereka besar, mereka gergasi, mereka boleh compete di arena antarabangsa. Saya rasa pendekatan itu tidak betul. Saya rasa adalah lebih munasabah dari sudut ekonomi kalau kita membenarkan persaingan yang kuat berlaku dalam negara kita ini di dalam sektor-sektor yang kita hendak mempunyai daya saing di dalam pasaran antarabangsa.

Oleh sebab yang demikian, apabila kita melakukan dasar penswastaaan ini hendaklah kita tidak memberi kuasa monopoli atau kuasa pasaran kepada

sedikit sahaja pemain, kerana mereka tidak akan bersaing di antara mereka sendiri. Satu lagi kelemahan yang ada pada industrial structure kita ialah oleh sebab kita memberi tumpuan kepada pengwujudan gergasi-gergasi yang vertically integrated ini, maka gergasi-gergasi yang vertically integrated ini menjadi hulu pun dia kuasai, hilir pun dia kuasai. Bukan sahaja ada vertically integrated, entities yang besar, tetapi juga sekarang ini kita nampak tidak ada fokus. Kita tengok sekarang ini banyak firma dalam negara kita ini yang tersenarai di bursa saham yang tidak ada fokus. Dia tidak ada core business, Kalau kita sebut nama dia, apa dia buat. Yang itu dia buat, yang ini dia buat, semua dia hendak buat sebab dia ada peluang hendak dapat business itu, jadi dia ambil. Oleh itu, tidak ada satu usaha untuk dia sebenarnya membentuk satu kepakaran khusus untuk membolehkan dia bersaing di luar negeri kerana dia sibuk untuk mendapat peluang-peluang yang banyak. Kalau macam ini kita bentukkan struktur industri kita, maka kita tidak akan mampu untuk bersaing di pasaran antarabangsa.

Kita lihat sekarang ini seperti yang saya hendak kata pada ucapan minggu lepas, di dalam pasaran bursa saham Papan Kedua misalnya. Kita wujudkan Papan Kedua kerana kita hendak memperdalamkan pasaran modal kita. Kita memperdalamkan pasaran modal kita kerana kita hendak membolehkan firma-firma dalam negara ini memperolehi sumber modal yang lebih murah melalui pasaran ekuiti daripada pinjaman. Apabila mereka mempunyai sumber modal ini, mereka boleh melakukan pelaburan untuk

mengembangkan perniagaannya dan juga dengan harapan bahawa mereka boleh bersaing di luar negeri.

Tetapi apa yang terjadi dalam pasaran saham kita ialah pasaran saham kita lebih merupakan satu tempat di mana orang mengambil kesempatan untuk mendapat listing. Selepas itu pengurusan syarikat sibuk main saham dan dia bukan tumpukan perhatian kepada core businessnya, dia sibuk main saham dan dia abaikan pembangunan pembentukan kepakaran syarikatnya. Bukan itu sahaja, satu daripada kelemahan yang ada dalam pasaran saham kita itu sebenarnya penglibatan sebahagian besar daripada dana dalam pasaran saham itu yang sepatutnya wujud daripada tabungan orang, tetapi dalam pasaran saham kita, pasaran modal kita, kebanyakan daripada penglibatan dana itu adalah dana yang dipinjam. Jadi, bukan sahaja firma-firma yang ada dalam negara kita ini a very highly leverage, tetapi capital yang terbentuk di dalam pasaran saham itu pun adalah capital yang berdasarkan kepada pinjaman daripada sektor kewangan. Oleh sebab yang demikian, maka timbul sedikit kecurigaan di kalangan mereka yang menganalisis ekonomi negara ini tentang keutuhan institusi kewangan dalam negara kita ini.

Jadi, ini adalah perkara yang perlu kita memberi perhatian yang cukup banyak, jika kalau kita tidak melakukan perubahan-perubahan yang seperti ini, kerana kita tidak tumpukan usaha kita untuk mengemaskan institusi kewangan kita, maka kita tidak dapat dibekalkan dengan kemampuan untuk kita pergi kepada satu tahap yang lebih tinggi.

Mengenai pengembangan kredit. Tadi Yang Berhormat dari Kota Melaka agak kurang senang dengan usaha untuk menguncupkan pengembangan kredit. Sebenarnya satu daripada kelemahan dalam struktur kewangan kita hari ini ialah pengembangan kredit yang terlalu tinggi. Kredit berkembang pada tahap hampir 30% dalam dua-tiga tahun kebelakangan ini. Ini menjadikan kredit terlalu senang diperolehi, dan apabila kredit terlalu senang diperolehi dan kadar faedah juga tidak tinggi, maka pihak yang meminjam dan membuat pelaburan tidak menjadi begitu terdesak untuk mereka benar-benar memberi pertimbangan sama ada pinjaman dan pelaburan yang bakal mereka lakukan itu benar-benar mendatangkan manfaat ataupun tidak.

Begitu mudah kredit berkembang menimbulkan satu keadaan yang tidak stabil dalam pasaran kewangan. Oleh sebab yang demikian, saya sangat bersetuju supaya credit expansion ini dihadkan dan diperlahankan pertumbuhannya. Kita bersetuju dengan cita-cita Kementerian Kewangan untuk menguncupkan pengembangan ini kepada satu tahap yang lebih munasabah, mungkin dalam 15% pada tiap-tiap tahun. Dengan yang demikian juga, kita memberi sedikit kestabilan dalam pasaran kewangan.

Satu lagi perkara ialah tentang peranan Bank Negara Malaysia di dalam kelam-kabut ini. Saya pernah menegur dalam bulan Julai misalnya bahawa pada ketika itu kita rasakan bahawa Bank Negara telah memberi beberapa signal - sekejap dia beri signal itu, sekejap dia beri signal ini, dan kesemua ini tidak membantu Bank Negara sebagai bank pusat negara ini untuk menjalankan dasar-dasar kewangannya dengan berkesan. Saya juga memohon supaya Bank

Negara lebih menggunakan instrumen-instrumen pasaran untuk mengawal benda-benda yang dia hendak kawal, sama ada penawaran wang ataupun tingkat harga, gunakan instrument pasaran dan jangan guna regulation. Orang akhirnya membuat keputusan berdasarkan kepada harga sama ada harga barangan, interest rate, currency exchange dan sebagainya. Jadi, gunakan kemampuan untuk bank melaksanakan dasar kewangan dengan mempengaruhi tingkat-tingkat harga ini dan bukan memperkenalkan regulation. Regulation tidak akan mencapai matlamat. Regulation merupakan satu distortion dalam market yang sebenar akhirnya akan mendatangkan kos yang lebih tinggi kepada kita.

Akhirnya, saya berharap supaya Bank Negara Malaysia mempunyai statement polisi yang cukup jelas. Katakan Bank Negara Malaysia dia punya main objective is to provide monetary stability, jaga inflation rate yang rendah. Period, itulah dasarnya. Dia akan melakukan apa juga dasar-dasar kewangan menggunakan instrumen yang ada padanya untuk mencapai matlamat yang satu itu, provide monetary stability dan stable prices. Itu satu, period, dan dia tidak buat benda lain, dan dia akan lakukan semua untuk mencapai matlamat itu. Apabila dia kata begitu dan dia konsisten dengan tindakan susulannya, maka dia mempunyai kredibiliti. Jadi, orang percaya regardless apa benda juga keadaan Bank Negara punya matlamat will be one and the same, dan dia akan lakukan apa juga untuk dia mengekalkan objektif ataupun mendapat objektif-objektifnya sendiri.

Satu lagi perkara yang ingin saya bercakap ialah tentang mewujudkan competency yang ada dalam ekonomi negara kita ini. Satu sektor yang saya rasa - menterinya pun ada di sini, yang telah kita abaikan ialah sektor pertanian. Kita lihat bahawa hari ini kita mengimport makanan sampai RM9 bilion dan lihat hari ini sektor pembuatan tidak sebenarnya memberi value added yang tinggi, sekurang-kurangnya sektor pembuatan yang ada sekarang inilah. Saya merasakan bahawa co-competency kita, saya bukan tidak bersetuju bahawa kita pergi kepada sektor pembuatan ini. Malah saya kata saya setuju, kita pertingkatkan efiensinya, kita kena pergi kepada sektor perkhidmatan. Tetapi sektor pertanian adalah satu sektor yang mana di dalam dunia ini ada beberapa sektor di mana Malaysia adalah merupakan a world leaders. Kita adalah satu negara yang mempunyai kepakaran yang cukup, mempunyai kemampuan yang cukup, sejarah yang cukup panjang di dalam beberapa bidang, getah, bijih timah dahulunya dan kelapa sawit sekarang ini.

Ini merupakan bidang dalam sektor pertanian yang kita mempunyai kekuatan yang tidak ada banyak tandingannya dalam dunia ini. Tetapi fasal kita ghairah dengan foreign direct investment ini, kita nampak macam sektor ini macam koman, kira corotlah. Jadi, kita tidak ambil tahu. Oleh sebab kita indirectly subsidise manufacturing foreign direct investment, maka labour pun pergi ke situ. Maka kita tidak boleh menjana perubahan pemodenan dalam sektor pertanian ini kerana kita tidak ada labour. Labour kita semua pergi kepada sektor perkilangan yang mendapat subsidi dari segi tax exemption, pioneer status dan sebagainya.

Saya ingin menyatakan di sini bahawa sektor pertanian di dalam negara kita ini boleh kita revolusikan, kita tingkatkan dengan penggunaan teknologi tinggi, orang dok cakap macam-macam, bioteknologi, ginetik teknologi, segala macam teknologi dalam pertanian ini, untuk kita menjana satu pertumbuhan dalam sektor ini yang stabil: sektor tempatan yang stabil. Kita boleh compete dalam hal-hal manufacturing dan services ini untuk external market. Tetapi untuk domestic market kita ada satu sektor yang moden, yang menggunakan teknologi yang tinggi, yang mendatangkan pulangan yang tinggi tetapi benar-benar kita punya.

Walaupun semua orang cakap fasal the third wave:, the first wave agrarian, second wave manufacturing, third wave information age dan sebagainya. Kita tidak boleh lari daripada sektor pertanian ini, dan ia tidak koman. Kita pergi tengok negara-negara di Scandinavia misalnya, Sweden, dan Denmark, di Belgium, di New Zealand dan di Australia adalah negara-negara yang mempunyai standard of living yang tinggi dan mencapai tahap pembangunan manusia yang tinggi, mencapai kemampuan teknologi yang tinggi, tetapi mempunyai sektor pertanian yang kukuh dan yang kuat, tidak koman pun. Macam saya tengok di Holland, industri bunganya is very modern. Di negara kita ini saya harap sektor pertanian ini boleh kita revolusikan untuk menjadi satu sektor yang stabil. Tidak semestinya domestic base, but dia boleh menjadi satu stabilizing sector dalam ekonomi kita dalam kita terpaksa bersaing dalam ekonomi dunia. Jika kita dapat satu kestabilan dalam sektor pertanian ini, maka ia memberi kestabilan menyeluruh kepada keseluruhan ekonomi yang

semestinyalah bergantung kepada naik-turun pergerakan ekonomi dunia. Jadi, sama ada CPO, horticulture, bunga-bungakah, ikan dan apa juga benda yang kita boleh buat, food processing dan sebagainya, hendaklah kita beri tumpuan kepada sektor ini.

Saya tidak terima bahawa the agriculture sector semestinya mendatangkan pulangan yang rendah, sektor pertanian semestinya memberi kadar upah yang lebih rendah daripada sektor-sektor yang lain. Oleh sebab yang demikian, maka sektor ini terpaksa dibelakangkan. Saya rasa kita perlu fikir semula dasar pertanian negara yang telah dimaklumkan dalam proses penggubalan untuk bagaimana kita hendak menghidupkan semula sektor pertanian kita ini, dan sekali gus menyumbang kepada pengurangan defisit akaun semasa kita dengan kita mengurangkan import bil kita yang begitu besar yang ada sekarang ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak mahu jadi macam Pengkalan Chepa, kita tidak ada pilihan, Malaysia adalah sebuah negara dagangan. Kita tidak boleh lari daripada pentas dunia. Masa depan kita adalah benar-benar bergantung kepada kemampuan kita untuk bersaing di ekonomi dunia. Kita tidak boleh lari menyorok untuk negara kita jadi macam Afghanistan, Burma dahulu. Kita kena bersaing dan kita tidak ada pilihan selain daripada kita membentuk competency kita yang tertentu.

Perkara yang berkaitan dengan perkara itu yang ingin saya sentuh, ialah dalam kehairahan kita untuk menggalakkan eksport dan mengurangkan import, janganlah kita mengenakan sekatan-sekatan import kepada barangan-

barangan yang tertentu dalam usaha kita untuk kurangkan import. Sebab kita hendak kurang import dan lebih eksport, kita kenakan sekatan-sekatan dari segi tarif, import duti dan sebagainya. Mungkin ada perkara yang kita kena buat, sebab kita hendak discourage spending import, tetapi pendapat saya jangan terlalu ghairah untuk melakukan dasar import substitution. Dasar import substitution pada pendapat saya adalah satu dasar yang pada jangka masa panjangnya akan mendatangkan lebih banyak kesan negatif daripada kesan positif. Apa benda yang lebih murah yang dibuat di negara lain kita patut beli di negara lain. Tidak ada maknanya kita buat barang yang lebih mahal daripada yang kita boleh beli daripada negara lain. Adalah lebih munasabah kita mengalakan resources yang kita ada untuk membuat benda yang kita boleh buat murah daripada orang lain.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, sila gulung.

Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi: Okay, saya gulung. Tidak ada munasabahnya kita mengambil sumber kita untuk membuat sesuatu benda yang lebih murah kita boleh dapat daripada luar. Sepatutnya kita halakan sumber kita untuk kita membuat benda yang kita boleh buat murah daripada orang lain. Jadi, dalam keghairahan ini kita kena perlu berhati-hati. Saya merasakan bahawa pendapat yang dikemukakan oleh MIER adalah benar. Import tarif tidak perlu kerana depreciation dalam Ringgit dengan sendirinya akan menyebabkan amaun import itu menurun. Inilah maksud saya kita gunakan

harga-harga dalam pasaran sebagai insentif untuk kita mengubah keputusan orang.

Akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyatakan rasa keyakinan kita walaupun dalam keadaan yang tenat sedikit minggu ini, daripada hari Isnin, Selasa, Rabu, Khamis stok market pun teruk, Ringgit pun teruk, tetapi kita hendaklah yakin sebagai satu bangsa, sebagai satu negara bahawa kita boleh keluar daripada lubang ini, dan kita boleh keluar di peringkat akhirnya dengan berada pada kedudukan yang lebih kuat dan kita akan meletakkan diri kita kepada satu tahap yang boleh menghalu kepada satu kedudukan yang lebih tinggi.

Sesungguhnya kalaulah negara ini, kalaulah bangsa Malaysia hari ini tidak mempunyai kekuatan untuk berdepan dengan cabaran ini dan kelam-kabut akibatnya terjadi pada krisis ini, maka kita tidak merupakan satu bangsa yang sebenarnya berkemampuan untuk membina satu ternyata, satu negara seperti yang kita harapkan dalam cita-cita kita seperti termaktub dalam Wawasan 2020. Kita senantiasa memberi sokongan kepada kerajaan dan kita berharap kita mempunyai kestabilan politik yang membolehkan kita melakukan adjustment yang saya sebutkan tadi untuk kita keluar daripada krisis ini dengan penuh keinsafan tentang apa juga kelemahan yang telah kita kenal pasti yang telah terjadi kebelakangan ini dengan harapan kita akan berada pada kedudukan yang lebih tinggi di masa-masa yang akan datang. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Segambut.

6.03 ptg.

Dr. Tan Kee Kwong [Segambut]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Benarkan saya mengulas tentang projek-projek besar yang akan dilaksanakan di Malaysia. Pertamanya, Koridor Raya Multimedia (KRM). KRM nyata adalah inisiatif berani bagi manfaat syarikat-syarikat yang membangunkan atau menggunakan teknologi-teknologi multimedia yang canggih. KRM akan membuka kunci kepada potensi penuh multimedia dengan mengintegrasikan undang-undang siber yang terbaru dan infrastruktur maklumat yang canggih di dalam alam sekitar fizikal yang cantik. Syarikat-syarikat yang ingin menyertai KRM boleh memohon kepada Multimedia Development Corporation untuk kedudukan KRM ataupun MSC status. Multimedia Development Corporation merupakan kedai khas one-stop diberi kuasa sepenuhnya untuk menupukan perhatian memastikan kejayaan KRM dan syarikat-syarikatnya.

Syarikat-syarikat dengan kedudukan KRM adalah dibenarkan diurus bebas daripada cukai bagi tempoh sehingga 10 tahun atau untuk menerima 100% elaun cukai pelaburan dan menepati insentif-insentif dan keuntungan-keuntungan lain yang disokong oleh bil jaminan Kerajaan Malaysia. Saya percaya MSC adalah idea yang cemerlang dimulakan oleh Perdana Menteri kita sebab ia merupakan pemangkin gerakan ekonomi Malaysia kepada zaman maklumat. KRM merupakan zon 50 kilometer panjang dan 15 kilometer lebar diperluaskan ke selatan untuk merangkumi lapangan terbang antarabangsa KL yang baru. Saya percaya lapangan terbang ini akan memainkan peranan yang penting di dalam pertumbuhan dan pembangunan KRM oleh kerana ia akan

menjadi jalan masuk bagi teknologi-teknologi baru dan kemahiran daripada negara-negara asing. Kerajaan mesti memastikan supaya lapangan terbang ini disiapkan secepat mungkin untuk memudahkan jalan masuk tersebut dan juga untuk memudahkan pembangunan Kuala Lumpur sebagai sebuah pusat lalu lintas kapal terbang Asia Tenggara.

Tuan Yang di-Pertua, Putrajaya yang merupakan pusat pentadbiran Malaysia yang baru yang sedang dibina juga termasuk di dalam kawasan KRM. Ia akan menggunakan teknologi-teknologi multimedia untuk menjadi sebuah pentadbiran tanpa kertas ataupun dengan izin, paperless administration. Saya percaya pembangunan Putrajaya mesti dikendalikan secara fasa bagi memastikan supaya projek tersebut tidak akan diberhentikan oleh kerana kekurangan kewangan, tenaga manusia ataupun bahan-bahan. Oleh kerana itu, adalah bijaksana jika kerajaan dapat mengatur pembangunannya secara fasa dalam tempoh 10 atau 15 tahun.

Tuan Yang di-Pertua, pembentukan Heavy Industry Corporation of Malaysia ataupun yang lebih dikenali sebagai HICOM pada tahun 1980 didorong oleh pertumbuhan lembab sektor industri Malaysia. Oleh kerana itu, kerajaan memutuskan supaya ia mesti memikul tanggungjawab secara langsung bagi merancang dan memotivasikan pembangunan sektor tersebut. Fungsi HICOM ialah untuk menutupkan, memulakan, melaksanakan dan menguruskan projek-projek industri berat. Pada tahun 1995 kerajaan melalui Khazanah Nasional menjual milik kawalan di dalam HICOM kepada Mega Bhd., syarikat

yang mempunyai hubungan dengan Allahyarham Tan Sri Yahya Ahmad bagi satu RM1.7 bilion.

Tuan Yang di-Pertua, selepas pembelian itu banyak projek kerajaan telah diberi kepada syarikat-syarikat yang mempunyai hubungan dengan HICOM termasuk projek pengurusan sisa pepejal, Intrakota dan perkhidmatan-perkhidmatan lapangan terbang di Lapanganterbang Antarabangsa KL. Saya percaya bahawa kerajaan telah pun memberi projek-projek yang terlalu banyak kepada HICOM sehingga ia sekarang mengalami, dengan izin, sebagai doktor financial indigestion. Saya percaya naungan politik ini mesti dihentikan. Pemberian projek-projek kepada syarikat-syarikat yang lain yang sama cekap dengan HICOM tidak akan merugikan sesiapa pun.

Tuan Yang di-Pertua, benarkan saya mengulas tentang dua lagi projek yang dirancang, iaitu Jambatan Sumatera dan rel kereta api merentas Asia. Kerajaan kita sudah menunjukkan kemampuannya untuk memudahkan pembangunan projek-projek yang besar seperti KL City Centre dan KRM. Sebab-sebab mengapa projek-projek tersebut telah dilaksanakan adalah jelas dan munasabah. Akan tetapi saya tidak boleh lihat bagaimana Jambatan Sumatera dan rel kereta api merentasi Asia boleh memberi manfaat kepada rakyat. Tiada apa-apa sebab yang jelas kenapa kita mesti mempunyai sebuah jambatan yang menghubungkan Peninsular Malaysia dan Sumatera. Juga tidak ada sebab-sebab jelas kenapa kita mesti membangun rel kereta api merentasi Asia, oleh kerana kereta api merupakan sistem pengangkutan yang lama yang telah diganti oleh sistem pengangkutan yang lebih canggih. Tidak ada nilai

langsung di dalam melaksanakan kedua-dua projek tersebut. Saya menyeru lagi kerajaan supaya mengkaji semula kemungkinan melaksanakan projek-projek tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga menyeru kerajaan supaya memberhentikan pembaziran dan aktiviti-aktiviti yang keterlaluan. Kerajaan mesti memastikan supaya skandal-skandal seperti kerugian pertukaran asing Bank Negara berbilion-bilion ringgit beberapa tahun dahulu, lagi skandal BMF, skandal Perwaja, skandal pinjaman MARA dan skandal Bank Rakyat dan dan sebagainya, merupakan peristiwa masa silam yang tidak akan berlaku lagi. Kerajaan mesti memerlukan dan melaksanakan penggunaan prosedur-prosedur audit yang ketat di dalam badan-badan kerajaan dan juga organisasi-organisasi separa kerajaan supaya tidak ada sesiapa pun yang boleh mencuri daripada organisasi-organisasi tersebut dan rakyat yang membayar cukai melalui jalan keluar daripada sistem organisasi-organisasi tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini Tun Ismail Ali menyedarkan saya tentang prosedur audit yang mudah tetapi berkesan yang boleh menghalang kerugian pertukaran Bank Negara yang bernilai berbilion-bilion yang disebutkan tadi. Yang Amat Berhormat Tun Ismail, Gabenor Bank Negara yang lama memberitahu saya bahawa jika Yang Amat Berhormat menjadi Gabenor Bank Negara pada tahun 90-an, Yang Amat Berhormat akan menghendaki pegawai-pegawai Bank Negara supaya memberi Yang Amat Berhormat laporan kedudukan harian, dengan izin, a daily status report to him mengenai aktiviti-aktiviti Bank Negara. Jikalau berlaku percanggahan atau

kerugian yang tidak biasa di dalam kedudukan kewangan Bank Negara pada suatu hari, Yang Amat Berhormat akan menyiasat perkara tersebut dan akan memadam sebarang masalah sebelum ia menjadi, dengan izin, sebuah national fiasco.

Tuan Yang di-Pertua, benarkan saya mengulas tentang sikap rakyat Malaysia. Baru-baru ini saya pergi ke Singapura naik kapal terbang. Untuk balik semula ke Kuala Lumpur, saya juga naik kapal terbang. Saya naik teksi dari hotel ke Lapanganterbang Changi. Di dalam teksi tersebut saya bersembang dengan pemandu teksi yang merupakan seseorang lelaki tua Melayu warganegara Singapura. Pemandu teksi tidak tahu siapa saya, oleh kerana itu, kami berbual-bual secara biasa. Saya dengan bangga memberitahunya tentang pembangunan pesat yang berlaku di Malaysia seperti pembangunan Lapanganterbang Antarabangsa Kuala Lumpur baru dan mengenai pertumbuhan ekonomi yang dialami oleh Malaysia. Apa yang mengejut dan menyedarkan saya ialah jawapan pemandu teksi - please note, pemandu teksi, bukan profesor. Dia berkata, “bahawa walau apa pun, Singapura akan tetap berada di hadapan Malaysia. Singapura akan sentiasa di depan kerana warganegara Singapura berorientasikan perkhidmatan dan warganegara Malaysia tidak berorientasi sedemikian.”

Semasa merdeka, Singapura tidak mempunyai sumber semulajadi langsung. Akan tetapi warganegara Singapura bekerja keras dan berorientasikan perkhidmatan. Mereka telah menjadikan budi bahasa sebagai cara kehidupan masyarakat Singapura. Oleh kerana itu, ekonomi Singapura

bertumbuh pesat, sehingga kini Singapura di depan Malaysia. Inilah kenyataan pemandu teksi dan bukan profesor. Kepada saya peristiwa ini merupakan kesedaran yang mengejutkan bagi saya, kerana apa yang dikatakan adalah benar. Kesedaran ini disahkan apabila saya tiba ke Lapanganterbang Subang pada lewat malam itu. Apabila saya keluar daripada lapangan terbang itu, beberapa orang pemandu teksi kita sedang tunggu untuk pelanggan mereka. Mereka melihat saya mengangkat beg-beg saya dengan susah, akan tetapi mereka tidak menolong saya langsung. Inilah sikap Malaysia, dengan izin, we go round the world to invite tourist to come to our country, but this is our attitude. Kita tidak berorientasikan perkhidmatan. Pada ketika itu perkataan-perkataan pemandu teksi Singapura itu tergambar di dalam fikiran saya.

Peristiwa kedua yang berlaku kepada saya berkenaan dengan sikap rakyat Malaysia berlaku pada awal bulan Oktober, Tuan Yang di-Pertua. Telefon di rumah rosak dan saya menghubungi Telekom Malaysia Bhd. 15 kali untuk memberitahu dan mengingatkan mereka bahawa telefon saya rosak dan adalah amat penting bagi telefon saya diperbaiki, oleh kerana saya seorang Wakil Rakyat, sekarang ada persidangan Dewan Rakyat, ada pilihan raya kecil di Sungai Bakap dan ada dua murder di Jalan Ipoh dan sebagainya. Telekom Malaysia Bhd. tidak datang ke rumah saya untuk memperbaiki telefon saya walaupun pejabatnya bagi melaporkan kerosakan di tempatkan lebih kurang setengah batu daripada rumah saya. Dengan izin, saya quote daripada Telekom Consumer Guides [*sambil membaca buku*] atau buku Panduan Pengguna, muka surat 4.

“Telecoms Malaysia’s Values - Our Commitment to you, page 5, Quality of Service Target. At the end of 1996 the number of fault, the line was 0.46. This is equivalent to experiencing a fault in your line every two years. If your telephone line has a fault, we will try to clear them within 24 hours.” Within 24 hours, I remind you, but I waited 10 days. Muka surat 6, *“Handling Complaint - We have specially trained team and state of art computer supported system to follow up on your complaint and inquiries efficiently.”* Itulah kompelin saya, state of art computer supported system, specially trained team. But what do they do, I don’t know what do they do. They sit around and do nothing I think.

Ini adalah janji palsu or false promises. This is printed, I think it is about RM10.00 to print. If you come to my house it only cause RM2.00 in petrol, is cheaper instead of printing so many beautiful books. Jika ini adalah kecekapan yang kita pameran untuk mendekati Wawasan 2020, saya berasa kita mesti mengambil dua ratus tahun lagi bagi Malaysia mencapai wawasan tersebut. Telekom Malaysia Berhad juga adalah satu daripada contoh entiti yang diswastakan di mana rakyat Malaysia membayar lebih bagi perkhidmatan, tetapi ianya tidak efisien dan tidak berorientasikan pelanggan selepas penswastaannya. Saya sokong saudara saya dari Tambun, dengan izin, there should be no service that should have a monopoly. If you have a monopoly, it only breach in efficiency. What is a use of announcing one over RM1 billion profit when we suffer like this.

Tuan Yang di-Pertua, kita mesti mengubah sikap kita tentang perkhidmatan jikalau pun kita ingin maju dalam zaman ini di mana golobalisasi dan liberalisasi adalah perkataan-perkataan kunci. Jikalau tidak, kita akhirnya akan rugi. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Kangar.

6.22 ptg.

Tuan Md. Isa bin Sabu [Kangar]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih di atas izin memberikan kepada saya untuk sama-sama memberi pandangan dan sekali gus menyokong Belanjawan 1998 yang telah pun dibentangkan pada hari Jumaat yang lalu di mana pendekatannya merupakan pendekatan yang berjaga-jaga sepertimana yang dibawa oleh Nabi Yusuf Alaihissalam. Walau bagaimanapun, Marang merungut bahawa pendekatan ini adalah tidak wajar. Yang lebih wajarnya adalah pendekatan Belanjawan yang sepatutnya dicontohi yang dibawa oleh Nabi Noh Alaihissalam.

Walaupun bagaimanapun, saya percaya pendekatan yang dibawa oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan juga Menteri Kewangan negara diperakukan oleh Yang Berhormat dari Klang bahawa pendekatan yang dibuat oleh Nabi Yusuf itu merupakan langkah berjaga-jaga untuk kita sama-sama bersatu berhati-hati menangani masalah yang kita sedang hadapi sekarang. Sepanjang kita mengikut pandangan daripada rakan-rakan sekalian kita dapati bahawa Yang Berhormat dari Tambun, Balik Pulau menyampaikan pendapat bahawa kita sentiasa berjaga-jaga dengan langkah-langkah kewangan

yang lebih efisien, dengan langkah-langkah supaya kita mempertingkatkan lagi kualiti kita bekerja, mempertingkatkan azam untuk kita bekerja, mempertingkatkan kualiti sumber manusia sepertimana yang disebut oleh Yang Berhormat dari Segambut tadi bahawa apa yang kita perlukan untuk mempertingkatkan kewangan negara, khazanah negara ialah melalui kualiti perkhidmatan dan kualiti manusia itu sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini selepas Belanjawan ini dibentangkan di Parlimen pada 17 Oktober, saya berkesempatan pulang ke kawasan di mana satu kawasan Dewan Undangan Negeri, pemimpin-pemimpinnya berhimpun memberi pendapat dan rungutan tentang masalah-masalah yang mungkin ada kaitan dengan mereka. Sebagai penduduk luar bandar, malah kawasan saya merupakan kawasan sebahagiannya bandar dan sebahagian besarnya merupakan kawasan luar bandar yang penduduknya terdiri daripada sama ada petani-petani dalam kawasan MADA, nelayan di Kuala Perlis dan peniaga-peniaga kecil dalam kawasan Kangar dan juga pekerja-pekerja kilang dalam Pekan Jejawi di Kangar. Masalah-masalah yang dirungutkan merupakan masalah-masalah sepertimana yang rakan-rakan saya sebut. Kerana kita dapati bahawa apa yang kita alami sekarang ialah kalau kita perhati kepada satu pendapat bahawa penambahan makanan kita ialah mengikut 'janjang kira-kira' ataupun penambahan makanan kita mengikut arithmetic progression. Manakala penambahan penduduk kita mengikut 'janjang geometri' ataupun mengikut geometric progression. Manakala keadaan kewangan kita menurun mengikut

logarithmic progression. Inilah yang membimbangkan penduduk-penduduk di luar bandar.

Sungguh pun pada masa ini kita dapati bahawa mereka masih belum terhimpit, tetapi mereka merungut bahawa lesen memandu mereka daripada RM20 naik kepada RM50, bererti kenaikannya adalah 150%. Bagi penduduk luar bandar di kawasan saya sungguh pun mereka mempunyai motokar, tetapi motokar yang modelnya tidak lagi dipakai di Kuala Lumpur ini. Misalnya, model KE20, Yang Berhormat dari Padang Besar setuju dengan saya bahawa model itu tidak kedapatan di Kuala Lumpur. Yang Berhormat dari Kulim Bandar Baru pun senyum, makna di Kulim pun banyak kereta yang macam itu. Model tahun 70, model tahun 69 atau model tahun 70-an. Model ini memang di Kuala Lumpur tidak nampak di atas jalan, tidak pakai di Kuala Lumpur. Ini bukanlah merupakan kemewahan, tetapi satu keperluan mereka. Tambah-tambah lagi Kementerian Pembangunan Luar Bandar beri jalan PJK jalan kampung. RM50 bererti tinggi bagi mereka.

Jadi, saya rayulah supaya pihak kerajaan dapat pertimbangkan supaya bagi lesen motosikal B2 dan juga lesen D motokar yang empat roda, kalau combine kedua ini, dengan izin, RM20 sahaja. Jadi, kalau hendak naik pun janganlah sampai RM50. Mungkin daripada RM20 naik ke RM30 barangkali itu tidak sakit sangat bagi penduduk luar bandar. Ini yang mereka risau. Kerana motokar-motokar yang mereka pakai itu pun barangkali kalau di Kangar hendak pergi ke Alor Setar tidak sampai. Mungkin sampai di Koding atau pun sampai di Padang Sera, sampai Air Hitam, Yang Berhormat dari Langkawi

setuju itu, barangkali mati di pertengahan jalan. Begitu juga tol yang saya sebut dan rakan-rakan lain sebut.

Hari ini, Tuan Yang di-Pertua, rakan-rakan peniaga juga merungut bukan sahaja Ringgit jatuh, saham jatuh, tetapi barang-barang input perniagaan juga naik. Termasuklah rakan-rakan saya dalam bidang perniagaan makanan. Dalam perniagaan makanan di mana barang mentah mulai naik, cili naik, daging naik, bererti margin keuntungan makin sempit. Inilah perkara-perkara yang patut kita ambil kira di mana saya percaya perkara ini juga akan memberi kesan yang negatif kepada orang kampung nanti, kerana kita bergantung kepada makanan import seperti tepung, gula, cili, rempah dan sebagainya, kerana barang-barang ini tidak kita keluarkan dalam negara kita. Saya yakin bahawa yang akan jadi masalah dan kita perlu kerja kuat nanti untuk menstabilkan harga, tambah-tambah lagi kita akan menghadapi pelbagai hari besar. Pada bulan Disember ini kita akan menghadapi Hari Krismas, dan selepas itu Hari Raya Puasa dan Tahun Baru Cina. Jadi, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna barangkali terpaksa mengambil langkah-langkah yang lebih perlu.

Walau bagaimanapun, seperti yang disebut oleh Yang Berhormat dari Balik Pulau tadi yang penting sekali bukanlah masalah penguatkuasaan itu, tetapi masalah instrument perniagaan itu sendiri. Tetapi kalau harga semakin naik, apa boleh buat kepada peniaga-peniaga pun. Kalau barang sudah naik harga, masakan peniaga boleh jual barangan kurang daripada modal. Jadi, yang ini pun kita kena pasti untuk kita dapat, dengan izin, men'satisfy'kan semua pihak.

Tuan Yang di-Pertua, tadi saya ada sebut tentang bekalan makanan. Rakan-rakan lain pun ada sebut tentang bekalan makanan yang bertambah ikut ‘janjang kira-kira’. Manakala permintaan penduduk bertambah, permintaannya ialah ikut ‘janjang geometri’. Apa yang penting di sini ialah Kementerian Pertanian, banyakkkan lagi sumber-sumber yang boleh kita teroka untuk mempertingkatkan lagi hasil-hasil pertanian kita, terutama sekali dari segi menggunakan teknologi moden seperti yang disebut oleh rakan-rakan yang lain, dan pengurusan-pengurusan moden. Di samping itu juga, kita dapati R&D yang dijalankan oleh agensi-agensi kita masih belum sampai ke bawah. Petani-petani kita memang rajin bekerja, dari Perlis sampai ke Sabah, sampai ke Sarawak kita dapati petani-petani kita merupakan golongan yang rajin bekerja, tidak kira sama ada hujan ataupun panas. Mereka bekerja....

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, hari sudah suntuk. Yang Berhormat diminta sambung.

Tuan Md. Isa bin Sabu: Saya berhajat untuk sambung, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Majlis Mesyuarat ditangguhkan hingga jam 2.30 Isnin depan.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.

